



Kementerian Belia dan Sukan
Malaysia



Institut Penyelidikan
Pembangunan Belia Malaysia

Malaysian Journal of Youth Studies

VOLUME
JILID **20**

ISSN 2180-1649

JUNE
JUN **2019**

Makalah/Articles

- Kekangan Menceburi Bidang Keusahawanan: Persepsi Pelajar Institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di Malaysia** 1-12
Dzuhailmi Dahalan, Jeffrey Lawrence D'Silva, Ismi Arif Ismail & Nor Aini Mohamed
- Faktor Penglibatan Remaja Perempuan dalam Penyalahgunaan Bahan: Kajian Kes di Asrama Akhlak** 13-31
Norruzeyati Che Mohd Nasir, Mohammad Rahim Kamaluddin, Noor Azizah Ahmad & Nurhazlina Mohd. Ariffin
- Pengaruh Faktor Psikososial Terhadap Tingkah Laku Agresif dalam Kalangan Pelajar Pra-Universiti Sekitar Kuala Lumpur** 32-49
Nur Azrul Amirul Mustafa, Mohammad Rahim Kamaluddin, Fatin Adha Murad, Balan Rathakrishnan, Noremy Md Akhir, Norruzeyati Che Mohd Nasir
- Penglibatan Remaja dalam Tingkah Laku Ponteng Sekolah di Sekolah Menengah Daerah Limbang Sarawak** 50-68
Noremy Md Akhir, Nur Syafawani Matderis & Mohammad Rahim Kamaluddin
- Faktor-Faktor Penagihan Semula dalam Kalangan Belia : Kajian di Pusat Serenti Bukit Mertajam, Pulau Pinang** 69-79
Nurhazlina Mohd Ariffin, Norruzeyati Che Mohd Nasir & Mohammad Rahim Kamaluddin
- Work and Salary Expectations of Unemployed Youths** 80-99
Rossilah Jamil & Zukarnain Zakaria
- Pengaruh Pengetahuan Dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Pencemaran Sungai Dalam Kalangan Belia** 100-110
Norshahida Akma Alia & Aziz Amin



Penasihat/Advisor

YBhg. Prof. Emeritus Dr. Samsuddin A. Rahim
Felo Pemikir
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

Ketua Editor/Editor-in-Chief

Dr. Zainah Shariff
Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

Editor Eksekutif/Executive Editor

Dr. Asma Abdullah - Ahli Lembaga Pengarah IYRES
Prof. Madya Dr. Sarjit S. Gill - Universiti Putra Malaysia
Ts. Syariffanor Hisham - IYRES

Sidang Editorial/Editorial Board

Shahhanim Yahya - IYRES
Shariffah Mamat - IYRES
Mohd Rizal Mohd Sham - IYRES
Norati'qah Talib - IYRES
Nur Aqilah Syazwani Mohd Nor - IYRES

Reviewer/Pewasit

Prof. Madya Dr. Janice Nga Lay Hui (UMS)
Prof. Madya Dr. Balan Rathakrishnan (UMS)
Prof. Madya Dr. Mastura Johar (UNITEN)
Dr. Siti Rabaah Hamzah (UPM)
Dr. Getrude C. Ah Gang@ Grace (UMS)
Dr. Wendy Yee Mei Tien (UM)
Dr. Dzulzalani Eden (UNIMAS)
Dr. Zulisman Maksom (UTEM)



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

Malaysian Journal of Youth Studies

VOLUME
JILID 20

ISSN 2180-1649

JUNE
JUN 2019

Makalah/Articles

- Kekangan Menceburi Bidang Keusahawanan: Persepsi Pelajar Institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di Malaysia** 1-12
Dzuhailmi Dahalan, Jeffrey Lawrence D'Silva, Ismi Arif Ismail & Nor Aini Mohamed
- Faktor Penglibatan Remaja Perempuan dalam Penyalahgunaan Bahan: Kajian Kes di Asrama Akhlak** 13-31
Norruzeyati Che Mohd Nasir, Mohammad Rahim Kamaluddin, Noor Azizah Ahmad & Nurhazlina Mohd. Ariffin
- Pengaruh Faktor Psikososial Terhadap Tingkah Laku Agresif dalam Kalangan Pelajar Pra-Universiti Sekitar Kuala Lumpur** 32-49
Nur Azrul Amirul Mustafa, Mohammad Rahim Kamaluddin, Fatin Adha Murad, Balan Rathakrishnan, Noremy Md Akhir, Norruzeyati Che Mohd Nasir
- Penglibatan Remaja dalam Tingkah Laku Ponteng Sekolah di Sekolah Menengah Daerah Limbang Sarawak** 50-68
Noremy Md Akhir, Nur Syafawani Matderis & Mohammad Rahim Kamaluddin
- Faktor-Faktor Penagihan Semula dalam Kalangan Belia : Kajian di Pusat Serenti Bukit Mertajam, Pulau Pinang** 69-79
Nurhazlina Mohd Ariffin, Norruzeyati Che Mohd Nasir & Mohammad Rahim Kamaluddin
- Analyzing Work and Salary Expectations of Unemployed Youths** 80-99
Rossilah Jamil & Zukarnain Zakaria
- Pengaruh Pengetahuan Dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Pencemaran Sungai Dalam Kalangan Belia** 100-110
Norshahida Akma Alia & Aziz Amin

Ledakan Data Raya dan Revolusi Industri 4.0 Siti Nurhidayah Ismail	111-119
Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018 Mengukur Tahap Budaya Sukan Rakyat Malaysia Mastura Mohamad	120-135
Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Belia untuk Terlibat dalam Masalah Sosial: Kajian Kes dalam Kalangan Pelajar Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) Farhan Mat Arisah	136-152

KEKANGAN MENCEBURI BIDANG KEUSAHAWANAN PELAJAR INSTITUSI PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN LATIHAN VOKASIONAL (TVET) DI MALAYSIA

DZUHAILMI DAHALAN, JEFFREY LAWRENCE D'SILVA, ISMI
ARIF ISMAIL & NOR AINI MOHAMED

ABSTRAK

Artikel ini meneliti kekangan menceburi bidang keusahawanan berdasarkan persepsi pelajar institusi pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET) di Malaysia. Dapatan yang dibentangkan merupakan kajian kuantitatif melibatkan seramai 1,000 orang pelajar di lapan institusi TVET awam terpilih di Semenanjung Malaysia. Secara keseluruhannya, kajian mendapati kekangan responden menceburi bidang kesusahawanan berada pada tahap sederhana. Tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan dari segi kekangan menceburi bidang keusahawanan di antara responden peringkat pengajian sijil mahu pun di peringkat diploma. Walau bagaimanapun, kajian mendapati terdapat perbezaan persepsi yang signifikan terhadap kekangan menceburi bidang keusahawanan di antara responden yang memiliki keluarga/ibu bapa yang menjalankan aktiviti perniagaan berbanding responden yang bukan berlatarbelakangkan keluarga/ibu bapa yang menjalankan aktiviti perniagaan. Kajian turut mendapati terdapat perbezaan persepsi yang signifikan terhadap kekangan menceburi bidang keusahawanan di antara responden yang terlibat dengan aktiviti perniagaan semasa mengikuti pengajian di institusi berbanding mereka yang tidak terlibat langsung dengan sebarang aktiviti perniagaan. Ringkasnya, menceburi bidang keusahawanan dilihat sebagai pilihan yang realistik bagi pelajar TVET di Malaysia oleh kerana kemahiran individu yang spesifik dimiliki oleh mereka. Namun, sistem sokongan yang lebih bersepadu dan efektif boleh difikirkan bersama ke arah mengurangkan kekangan yang boleh membantutkan kesediaan mereka untuk menceburi bidang keusahawanan pada masa hadapan.

Kata Kunci: Kekangan, Pelajar TVET, Keusahawanan, Institusi TVET, Usahawan TVET

ABSTRACT

This article examined the constraints in venturing into entrepreneurship based on the perceptions of Technical and Vocational Education and Training (TVET) students in Malaysia. The findings were collected through a quantitative study that involved 1000 students from eight selected public TVET institutions in Peninsular Malaysia. Overall, the study found that the level of constraints faced by respondents to venture into entrepreneurship was moderate. There was no significant difference in perception in terms of constraints in venturing into entrepreneurship between certificate level respondents and diploma level respondents. However, the study found significant differences on perception in entrepreneurship constraints between respondents with family/parents that have been involved in business activities and

those with family/parents without any business-related background. Next, the study also found significant differences on perception in entrepreneurship constraints between respondents who have experience in business activities while pursuing studies in their institutions and those who have never been involved in any business activity. In summary, venturing into entrepreneurship was seen as a realistic option for TVET students in Malaysia considering the specific individual skills that they possessed. Nevertheless, more integrated and effective support system could be developed together in order to reduce the constraints that can undermine their willingness to venture into entrepreneurship in the future.

Keywords: Constraints, TVET students, Entrepreneurship, TVET institution, TVET entrepreneur

PENGENALAN

Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) untuk tempoh 2011-2015 telah menunjukkan perancangan yang drastik di pihak kerajaan di dalam mengarusperdanakan sistem Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara ke arah menyediakan pendidikan alternatif kepada masyarakat terutama golongan muda. Dengan kata lain, graduan TVET merupakan lepasan institusi pendidikan yang dilatih khusus bagi menyerlahkan potensi diri mereka mengikut kecenderungan dan bakat. Mereka dikatakan kumpulan individu yang dilengkapi dengan kemahiran tertentu dalam bidang teknikal dan vokasional yang dilihat bukan sahaja dapat memenuhi keperluan pasaran kerja malah berpotensi bertindak sebagai penjana pekerjaan (job creator) yang akan menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat.

Umum mengetahui belia negara khususnya lepasan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berdepan dengan cabaran sengit ketika ini untuk menempatkan diri dalam kerjaya pilihan mereka. Ini tidak terkecuali berlaku dalam kalangan graduan TVET. Pengangguran graduan IPT berlaku akibat daripada pertumbuhan struktur guna tenaga yang perlahan serta tidak mampu untuk menampung bilangan mereka yang semakin meningkat saban tahun (Nooriah, Zakiah & Norain, 2013). Masa mendatang dilihat semakin mencabar di mana Revolusi Perindustrian Ke-4 (Indusri 4.0) berterusan mewujudkan tekanan dalam pasaran buruh sedia ada apabila penekanan pembinaan teknologi realiti maya atau Internet of Thing (IOT) sedikit demi sedikit mengambil alih intensif buruh dalam dalam pasaran kerja (Dzuhailmi, 2019).

Kebergantungan graduan yang tinggi terhadap pasaran kerja semasa terutama terhadap kerjaya yang sesuai dengan kelayakan dan bidang pengajian mereka dilihat tidak dapat menyelesaikan isu pengangguran yang berlaku dalam kalangan mereka. Sebahagian daripada mereka tidak dapat tidak, perlu mencari alternatif dengan menceburkan diri dalam bidang keusahawanan mengikut kecenderungan diri dan bakat yang dilatih.

Dalam konteks lepasan TVET, potensi mereka diakui terhasil melalui aliran pendidikan teknikal dan vokasional yang sistematik di institusi pendidikan masing-masing. Walaupun di sebalik kemelut akreditasi atau pengiktirafan graduan TVET di Malaysia yang masih hangat diperkatakan, namun dari satu sudut yang lain, graduan TVET dilihat paling berpotensi untuk disediakan sebagai penjana pekerjaan yang mampu menyelesaikan sebahagian besar masalah pengangguran dalam kalangan golongan muda disebabkan kemahiran tertentu yang dilatih ke atas mereka (Dzuhailmi, 2019).

Data Kementerian Pengajian Tinggi (2016) mengenai kebolehpasaran graduan TVET menunjukkan terdapat peningkatan yang memberangsangkan bagi tahun 2016 di mana universiti-universiti teknikal Malaysia (MTUN) menunjukkan kadar kebolehpasaran graduan pada tahap 87.1% disusuli dengan Politeknik (88.6%) dan Kolej Komuniti (97.2%). Walaupun senario ini dilihat positif daripada satu sudut, namun data ini dilihat terus menyumbang kepada pencapaian Malaysia yang rendah dari aspek hasrat menjadi usahawan (*entrepreneurial intention*) (UNIRAZAK, 2015) terutamanya melibatkan graduan TVET dalam konteks ini.

Hakikatnya, usaha untuk memperkukuhkan keusahawanan sama ada ke arah pemikiran keusahawanan (*entrepreneurial mind-set*) ataupun kecenderungan untuk menjadi seorang usahawan mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan, menyelesaikan isu pengangguran dalam kalangan golongan muda, meningkatkan tahap sosio ekonomi masyarakat serta mengurangkan jurang di antara golongan kaya dan miskin (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016). Tetapi, sokongan semua pihak pemegang taruh amat penting bagi menjayakannya. Ini kerana kajian lepas menunjukkan terdapat pelbagai faktor yang dikenalpasti mengekang perkembangan bidang keusahawanan dalam kalangan graduan itu sendiri (Norasmah, Azzyyati & Muhammad, 2009). Justeru, makalah ini cuba menghuraikan faktor kekangan di dalam menceburi bidang keusahawanan khususnya melibatkan pelajar TVET di Malaysia.

KAJIAN LAMPAU

Kajian di Malaysia berkaitan pelajar TVET dan bidang keusahawanan dilihat banyak memberi tumpuan kepada faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar terhadap bidang ini, pada masa yang sama mengukur tahap kesediaan mereka (Eriniwati, 2014; Mohd Hassan, 2007; Azilahwati, Syaharizad & Muhammad Helmi, 2015; Yusrizal, 2012; Adam, Abdul Razak & Abu Bakar, 2011; Dzuhailli et al., 2018). Manakala, kajian yang memberi tumpuan kepada faktor kekangan menceburi bidang keusahawanan dalam konteks tempatan pula banyak melibatkan sampel pelajar IPT pelbagai bidang dan orang awam (Norasmah Othman, Azzyyati Anuar & Muhammad Husin, 2009; Muhamad Fadir, 2012; Wan Nor Dalilah, 2008).

Beberapa penelitian ringkas berkaitan kekangan menceburi bidang keusahawanan dalam kajian yang lepas mendapati terdapat beberapa faktor yang dilihat mempengaruhi seseorang. Kajian Norasmah Othman, Azzyati Anuar dan Muhammad Husin (2009) dalam kalangan pelajar universiti awam terpilih mendapati faktor trait personaliti, kemahiran teknikal pelajar dan persekitaran mikro dilihat merupakan tema utama yang menjadi faktor kekangan. Kajian berbentuk kualitatif ini mendapati responden turut melihat faktor yang sama mengekang pelajar lain untuk melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan ketika belajar. Elemen trait personaliti yang dilihat sebagai kekangan responden menceburi bidang keusahawanan dalam kajian ini adalah seperti tidak berani mengambil risiko, keupayaan membuat keputusan, keyakinan diri dan keupayaan mengurus masa. Faktor kemahiran teknikal pelajar pula adalah berkait dengan kekurangan pengetahuan dalam perniagaan dan kemahiran mengurus kewangan. Manakala, faktor persekitaran mikro melibatkan masalah pihak pembekal, permintaan atau karenah pelanggan dan persaingan perniagaan.

Kajian Mohd. Hassan (2007) mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan Usahawan Kredit Mikro di Johor mendapati kemahiran dalam bidang pengurusan dan penggunaan masa dikenalpasti sebagai faktor yang paling kritikal perlu ada dalam diri usahawan kecil untuk berjaya di dalam perniagaan. Kajian beliau turut menemui faktor lain yang mempengaruhi kejayaan usahawan seperti pengkhususan dan pembahagian kerja; tidak mudah berputus asa; kesanggupan berdikari; mempunyai minat yang tinggi; kemahiran yang tinggi dalam bidang perniagaan; kesanggupan menghadapi risiko; dan cepat bertindak dalam mengubah strategi perniagaan. Dalam erti kata lain, faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan seperti yang ditemui dalam kajian Mohd. Hassan (2007) boleh juga ditafsirkan sebagai faktor trait personaliti dan kemahiran teknikal yang dilihat sebagai faktor kekangan bagi seseorang untuk menceburi bidang keusahawanan sepertimana yang ditemui dalam kajian Norasmah Othman, Azzyati Anuar dan Muhammad Husin (2009).

Musalme (2011) pula dalam kajiannya berhubung tahap kesediaan keusahawanan dalam kalangan bakal usahawan wanita di bawah program Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mendapati masalah kewangan menjadi isu utama bagi bakal usahawan untuk memulakan perniagaan. Gaedeke dan Tootelian (1991) menyatakan ketiadaan modal merupakan penyebab utama yang mendorong kepada kegagalan sesuatu perusahaan, selain daripada faktor ekonomi, kekurangan pengalaman dalam jualan, pelanggan, perbelanjaan yang tinggi, pengabaian perniagaan, bencana dan penipuan.

Abu Bakar (2005) menyatakan kekangan yang dijangka dalam aktiviti usaha niaga membantutkan keinginan seseorang untuk menceburkan

diri dalam aktiviti ini. Kekangan tersebut seperti: (1) Pendapatan tidak menentu; (2) Risiko pelaburan modal; (3) Masa bekerja yang panjang dan sukar; (4) Keseimbangan kerja-kehidupan (work-life balance) di peringkat awal perniagaan; (5) Tanggungjawab perniagaan; (6) Risiko minda dan psikologi; dan (7) Risiko sosial. Rita (2004) pula dalam kajiannya melibatkan pelajar salah sebuah IPT di Perancis mendapati responden tidak menceburi bidang keusahawanan disebabkan faktor risiko, cukai yang dikenakan, pengalaman, tiada idea, selain ketiadaan masa bersosialisasi dengan orang lain.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Data dikutip dengan menggunakan borang soal selidik yang diurus tadbir sendiri oleh responden. Pensampelan rawak mudah digunakan dengan melibatkan 1,000 orang responden yang terdiri daripada pelajar kolej komuniti dan politeknik terpilih di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Kajian berbentuk nation wide study ini melibatkan empat kolej komuniti dan empat politeknik terpilih di Semenanjung Malaysia mengikut zon utara, selatan, timur dan tengah. Kajian di lapangan mengambil masa selama sebulan dan telah dijalankan pada bulan Mac 2018. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Skor min dan sisihan piawai digunakan bagi mengukur kesediaan pelajar menceburi bidang keusahawanan. Manakala, ujian t-bebas digunakan bagi melihat sama ada terdapat perbezaan persepsi yang signifikan terhadap kekangan menceburi bidang keusahawanan berdasarkan beberapa pemboleh ubah demografi terpilih.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Responden

Jadual 1 meringkaskan taburan profil demografi terpilih responden. Kajian melibatkan 54.8% responden lelaki, manakala 45.2% perempuan. Sebanyak 52.2% responden sedang mengikuti pengajian di peringkat diploma, selebihnya (47.8%) di peringkat sijil. Majoriti responden (52.2%) menyatakan tidak pernah menghadiri kursus keusahawanan. Tetapi peratusan ini tidak terlalu besar dengan jumlah responden yang pernah menghadiri kursus keusahawanan iaitu sebanyak 47.8%. Responden ditanya sama ada mereka terlibat dengan sebarang aktiviti perniagaan pada masa ini. Sebanyak 54.9% dalam kalangan mereka mengatakan tidak, manakala 45.1% sedang terlibat. Peluang untuk menambah pendapatan dilihat merupakan sebab tertinggi (30.5%) responden terlibat dengan aktiviti perniagaan. Ini diikuti dengan mengisi masa lapang (21.8%), menampung keperluan belajar (20.3%), hobi/minat semata-mata (17.6%), dorongan keluarga/guru/rakan (15.8%) dan lain-lain (2.4%) dengan sebab untuk meringankan beban keluarga selain keperluan subjek keusahawanan di institusi itu sendiri. Responden turut ditanya sama ada keluarga/ibu mereka terlibat dengan sebarang aktiviti perniagaan. Data menunjukkan

61.4% dalam kalangan mereka mengatakan tidak, selebihnya (38.6%) mengakuinya.

Jadual 1: Profil Demografi Responden (n=1,000)

Latar belakang	Peratus
Jantina	
Lelaki	54.8
Perempuan	45.2
Peringkat pengajian	
Sijil	47.8
Diploma	52.2
Hadir kursus keusahawanan	
Ya	47.8
Tidak	52.2
Terlibat dengan aktiviti perniagaan pada waktu ini	
Ya	45.1
Tidak	54.9
Sebab terlibat dengan aktiviti perniagaan	
Hobi/minat semata-mata	17.6
Mengisi masa lapang	21.8
Menampung keperluan belajar	20.3
Peluang tambah pendapatan	30.5
Dorongan keluarga/guru/rakan	15.8
Lain-lain	2.4
Keluarga/Ibu bapa menjalankan aktiviti perniagaan	
Ya	38.6
Tidak	61.4

Penentuan Tahap Persepsi mengenai Kekangan Menceburi Bidang Keusahawanan

Skala Likert 5-mata iaitu (5) Sangat setuju hingga (1) Sangat tidak setuju, digunakan bagi menilai faktor kekangan menceburi bidang keusahawanan daripada persepsi responden. Manakala, tahap kekangan tersebut ditentukan melalui pengiraan jumlah keseluruhan min konstruk pengukuran dan dibahagikan dengan jumlah item kekangan menceburi keusahawanan bagi menghasilkan min keseluruhan. Secara keseluruhannya, kajian mendapati kekangan responden menceburi bidang keusahawanan berada pada tahap sederhana [$M=3.55$, $SP=.612$]. Jadual 2 menunjukkan penentuan tahap persepsi mengenai kekangan responden menceburi bidang keusahawanan berasaskan dapatan min keseluruhan konstruk pengukuran.

Jadual 2: Persepsi tahap kekangan responden menceburi bidang keusahawanan (n=1,000)

Tahap	Bilangan	Peratus	Min	SP
-------	----------	---------	-----	----

			3.55	.612
Rendah (1.00-2.33)	30	3.0		
Sederhana (2.34-3.66)	539	53.9		
Tinggi (3.67-5.00)	431	43.1		

Jadual 3 menunjukkan taburan secara deskriptif bagi setiap faktor kekangan untuk menceburi bidang keusahawanan daripada perspektif responden. Kajian menunjukkan hanya terdapat dua faktor kekangan yang tinggi di dalam menceburi bidang keusahawanan daripada perspektif responden iaitu sokongan keluarga [M=3.74] dan keyakinan diri [M=3.72]. Manakala, baki 17 faktor menunjukkan skor min kekangan sederhana [M=2.34-3.66].

Jadual 3: Taburan min dan sisihan piawai faktor kekangan menceburi bidang keusahawanan berdasarkan persepsi responden (n=1,000)

No.	Faktor kekangan	Min	SP
1.	Kemahiran keusahawanan	3.44	.931
2.	Keyakinan diri	3.72	.936
3.	Minat	3.61	1.026
4.	Motivasi	3.61	9.09
5.	Sokongan keluarga	3.74	1.045
6.	Sokongan guru/tenaga pengajar	3.64	.999
7.	Sokongan rakan-rakan	3.63	.992
8.	Modal	3.51	1.050
9.	Persaingan	3.57	.971
10.	Kadar sewa premis perniagaan yang tinggi	3.58	1.052
11.	Kemudahan pinjaman	3.50	.951
12.	Keadaan ekonomi dalam negara	3.65	.998
13.	Sokongan kerajaan	3.45	.994
14.	Keadaan politik dalam negara	3.41	1.046
15.	Sikap negatif	3.10	1.148
16.	Kewujudan bidang keusahawanan baru (cth: keusahawanan sosial)	3.53	.925
17.	Sokongan badan bukan kerajaan (NGO)	3.39	.936
18.	Kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)	3.66	1.002
19.	Pengetahuan kewangan perniagaan	3.60	.965

Ujian t-bebas digunakan bagi melihat sama ada terdapat perbezaan persepsi yang signifikan terhadap kekangan menceburi bidang keusahawanan berdasarkan profil peringkat pengajian. Analisis mendapati tidak terdapat

perbezaan persepsi yang signifikan berhubung kekangan menceburi bidang keusahawanan di antara responden di peringkat sijil [$M=3.54$, $SP=.639$] dengan peringkat pengajian diploma [$M=3.55$, $SP=.586$; $t(1000)=-.468$; $p=.640$]. Walau bagaimanapun, analisis mendapati terdapat perbezaan persepsi yang signifikan terhadap tahap kekangan menceburi bidang keusahawanan di antara responden yang mempunyai keluarga yang berniaga [$M=3.62$, $SP=.613$] dengan responden daripada keluarga/ibu bapa yang tidak berniaga [$M=3.50$, $SP=.607$; $t(1000)=2.924$; $p=.004$], di mana responden yang mempunyai keluarga/ibu bapa yang berniaga merasakan kekangan yang lebih tinggi untuk menceburi bidang keusahawanan berbanding mereka yang bukan daripada keluarga/ibu bapa yang berniaga.

Analisis turut mendapati terdapat perbezaan persepsi yang signifikan terhadap kekangan menceburi bidang keusahawanan di antara responden yang terlibat dengan aktiviti perniagaan [$M=3.64$, $SP=.572$] dengan responden yang tidak terlibat dengan sebarang aktiviti perniagaan [$M=3.47$, $SP=.633$; $t(1000)=4.335$; $p=.000$], di mana responden yang terlibat dengan aktiviti perniagaan semasa belajar merasakan kekangan yang lebih tinggi untuk menceburi bidang keusahawanan berbanding responden yang tidak terlibat dengan sebarang aktiviti perniagaan. Jadual 4 meringkaskan taburan perbezaan persepsi terhadap kekangan menceburi bidang keusahawanan berdasarkan profil terpilih responden.

Jadual 4: Perbezaan persepsi tahap kekangan menceburi bidang keusahawanan berdasarkan profil terpilih (n=1000)

Profil	n	Min	SP	<i>t</i>	<i>p</i>
Peringkat pengajian				-.468	.640
Sijil	478	3.54	.639		
Diploma	522	3.55	.586		
Keluarga/Ibu Bapa				2.924	.004
Berniaga	386	3.62	.613		
Tidak berniaga	614	3.50	.607		
Terlibat dengan perniagaan				4.335	.000
Ya	451	3.64	.572		
Tidak	549	3.47	.633		

Kajian ini jelas menunjukkan faktor keyakinan diri merupakan antara kekangan tertinggi untuk menceburi keusahawanan berdasarkan persepsi responden. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Norasmah Othman, Azzyati Anuar dan Muhammad Husin (2009) yang mendapati elemen trait personaliti seperti keyakinan diri merupakan antara kekangan seseorang menceburi bidang keusahawanan. McMillan (2006) menyatakan keyakinan diri seseorang merupakan elemen penting dalam aktiviti

perniagaan. Keyakinan diri yang rendah dilihat sebagai ancaman terbesar dalam sesebuah perniagaan berbanding faktor pesaing mahupun pasaran.

Sementara itu, faktor sokongan keluarga yang dilihat mengekang responden dalam dapatan kajian semasa tidak ditemui dalam faktor persekitaran mikro dalam kajian Norasmah Othman, Azzyati Anuar dan Muhammad Husin (2009), yang mengaitkan elemen ini dengan masalah pembekal, permintaan atau karenah pelanggan dan persaingan perniagaan. Namun, Abu Bakar (2005) menyatakan risiko sosial merupakan antara kekangan yang boleh dijangka dalam aktiviti usaha niaga sekaligus membantutkan keinginan seseorang untuk menceburkan diri dalam aktiviti ini. Faktor ini sedikit sebanyak selari dengan dapatan kajian semasa yang menunjukkan sokongan keluarga dilihat sebagai kekangan tertinggi untuk menceburi bidang keusahawanan berdasarkan persepsi responden.

Mengulas dapatan persepsi responden berdasarkan profil terpilih, kajian semasa menunjukkan tidak terdapat perbezaan persepsi berhubung kekangan menceburi bidang keusahawanan di antara responden di peringkat sijil mahupun diploma. Ini bermakna persepsi responden di kedua-dua peringkat pengajian terhadap faktor kekangan menceburi bidang keusahawanan yang disenaraikan adalah sama. Walau bagaimanapun, profil keluarga dan faktor keterlibatan responden dalam aktiviti perniagaan menunjukkan perbezaan persepsi terhadap kekangan menceburi keusahawanan. Persepsi responden yang memiliki keluarga/ibu bapa yang menjalankan perniagaan berhubung kekangan menceburi bidang keusahawanan dilihat lebih tinggi berbanding mereka yang tidak memiliki keluarga/ibu bapa yang menjalankan perniagaan. Hal yang sama ditunjukkan bagi responden yang menjalankan aktiviti perniagaan berbanding mereka yang tidak menjalankan sebarang aktiviti perniagaan. Ini menunjukkan pengalaman responden dalam bidang keusahawanan sedikit sebanyak memantapkan persepsi mereka berhubung kekangan yang dihadapi untuk menceburi bidang keusahawanan berbanding responden yang tiada pengalaman dalam bidang keusahawanan bagi konteks dapatan profil terpilih.

KESIMPULAN

Ringkasnya, matlamat pendidikan keusahawanan yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi kerajaan adalah untuk membentuk pelajar sebagai penjana pekerjaan (job creator) yang mampu menyediakan serta mempelbagaikan peluang pekerjaan dalam masyarakat. Kementerian Pendidikan misalnya menerusi Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020 menyasarkan 100% pelajar IPT mendapat pendedahan kepada nilai dan atribut keusahawanan menjelang tahun 2020 di bawah Strategi Membangunkan Kurikulum Holistik dan Bersepadu melalui Inisiatif: Melaksanakan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEP) dengan menerapkan elemen keusahawanan merentasi kurikulum dan bidang

pengajian. Justeru, bekerja sendiri ataupun memiliki perniagaan dilihat merupakan pilihan yang realistik bagi pelajar TVET di Malaysia oleh kerana kemahiran individu yang dimiliki oleh mereka. Oleh itu, usaha berterusan untuk memantapkan pendidikan keusahawanan merentas jenis pengajian TVET perlu dilakukan oleh semua agensi penyedia pendidikan/latihan. Maka, kajian ini menyarankan agar sistem sokongan yang lebih bersepadu dan efektif boleh difikirkan bersama ke arah mengurangkan kekangan yang boleh membantutkan kesediaan pelajar TVET di Malaysia untuk menceburi bidang keusahawanan pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Abu Bakar. (2005). *Keusahawanan dan pengurusan perniagaan kecil*. Penerbit Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Adam, A., Abdul Razak, S. dan Abu Bakar, M.H. (2011). *Kecenderungan pelajar-pelajar semester akhir Kolej Komuniti Jasin terhadap keusahawanan*. Mini Seminar Pendidikan Kolej Komuniti Jasin.
- Azilahwati Adam, Syaharizad Abdul Razak & Muhammad Helmi Abu Bakar. (2015). Aspirasi kerjaya sebagai usahawan di kalangan pelajar-pelajar semester akhir Kolej Komuniti Jasin. Dalam talian: https://www.academia.edu/3856088/ASPIRASI_KERJAYA_SEBAGAI_USAHAWAN_DI_KALANGAN_PELAJAR-PELAJAR_SEMESTER_AKHIR_KOLEJ_KOMUNITI_JASIN
- Dzuhailmi Dahalan. (2019). Cabaran graduan TVET. *Kosmo*, 5 Januari 2019.
- Dzuhailmi Dahalan, Jeffrey Lawrence D'Silva, Ismi Arif Ismail & Nor Aini Mohamed. (2018). Entrepreneurial mind-set among students of Technical and Vocational Education and Training (TVET) Institutions in Malaysia. *The Journal of Social Sciences Research*, 4(11), 2413-6670.
- Eriniwati Aliza Miat (2014). Faktor yang mendorong kecenderungan pelajar kolej vokasional ke arah bidang keusahawanan. Thesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal (Reka Bentuk Instruksional dan Teknologi), Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Gaedeke Ralph, M. & Tootelian Dennis, H. (1991). *Small business management*. Allyn & Bacon, Incorporated.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2016). Kenyataan Media Menteri Pendidikan Tinggi: Kebolehpasaran Graduan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Malaysia 2016 Meningkatkan. Dalam talian: <https://www.mohe.gov.my/en/press-statement/458-kenyataan-media-kebolehpasaran-graduan-ipt-2016>

- Kerajaan Malaysia. (2010). Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015. Unit Perancang Ekonomi, Putrajaya.
- McMillan Alex. (2006). *Teach yourself Entrepreneurship*. Canada: Mc Graw Hill.
- Mohd. Hassan Mohd. Osman. (2007). Faktor-faktor yang telah mendorong graduan dan alumni Universiti Teknologi Malaysia menceburi bidang keusahawanan. Laporan Penyelidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhamad Fadir Ibrahim. (2012). Cabaran golongan belia menceburi bidang keusahawanan. Kajian kes: Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Thesis Sarjana, Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia.
- Musalme Muda. (2011). Kajian terhadap tahap kesediaan keusahawanan di kalangan bakal usahawan wanita di bawah program Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Tesis Sarjana, Universiti Utara Malaysia.
- Noorah Yusof, Zakiah Jamaluddin & Norain Mat Lazim. (2013). The perception of undergraduates' student towards the marketability of graduate and competition in the job market, *Jurnal Personalia Pelajar*, 16, 77-92.
- Norasmah Othman, Azzyyati Anuar & Muhammad Husin. (2009). Kekangan dalam menjalankan dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 12, 87-107.
- Rita Klapper. (2004). Government goals and entrepreneurship education: An investigation at a Grande Ecole in France. *Education + Training*, 46(3), 127-137.
- UNIRAZAK (2015). Entrepreneurship trends in Malaysia: A National Five Year (2009-2013) Longitudinal Study Using GEM Methodology. Kuala Lumpur: Universiti Tun Abdul Razak.
- Wan Nor Dalilah Wan Hashim. (2008). Faktor penghalang terhadap kesediaan menjadi usahawan. Projek Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.
- Yusrizal Yusof (2012). Kecenderungan keusahawanan di kalangan pelajar Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti Pasir Gudang. Thesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional, Fakulti Sains Universiti Teknologi Malaysia.

Profil Penulis :***Dzuhailmi Dahalan***

*Laboratori Kesejahteraan dan Kesehatan Sosial Belia
Institut Pengajian Sains Sosial,
Universiti Putra Malaysia
dzuhailmi@upm.edu.my*

Jeffrey Lawrence D'Silva, PhD

*Laboratori Kesejahteraan dan Kesehatan Sosial Belia
Institut Pengajian Sains Sosial,
Universiti Putra Malaysia
jld@upm.edu.my*

Ismi Arif Ismail, PhD

*Laboratori Kesejahteraan dan Kesehatan Sosial Belia
Institut Pengajian Sains Sosial,
Universiti Putra Malaysia
ismi@upm.edu.my*

Nor Aini Mohamed

*Laboratori Kesejahteraan dan Kesehatan Sosial Belia
Institut Pengajian Sains Sosial,
Universiti Putra Malaysia
nm_aini@upm.edu.my*

PENGLIBATAN REMAJA PEREMPUAN DALAM PENYALAHGUNAAN BAHAN

NORRUZEYATI CHE MOHD NASIR, MOHAMMAD RAHIM KAMALUDDIN, NOOR AZIZAH AHMAD & NURHAZLINA MOHD. ARIFFIN

ABSTRAK

Masalah penyalahgunaan bahan khususnya dadah kekal sebagai musuh utama negara. Perkara yang menimbulkan kebimbangan berhubung penyalahgunaan bahan ialah semakin ramai golongan wanita termasuk remaja perempuan yang terlibat dalam masalah ini. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) menyatakan bilangan penagih dadah wanita terus bertambah ekoran semakin ramai daripada mereka yang menghisap rokok, bekalan dadah mudah diperolehi, desakan hidup, pengaruh rakan sebaya dan kurang resilien. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan untuk meneroka faktor penglibatan remaja perempuan dalam penyalahgunaan bahan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sebagai reka bentuk kajian. Seramai lapan responden di salah sebuah Asrama Akhlak telah dipilih secara bertujuan bagi mendapatkan data berkaitan. Kaedah pengumpulan data dilakukan melalui temu bual mendalam dengan lapan responden yang melibatkan satu hingga dua sesi. Setiap sesi mengambil masa antara 45 minit sehingga satu jam. Hasil temu bual telah dianalisis secara sistematik dan mendapati penglibatan remaja perempuan dalam penyalahgunaan bahan disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya, keluarga yang bermasalah dan meningkatkan stamina dalam aktiviti seksual. Hasil kajian ini adalah signifikan khususnya kepada pengamal bantuan seperti pekerja sosial dan kaunselor dalam merangka strategi intervensi bagi memulih dan mencegah remaja perempuan daripada terlibat dalam masalah ini. Selain itu, hasil kajian adalah signifikan dalam menyediakan program dan aktiviti berkaitan penyalahgunaan bahan terutamanya dalam kalangan remaja perempuan.

Kata Kunci: Faktor penglibatan, penyalahgunaan bahan, remaja perempuan, kajian kualitatif.

ABSTRACT

Substance abuse especially drug abuse remains the main social issue in this country. The involvement of the females, particularly young females in this activity is alarming. According to the Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), the number of female who are drug addict has increased due to smoking habits, easy access to drug supplies, stressful life events, peer influence and lack of resiliency. Therefore, this study explored the attributing factors of female adolescents in substance abuse. This study applied a qualitative approach as a research design. A total of eight respondents at Asrama Akhlak are selected for the purpose of data gathering. The data is gathered through an in-depth interview with eight respondents and is carried in one to two sessions. Each session took about 45 minutes to an hour. The data of

the interview is analyzed using the thematic approach. This study found out that attributing factors of female adolescents in substance abuse is triggered by peer group, problematic family relationships and fundamental human needs on sex or personal sexual desire. The results of this study are particularly significant to assist practitioners such as social workers and counselors in developing an intervention strategy to rehabilitate and prevent teenagers from engaging in this behaviour. In addition, the results of the study are significant in providing programs and activities related to substance abuse.

Keywords: *Attributing factors, Substance abuse, female adolescent, qualitative research, social work.*

PENGENALAN

Masalah penyalahgunaan bahan khususnya dadah merupakan gejala sosial yang masih lagi menjadi musuh utama negara. Hampir setiap hari media melaporkan tentang isu ini sama ada dari segi jenayah pengedaran dadah atau masalah penagihan dadah. Laporan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mendedahkan pada tahun 2017 terdapat 25,922 penagih dadah yang berjaya dikesan. Jumlah penagih baharu ialah 18,440 orang (71.14 peratus) manakala penagih berulang ialah 7,482 orang (28.86 peratus) (AADK, 2017). Bilangan penagih dianggarkan lebih ramai daripada jumlah yang dilaporkan di atas sebab seperti terlepas daripada ditangkap atau gagal dikesan oleh pihak berkuasa. Penagih dadah lelaki berjumlah 24,926 orang atau 96.16 peratus. Manakala penagih dadah wanita adalah sebanyak 996 orang atau 3.84 peratus.

Walaupun masalah penagihan dadah atau penyalahgunaan bahan didominasi oleh lelaki, penglibatan golongan wanita termasuk remaja perempuan semakin membimbangkan. Mengikut statistik, bilangan penagih wanita adalah kecil, namun usaha awal perlu dilakukan bagi mencegah masalah ini daripada terus berleluasa (Tuty Haryanti, 2018). Dalam tempoh lima tahun (2013-2015), bilangan penagih dadah wanita yang berjaya dikesan ialah 4,560 orang. Jumlah sebenar dianggarkan lebih tinggi kerana andaian AADK menunjukkan bagi setiap penagih dadah, terdapat empat lagi kawan yang bersama-sama menagih (Utusan Online, 2016). Bilangan penagih dadah wanita dijangka terus meningkat ekoran semakin ramai wanita yang menghisap rokok, bekalan dadah mudah diperolehi, desakan hidup, pengaruh rakan sebaya dan kurang resilien apabila berhadapan dengan tekanan (Tuty Haryanti, 2018). Oleh kerana majoriti penagih dadah adalah lelaki, maka kebanyakan kajian lepas lebih memfokuskan kepada responden lelaki dalam mengenal pasti faktor risiko penyalahgunaan bahan. Implikasinya ialah kebanyakan program sedia ada serta cadangan intervensi lebih sesuai dengan keperluan lelaki. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor penglibatan

remaja perempuan dalam penyalahgunaan bahan.

SOROTAN LITERATUR

Masalah penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja ialah gejala sosial yang boleh memberi impak negatif kepada kesejahteraan psikososial individu, keluarga, komuniti serta boleh mengancam pembangunan dan keselamatan sesebuah negara. Gejala sosial ini bersifat global, merentasi sempadan negara dan semakin sukar untuk dikawal. Dalam konteks Malaysia, usaha membasmi serta mencegah penyalahgunaan bahan terus giat dilaksanakan terutamanya oleh AADK. Walaupun pelbagai usaha telah diambil dan dirancang, namun bilangan penagih dadah masih berada pada skala membimbangkan. Laporan statistik AADK tentang penagih dadah yang berjaya dikesan dalam tempoh lima tahun (2013 – 2017) ialah 126,098 orang. Bilangan penagih boleh mencapai 500,000 ribu orang jika formula satu nisbah empat diambil kira dalam menganggarkan bilangan penagih.

Penglibatan remaja yang masih di bangku sekolah dalam penyalahgunaan bahan juga semakin serius. Laporan statistik AADK bagi tahun 2013 hingga 2017 menunjukkan seramai 6,533 remaja berumur 19 tahun dan ke bawah dikesan terlibat dengan dadah. Sehingga Oktober 2018 sahaja, seramai 1,709 pelajar sekolah menengah didapati positif dadah hasil saringan terhadap 41,741 pelajar (Utusan Online, 2018). Majoriti penagih dadah yang berjaya dikesan ialah lelaki. Namun begitu, penglibatan remaja perempuan dalam penyalahgunaan bahan perlu diberi perhatian ekoran terdapat tanda-tanda masalah dadah telah menular kepada golongan ini. Seramai 4,560 wanita berjaya dikesan terlibat dengan dadah dalam tempoh lima tahun (2013 – 2017) (AADK, 2017). Laporan akhbar tentang penglibatan wanita dalam penyalahgunaan bahan menunjukkan gejala sosial ini merentasi gender dan mengubah perspektif masyarakat bahawa dadah hanya melibatkan golongan lelaki.

Kajian oleh Sabitha, Mahmood dan Rosnah (2007) terhadap 96 responden wanita mendapati sebab utama responden terlibat dengan dadah ialah perasaan ingin tahu (79.2 peratus), menghilangkan kerungsingan (72.7 peratus), pengaruh rakan sebaya (66.2 peratus), perpecahan keluarga (65.0 peratus), melarikan diri daripada masalah hidup (64.9 peratus), menguruskan badan dan kecantikan (61.1 peratus), perasaan seronok (54.5 peratus) dan bekalan yang mudah diperolehi (46.8 peratus). Kajian di luar negara menunjukkan penagih wanita menderita pengalaman hidup yang traumatik, keluarga yang disfungsi, pencabulan dan penderaan seksual, keganasan domestik, dan penderaan fizikal dan emosi semasa kanak-kanak (Hien, Cohen, & Campbell, 2005; Koenig, 2004). Menurut Kendler, Bulik dan Silberg (2000), remaja perempuan yang didera secara

seksual adalah tiga kali lebih tinggi untuk terlibat dengan dadah dan mengalami kecelaruan psikiatri. Sebanyak 70 hingga 80 peratus mangsa penderaan seksual mengambil dadah secara berlebihan (Day, Thurlow & Woolliscroft, 2003).

Wanita yang mempunyai pengalaman didera semasa zaman kanak-kanak dan menjadi mangsa keganasan domestik terdedah kepada trauma yang boleh membawa kepada kurang penghargaan sendiri, kebimbangan dan kemurungan. Pengambilan dadah merupakan alternatif bagi meredakan tekanan yang dihadapi. Penggunaan dadah terutamanya kokain adalah satu mekanisme daya tindak untuk mengurangkan penderitaan emosi akibat didera secara seksual (Chen, Tyler, Whitbeck & Hoyt, 2004). Mereka juga didapati mudah putus harapan dalam membina kembali kehidupan. Menurut Conrod, Pihl, Stewart dan Dongier (2000), orang yang putus harapan lebih rentan untuk mempunyai kehidupan yang bergantung kepada dadah. Mereka juga berisiko kepada tingkah laku relaps. Penglibatan remaja perempuan dalam penagihan dadah boleh memberi impak yang serius kepada mereka seperti berhadapan dengan stigma sosial masyarakat, dianggap sebagai kumpulan yang kurang berfungsi dalam pembentukan keluarga sejahtera, berkecenderungan untuk mengalami masalah berkaitan psikologi atau mental dan cenderung menunjukkan tingkah laku agresif (Fauziah, Mohammad, Chong & Azmi, 2012).

Kajian oleh Chen, Tyler, Whitbeck dan Hoyt (2004) mendapati kadar prevalens penggunaan dadah terutamanya marijuana adalah tinggi dalam kalangan remaja yang lari dari rumah dan gelandangan remaja. Kajian ini menguji model hubungan antara pendedahan terhadap penderaan seksual peringkat awal dan penggunaan dadah di jalanan. Hasil kajian mendapati remaja perempuan yang didera secara seksual sejak kanak-kanak meningkatkan kebarangkalian untuk lari dari rumah pada usia yang masih muda dan menghabiskan banyak masa di jalanan. Kesan langsung situasi ini ialah penglibatan remaja perempuan dalam aktiviti seksual yang berisiko tinggi dan kebergantungan kepada orang yang lebih berkuasa atau rakan sebaya yang mempunyai masalah yang sama.

Teori yang signifikan dalam menjelaskan penglibatan remaja perempuan dalam tingkah laku jenayah termasuklah penyalahgunaan bahan iaitu Teori Ketegangan Umum (General Strain Theory) yang dipelopori oleh Robert Agnew (1992, 1996). Agnew (2006) mengandaikan golongan perempuan yang mengalami ketegangan (strain) atau tekanan hidup memberi respons yang berbeza berbanding golongan lelaki. Remaja perempuan memberi respons kepada ketegangan dengan cara lari dari rumah, mengambil dadah atau memencilkan diri. Remaja lelaki yang berhadapan dengan ketegangan biasanya menunjukkan tingkah laku yang nampak (overt behavior) iaitu dalam bentuk luaran seperti tingkah

laku agresif. Remaja perempuan pula cenderung untuk memendamkan perasaan marah akibat satu-satu peristiwa dalam bentuk emosi (covert behaviour). Kajian oleh Piquero dan Sealock (2004) mendapati, tahap marah dan kemurungan remaja perempuan lebih tinggi namun sumber-sumber daya tindak adalah rendah berbanding remaja lelaki. Apabila mereka berhadapan dengan situasi bermasalah, mereka tidak dapat menanganinya seterusnya mendedahkan mereka dengan tingkah laku anti sosial termasuklah mengambil dadah.

KAEDAH KAJIAN

Pendekatan kualitatif merupakan rekabentuk kajian yang terbaik dalam memahami penglibatan remaja perempuan dalam penyalahgunaan bahan. Pemilihan pendekatan ini berasaskan justifikasi bahawa pengetahuan tentang remaja perempuan dan penyalahgunaan bahan masih lagi terhad terutamanya dalam konteks tempatan. Selain itu, penerokaan terhadap pengalaman responden membolehkan pengkaji melakukan interpretasi tentang isu yang dikaji. Pengalaman penglibatan dalam penyalahgunaan bahan adalah bersifat kompleks dan mempunyai makna yang subjektif. Berg (2007) menjelaskan bahawa pengalaman manusia bersifat subjektif dan tidak boleh dijelaskan secara numerikal. Rekabentuk ini juga memerlukan penglibatan pengkaji secara langsung dengan responden dalam memahami pengalaman mereka. Pembinaan hubungan yang baik antara pengkaji dan responden adalah penting dalam memastikan responden selesa dan bersedia berkongsi pengalaman hidup mereka. Melalui perkongsian pengalaman oleh responden diharap dapat mencapai objektif kajian ini iaitu mengenal pasti faktor penglibatan remaja perempuan dalam penyalahgunaan bahan.

Lokasi kajian ini ialah di salah sebuah institusi pemulihan iaitu Asrama Akhlak, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Asrama Akhlak dipilih sebagai lokasi kajian kerana asrama ini menempatkan kanak-kanak tidak terkawal yang berumur 10 tahun ke atas sehingga 18 tahun. Seramai lapan responden bersetuju untuk terlibat dalam kajian. Pemilihan responden berdasarkan persampelan bukan kebarangkalian iaitu teknik persampelan bertujuan. Kaedah ini sesuai dengan objektif kajian iaitu meneroka faktor penglibatan remaja perempuan dalam penyalahgunaan bahan.

Pemilihan responden kajian secara bertujuan melibatkan prosedur tertentu. Pengkaji mendapatkan maklumat tentang penghuni daripada kakitangan JKM di Asrama Akhlak. Mereka mempunyai pengetahuan tentang kriteria responden yang sesuai untuk dilibatkan dalam kajian berdasarkan rekod kemasukan ke institusi serta responden yang boleh berkongsi pengalaman mereka. Pada peringkat awal, sejumlah dua belas responden telah dikenal pasti untuk terlibat dengan kajian ini. Pengkaji

bersama kakitangan JKM membuat pertemuan dengan bakal responden dan menerangkan tentang objektif kajian serta jangkaan impak kajian kepada mereka. Selepas penerangan tersebut, hanya lapan pelatih yang bersetuju menjadi responden. Mereka ini pernah terlibat dengan penyalahgunaan bahan sebelum ditangkap, didakwa dan ditempatkan di Asrama Akhlak. Seramai empat pelatih tidak mahu terlibat dengan alasan tidak mahu berkongsi pengalaman hidup mereka.

Setelah lapan responden bersetuju untuk terlibat dan menandatangani borang Persetujuan Termaklum, pengkaji menjalankan proses pengumpulan data menggunakan kaedah temu bual bersemuka. Data yang diperoleh melalui temu bual bersemuka dipercayai mampu menonjolkan pengalaman responden. Teknik ini memerlukan pengkaji menyelami pengalaman, perasaan, sikap dan sejarah kehidupan responden (Harvey & MacDonald, 1993) yang dapat memberi input dan mencapai objektif kajian. Temu bual bersemuka menggunakan satu set senarai soalan semi struktur yang telah disediakan terlebih dahulu. Soalan-soalan yang dikemukakan merangkumi aspek berikut:

- i. Latar sosio demografi dan ekonomi responden dan keluarga.
- ii. Jenis-jenis penyalahgunaan bahan.
- iii. Faktor-faktor penglibatan dalam penyalahgunaan bahan (bagaimana boleh terlibat dan tujuan penyalahgunaan bahan)

Sesi temu bual berlangsung selama 45 minit hingga satu jam bergantung kepada kandungan temu bual, keselesaan dan kesesuaian responden. Setiap responden menyertai satu atau dua sesi temu bual. Semasa sesi temubual berlangsung, pengkaji membuat catatan tentang perkara yang diperkatakan atau dikongsi oleh responden. Sekiranya pengkaji tidak jelas dengan sesuatu perkara, pengkaji akan mengesahkan semula dengan responden. Pengkaji juga bertanya semula maklumat yang tidak jelas kepada responden di sesi temu bual seterusnya dan meminta responden menjelaskannya semula. Pengkaji tidak menggunakan perakam suara atas permintaan responden supaya suara mereka tidak dirakamkan. Data yang diperoleh daripada kajian lapangan ialah data mentah yang tidak memberi sebarang makna kecuali data tersebut dianalisis melalui kaedah yang sesuai. Teknik dalam menganalisis data kajian ini dilakukan secara sistematik dan mengikut tema kajian. Pengkaji meletakkan tarikh dan masa temu bual bagi semua catatan yang direkodkan. Setiap responden mempunyai fail yang berasingan dan diletakkan kod serta nama samaran. Penggunaan nama samaran bertujuan menjaga identiti responden serta selari dengan etika kerahsiaan. Data lapangan diasingkan dan dikelompokkannya mengikut persamaan dan perbezaan tema. Hanya satu tema yang akan dianalisis dalam satu-satu masa agar pengkaji dapat memberi perhatian tanpa dipengaruhi oleh maklumat yang tidak berkaitan.

Analisis data kualitatif memerlukan penelitian dan komitmen pengkaji untuk memahami secara mendalam pernyataan responden sama ada yang tersurat mahupun yang tersirat. Oleh itu, pengkaji akan membaca berulang kali pernyataan responden sebelum mengelompokkannya mengikut tema.

DAPATAN KAJIAN

Profil Sosio Demografi dan Ekonomi Responden dan Ibu Bapa

Responden dalam kajian ini berumur antara 15 hingga 18 tahun atau dikategorikan sebagai remaja, masih bersekolah atau kanak-kanak mengikut Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan 2016). Dua orang responden berumur 15 tahun (Maria dan Rubi), tiga (3) orang responden berumur 16 tahun (Syida, Sabrina dan Tina), dua responden berumur 17 tahun (Alia dan Aida) dan seorang responden lagi berumur 18 tahun (Laksmi). Jumlah responden mengikut etnik menunjukkan tujuh responden ialah etnik Melayu manakala seorang responden daripada etnik India. Etnik Melayu lebih banyak dilibatkan sebagai responden kerana majoriti penghuni di Asrama Akhlak adalah etnik Melayu. Seramai empat responden berasal dari bandar manakala empat responden lagi berasal dari luar bandar. Berdasarkan hasil temu bual, tahap pendidikan responden yang paling tinggi ialah tingkatan empat (seorang responden), tingkatan tiga (dua responden), tingkatan dua (empat responden) dan seorang responden hanya bersekolah sehingga tingkatan satu sahaja. Merujuk kepada bilangan adik beradik, tiga responden mempunyai empat orang adik-beradik dan dua responden mempunyai lapan orang adik-beradik. Dua responden masing-masing mempunyai lima dan tujuh orang adik beradik. Terdapat seorang responden adalah anak tunggal.

Umur ibu responden dalam kajian ini adalah antara 33 tahun hingga 55 tahun. Manakala umur bapa responden antara 41 hingga 62 tahun. Hasil temu bual mendapati taraf pendidikan ibu bapa responden yang paling tinggi ialah Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan paling rendah ialah setakat tamat sekolah rendah. Status perkahwinan ibu bapa menunjukkan majoriti (lima responden) mempunyai ibu bapa yang sudah bercerai. Kelima-lima responden ini tinggal bersama ibu. Hanya tiga responden mempunyai ibu bapa yang masih kekal dalam perkahwinan. Jenis pekerjaan yang diceburi oleh ibu bapa responden ialah pekerjaan berpendapatan rendah seperti jurujual, petani, pembantu am dan operator pengeluaran seperti yang dinyatakan oleh enam responden. Dua responden mempunyai ibu bapa yang menjalankan perniagaan dengan pendapatan yang tinggi. Majoriti ibu bapa responden berpendapatan rendah iaitu antara RM1000.00 hingga RM1500.00 sebulan.

Jenis-Jenis Penyalahgunaan Bahan dan Umur Pertama Kali Terlibat

Jenis-jenis penyalahgunaan bahan yang diambil oleh responden ialah

rokok, dadah, alkohol dan menghidu petrol seperti Jadual 1. Kesemua responden pernah mengambil dadah dan merokok. Aktiviti menghidu petrol hanya dilakukan oleh seorang responden sahaja. Terdapat tiga jenis dadah yang diambil oleh responden iaitu pil ekstasi, syabu dan ganja. Menurut responden, dadah tersebut mudah diperolehi dan harga yang tidak terlalu mahal. Umur pertama kali responden terlibat dalam penyalahgunaan bahan adalah berbeza-beza iaitu antara sembilan hingga 16 tahun. Maria memberitahu beliau mula merokok semasa berumur sembilan tahun dan mengambil dadah berbentuk pil ekstasi ketika berumur 13 tahun. Syida pula mula merokok semasa darjah lima (11 tahun) dan lebih kurang setahun kemudian beliau mengambil dadah ekstasi. Lakshmi mula merokok semasa berusia 14 tahun dan pada masa yang sama turut mengambil dadah. Sabrina memberitahu beliau mula merokok semasa berada berumur 13 tahun dan ketika usia 15 tahun beliau mula mengambil pelbagai jenis dadah. Tina mula menghisap rokok ketika berumur 14 tahun dan mengambil dadah ekstasi semasa tingkatan tiga (15 tahun). Alia pula berjajak-jinjak dengan dadah ketika usia 15 tahun tetapi telah menghisap rokok sejak di sekolah rendah. Alia juga terlibat dalam aktiviti menghidu petrol. Aida mula menghisap rokok semasa berumur 13 tahun dan mengambil dadah ekstasi dan ganja semasa di tingkatan empat (16 tahun). Responden terakhir iaitu Rubi mula mengambil dadah dan minum minuman keras (alkohol) semasa di tingkatan dua (14 tahun).

Jadual 1: Jenis-Jenis Penyalahgunaan Bahan

Responden/ umur (tahun) Rokok	Dadah			Arak	Hidu Petrol
	Ekstasi	Syabu	Ganja		
Syida (16)	/	/	/	/	/
Maria (15)	/	/	/	/	/
Lakshmi (18)	/	/	/	/	/
Sabrina (16)	/	/	/	/	/
Tina (16)	/	/	/	/	/
Alia (17)	/	/	/	/	/
Aida (17)	/	/	/	/	/
Rubi (15)	/	/	/	/	/

Faktor Penglibatan dalam Penyalahgunaan Bahan

Hasil temu bual mendalam dengan responden mendapati pengaruh dan kepentingan rakan sebaya, melupakan masalah keluarga dan keperluan dalam aktiviti seksual muncul sebagai tema penting dalam pemerihalan faktor penglibatan mereka dalam penyalahgunaan bahan.

i. Pengaruh dan kepentingan rakan sebaya

Majoriti responden mengakui bahawa penglibatan mereka dalam

penyalahgunaan bahan disebabkan pengaruh kawan-kawan. Sabrina berkongsi pengalaman bahawa beliau terpengaruh dengan pujukan kawan-kawan iaitu pil ekstasi tidak menimbulkan ketagihan jika diambil dalam jumlah yang sedikit. Namun, beliau mula menambah dos pil daripada setengah biji kepada sebiji bagi meningkatkan perasaan *high*.

“mula tu saya takut nak ambil dadah...sebab benda ni bahaya. Kalau dah ambil mesti nak lagi. Banyak kali kawan pujuk, kawan-kawan kata tak ketagih pun ambil pil ni...setakat setengah biji...lama-lama saya terpengaruh juga dengan cakap mereka. Saya ambik setengah je masa tu...tapi bila selalu ambil, setengah biji tu tak high...lepas tu saya start ambil sebiji sekali makan...bila stress je saya ambil”

(Sabrina)

Syida juga berkongsi pengalaman yang sama iaitu bermula dengan keinginan untuk mencuba atas ajakan kawan-kawan dan lama-kelamaan menjadikan beliau berani mengambil dadah dan minum minuman keras. Walaupun beliau kini berada dalam institusi, ingatan beliau atau istilah “rindu” terhadap dadah masih lagi kuat.

“Mulanya nak cuba-cuba je. Kawan-kawanlah yang ajak saya. Masa tu saya hanya hisap rokok. Kalau kita tak ikut kawan-kawan...siapa lagi...lama-lama saya berani ambil dadah dengan minum arak. Benda-benda ni boleh release tension. Sampai sekarangpun saya tak boleh tahan bila teringatkan benda tu”.

(Syida)

Hubungan antara pengaruh rakan sebaya dan penyalahgunaan bahan mungkin berlaku secara tidak langsung. Terdapat faktor yang bersifat instrumental dalam konteks hubungan dengan rakan-rakan seperti sumber sokongan sosial, menjaga hubungan yang sedia terjalin, sikap percaya dan mengelak daripada disisihkan oleh rakan-rakan. Perkara ini dijelaskan oleh Alia yang tidak menolak permintaan rakan-rakan untuk mencuba dadah demi menjaga hubungan persahabatan dan tidak mahu berasa tersisih. Beliau juga menganggap rakan-rakan seperti keluarga sendiri dan susah senang sama-sama ditanggung.

“Kawan-kawan bukan masa happy je...masa kita susah merekalah yang banyak tolong saya. Saya berkawan dengan siapa-siapa saja yang nak berkawan dengan saya. Tapi yang saya rapat adalah tiga empat orang saja. Dengan kawan rapat inilah saya bercerita masalah saya. Sama juga dengan mereka. Kalau mereka ada masalah, mereka cerita kat saya...kita sama-sama tolong...Tak kiralah masalah apapun, termasuklah masalah duit. Bila kawan ajak saya try dadah baru ke...saya cubalah. Saya dah kenal hati budi mereka...kami ibarat adik beradik, susah senang sama-sama”.

(Alia)

Bagi Aida pula, rakan-rakan bukan sahaja tempat meluahkan masalah atau berkongsi perasaan suka dan duka malah rakan-rakan adalah sumber keselamatan dirinya. Selain mengambil dadah, Aida turut menjual dadah sebagai pendapatan sampingan serta mendapatkan bekalan dadah secara percuma bagi kegunaan sendiri. Sasaran pembeli ialah pelajar sekolah. Namun aktiviti jual beli dadah ini mestilah mengikut sempadan yang telah ditetapkan oleh satu-satu kumpulan. Namun begitu, beliau seringkali melangkaui sempadan kumpulan lain yang boleh menimbulkan masalah seperti kecederaan.

“Saya mesti tahu sampai mana (sempadan) saya boleh jual. Saya tak boleh kacau kawasan orang lain. Tapi kadang-kadang tu ada juga saya masuk kawasan orang lain. Time tu member-member cukup penting. Diaorang boleh tolong settle kalau timbul apa-apa masalah. Kalau kawan tak tolong memang teruklah saya kena”.

(Aida)

Fungsi rakan sebaya sebagai sumber sokongan emosi dan sosial turut diakui oleh Maria, Lakshmi dan Tina. Maria memberi pandangan berikut:

“Kawan-kawan bukan untuk suka-suka saje. Mereka pun penting, sebab bila kita ada masalah kita boleh mengadu pada mereka. Maksudnya ada orang yang bersedia nak dengar masalah kita...Bila ada kawan-kawan, kita rasa lebih selamat. Mereka boleh tolong backup kita...Kalau ada masalah wang, ada kawan-kawan yang boleh tolong.”

(Maria)

Bagi Lakshmi, keluarga bukanlah tempat yang mereka boleh mengadu masalah kerana ibu bapa sekarang tidak bersedia mendengar dan tidak memahami masalah remaja. Hal ini berbeza dengan rakan sebaya yang menerima dan bersedia mendengar luahan masalah. Rakan-rakan juga mempunyai masalah yang hampir sama.

”Kawan-kawan lebih memahami saya. Kalau nak minta pendapat, lebih baik kita tanya mereka sebabnya mereka lebih faham kemahuan kita sebagai remaja...mummy saya takkan faham...klu saya cerita kat diapun (mummy) saya juga kena marah...sebab tu bila saya ada problem, tak kisahlah problem apapun, saya bagitau dekat kawan-kawan. Saya boleh share perasaan saya dengan mereka”.

(Lakshmi)

“Pentingnya kawan...bila kita ada masalah, boleh share dengan mereka. Selain tu, untuk enjoy. Dengan kawan-kawan jugak kita rasa lebih selamat...”

susah sikitlah orang nak kacau kita.”

(Tina)

Kebanyakan responden memberitahu, mereka berasa lebih diterima oleh rakan sebaya berbanding ahli keluarga atau orang dewasa lain. Pengalaman itu dianggap signifikan dalam hidup mereka. Maka tidak hairanlah jika banyak daripada masa mereka dihabiskan bersama rakan-rakan dan melakukan aktiviti yang mendatangkan keseronokan seperti melepak, clubbing dan bermain *video games* di kafe siber.

ii. Keadaan keluarga yang bermasalah

Keluarga bermasalah seperti ibu bapa yang sering bergaduh atau perceraian ibu bapa dikenal pasti antara penyumbang kepada penglibatan responden dalam penyalahgunaan bahan. Seramai lima daripada lapan responden mempunyai ibu bapa yang sudah bercerai dan kelima-limanya tinggal bersama ibu. Pengalaman hidup sebelum ibu bapa bercerai penuh dengan peristiwa yang mendorong mereka untuk lari dari rumah, terlibat dengan tingkah laku devian termasuk mengambil dadah. Rubi berkongsi pengalaman hidup zaman kanak-kanaknya tidak seperti kanak-kanak lain, sering dimarahi oleh ibu dan didera secara fizikal. Ibu bapa Rubi sering bergaduh dan mereka pernah bercerai sebanyak dua kali iaitu semasa beliau dalam darjah tiga dan darjah lima. Ibu menjadi tempat ayah melepaskan geram dan ibunya sering dipukul hanya disebabkan perkara kecil. Menurut Rubi, semasa kali pertama bercerai, ibunya sanggup rujuk kembali dengan bapa namun perceraian kali kedua membuatkan ibunya sudah serik untuk meneruskan perkahwinan. Keadaan keluarga yang tidak tenteram mengganggu pencapaian akademik Rubi dan beliau sering ponteng sekolah. Beliau juga mula berkawan dengan pelajar-pelajar lelaki sekolah menengah. Pada usia yang masih mentah itu juga beliau mula menghisap rokok. Semasa di sekolah menengah, beliau mula mengambil pil ekstasi dan minum arak. Beliau memberitahu bahawa tindakan tersebut sebagai cara untuk melupakan masalah yang dihadapi. Beliau turut menyalahkan ibu bapanya sehingga terpaksa mengambil dadah. Beliau menegaskan:

“Semua salah mak ayah saya. Kalau mak ayah saya macam orang lain saya takkan jadi macam ni”

(Rubi)

Tina pula menceritakan tentang pengalaman kehidupan keluarga yang selalu berkonflik dan beliau sentiasa dibayangi perasan takut apabila berada di rumah. Beliau mula merokok semasa di tingkatan dua dan mengambil pil ekstasi semasa tingkatan tiga. Ibu bapa kandung Tina sudah bercerai semasa beliau berada dalam darjah empat. Ibunya telah berkahwin lain dengan seorang duda. Perkahwinan mereka sentiasa bergolok kerana bapa tirinya seorang kaki judi. Tina tidak rapat dengan bapa tirinya dan berasakan yang bapa tiri beliau ingin mengambil kesempatan terhadap

dirinya. Tina memberitahu ibu bahawa bapa tirinya selalu memberi pandangan yang berunsur seksual. Keadaan ini menyebabkan Tina selalu mengelakkan diri daripada berjumpa bapa tirinya. Tina sudah beberapa kali lari dari rumah akibat keadaan keluarga yang tidak tenteram dan tidak selesa berhadapan dengan bapa tiri. Ketika beliau ditangkap oleh pihak polis atas kesalahan dadah, Tina sudah lama tidak pulang ke rumah. Tina memberitahu:

“Mereka tak kisah pun pada saya...mak saya tahu saya kat sini, tapi dia tak pernah tanya khabar saya...lepas bebas ni saya tak akan balik rumah. Bagi saya, saya dah tak ada keluarga...baik saya hidup macam ni, cari kawan lama saya”.

(Tina)

Aida mula menghisap rokok semasa tingkatan satu dan mengambil dadah ketika berada di tingkatan empat. Aida memberitahu yang beliau sentiasa tertekan apabila berada di rumah. Justeru itu, beliau selalu keluar ke pusat membeli belah untuk bersama rakan-rakan. Penyalahgunaan bahan juga diperkenalkan oleh rakan-rakan namun sebab utama yang beliau tidak ingin berada di rumah ialah ibunya yang selalu berleter dan marah-marah kepadanya.

“saya tensionlah bila kat rumah...mak saya selalu berleter...semua benda yang saya buat salah. Buat apa saya nak duduk kat rumah...baik saya keluar, rasa bebas, release tension”.

(Aida)

”Saya tak selesa bila kat rumah. Mak saya kurang memahami saya. Dia hanya tahu marah-marah, tapi tak ambil tahu masalah saya. Kadang-kadang saya buat silap kecil pun, dah besar bagi dia”

(Aida)

Berdasarkan temu bual dengan responden, dapat disimpulkan bahawa pengalaman kehidupan responden yang tidak selesa di rumah dan mempunyai ibu bapa yang sentiasa bergaduh membawa kepada keinginan responden untuk menghabiskan masa bersama rakan-rakan yang juga mempunyai masalah hampir sama dengan mereka. Apabila bergaul dengan rakan-rakan yang tidak baik, mereka turut terpengaruh untuk merokok dan mengambil dadah.

iii. Keperluan dalam aktiviti seksual

Hasil analisis tematik menunjukkan faktor lain penyalahgunaan bahan dalam kalangan responden ialah keperluan dalam aktiviti seksual. Kesemua responden terlibat dalam hubungan seks bebas sebelum ditangkap dan ditempatkan di Asrama Akhlak. Syida merupakan mangsa sumbang mahram ketika berusia 11 tahun. Pada usia 12 tahun, beliau melahirkan

seorang anak hasil perbuatan terkutuk bapanya sendiri. Ketika usia ini juga beliau mula mengambil dadah jenis pil ekstasi setelah diperkenalkan oleh kawan-kawan. Namun pengambilan dadah ekstasi semakin kerap dan bertambah dari segi kuantitinya apabila Syida mula bekerja di kelab malam dan menawarkan perkhidmatan seks kepada kawan-kawan abang angkatnya.

*“Saya dirogol oleh ayah kandung masa umur saya 11 tahun. Kejadian itu berlaku banyak kali sehingga saya mengandung. Umur saya 12 tahun, saya dah dapat anak...Saya sangat kecewa dan rasa diri saya dah tiada apa-apa. Saya cuba bunuh diri...saya dah tak minat nak pergi sekolah...masa form 1 saya dah tak sekolah...saya ada abang angkat... saya rapat dengan dia... dia banyak tolong saya...Abang angkat saya selalu bawa saya ke club... dia minta saya layan kawan-kawan dia...mula tu saya takut tapi lama-lama saya suka sebab dapat banyak duit. Nak bagi power saya ambik pil (ekstasi).
(Syida)*

Aida dan Rubi mula melakukan hubungan seksual bersama teman lelaki semasa berumur 13 tahun. Maria, Sabrina dan Tina mula terlibat dengan aktiviti hubungan seks bebas semasa umur 14 tahun. Manakala Lakshmi dan Alia melakukan hubungan seks ketika usia mereka 16 tahun. Kebanyakan responden melakukan hubungan seks dengan teman lelaki atau kawan-kawan kepada teman lelaki mereka. Alia berkongsi pengalaman bagaimana beliau boleh terlibat dengan hubungan seksual pada usia 16 tahun. Alia mengakui bahawa beliau terpengaruh dengan pujukan teman lelakinya untuk mengadakan hubungan seks. Sejak daripada kejadian tersebut, hubungan seksual menjadi perkara biasa setiap kali mereka berjumpa. Teman lelaki Alia berkawan dengan orang yang lebih dewasa dan kerap mengunjungi rumah sewa kawan-kawannya. Alia sering mengikuti teman lelaki ke rumah sewa berkenaan dan kadangkadangkang beliau bermalam di situ. Teman lelaki Alia telah meminta rakannya merakamkan hubungan seksual antara mereka. Sejak kejadian itu, teman lelaki memaksa Alia supaya melayani kawan-kawannya dengan bayaran tertentu. Alia takut untuk membantah kerana teman lelakinya mengugut untuk menyebarkan video mereka kepada umum. Walaupun Alia menyesal dengan apa yang berlaku, beliau perlu akur dengan kehendak teman lelakinya. Salah satu cara untuk melupakan perasaan kesal ialah dengan mengambil dadah. Pengambilan dadah juga penting untuk meningkatkan stamina semasa melayani kawan-kawan teman lelakinya.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Hasil kajian tentang penglibatan responden dalam penagihan dadah mendapati responden mula terlibat dalam penyalahgunaan bahan pada usia yang masih muda iaitu antara sembilan hingga 16 tahun. Dapatan

ini selari dengan kebimbangan AADK bahawa murid sekolah rendah kini menjadi sasaran pengedar dadah sejak tahun 2015 (Utusan Online, 2018). Rekod AADK daripada Januari 2017 hingga Januari 2018 menunjukkan seramai 1,829 murid sekolah rendah dan menengah di 178 sekolah seluruh negara terlibat dengan penyalahgunaan bahan (Fazrik, 2018). Kajian oleh Nkansah-Amankra dan Minelli (2016) menunjukkan kumpulan umur 11 hingga 15 tahun adalah kumpulan umur paling tinggi terlibat dalam penyalahgunaan bahan terutamanya rokok dan marijuana. Mereka mendapati pendedahan kepada penyalahgunaan bahan pada usia yang muda berkait secara positif dengan penyalahgunaan bahan psikoaktif dan kokain apabila dewasa (Nkansah-Amankra & Minelli, 2016).

Kajian ini mendapati dadah yang diambil oleh responden terdiri daripada pil ekstasi, syabu dan ganja. Dapatan ini selari dengan hasil penelitian selama sepuluh tahun (1999 - 2008) tentang pola penyalahgunaan bahan oleh Wu *et al.* (2010) yang mendapati remaja perempuan cenderung mengambil pil ekstasi berbanding dadah lain. Remaja perempuan yang berada di bawah pengaruh dadah jenis ekstasi terdedah kepada hubungan seks tidak selamat, eksploitasi seksual dan risiko mendapat penyakit kelamin seperti HIV dan Hepatitis (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2019). Selain dadah jenis ekstasi, responden juga mengambil dadah jenis syabu atau *crystal methamphetamine*. Kajian sekumpulan penyelidik dari University of Alberta Faculty of Medicine and Dentistry (2008) mendapati remaja yang terlibat dengan tingkah laku merokok, minum minuman keras dan aktif dalam hubungan seks adalah cenderung untuk menggunakan syabu.

Hasil temu bual mendalam dengan responden mendapati terdapat tiga (3) faktor yang mendorong mereka mengambil dan meneruskan penggunaan dadah iaitu pengaruh rakan sebaya, keadaan keluarga yang bermasalah dan keperluan dalam aktiviti seksual. Pengaruh rakan sebaya didapati berlaku pada peringkat awal pengambilan dadah. Berdasarkan temu bual, responden terpengaruh dengan rakan sebaya disebabkan hasil pujukan, menunjukkan perasaan hormat, menjaga hubungan antara mereka dan hasil pemerhatian responden bahawa tiada perubahan kepada diri rakan-rakan yang mengambil dadah. Rakan-rakan juga menjadi sumber sokongan emosi, sosial dan keselamatan diri responden. Oleh itu, pengambilan dadah dan pengaruh rakan sebaya boleh dijelaskan sebagai hubungan yang bersifat instrumental dan timbal balas. Hasil kajian ini adalah konsisten dengan dapatan Branstetter, Low dan Furman (2011) iaitu kawan-kawan terutamanya yang sentiasa memberi sokongan emosi dan sosial merupakan pengaruh penting kepada tingkah laku remaja. Sabitha, Mahmood dan Rosnah (2007) mendapati pengaruh rakan sebaya adalah antara faktor yang signifikan dalam mengenal pasti penglibatan wanita dalam pengalihan dadah.

Faktor seterusnya yang mendorong responden untuk mengambil dadah ialah permasalahan dalam keluarga. Majoriti responden mempunyai ibu bapa yang sudah bercerai. Konflik keluarga menyebabkan anak-anak tertekan dan akhirnya membawa kepada tingkah laku negatif seperti lari dari rumah, bergaul dengan rakan-rakan yang mempunyai permasalahan keluarga yang hampir sama dan terlibat dengan penyalahgunaan bahan termasuk dadah. Kajian oleh Sabitha, Mahmood dan Rosnah (2007) menunjukkan perpecahan dan pergolakan keluarga menyumbang sebanyak 65 peratus kepada tingkah laku penggunaan dadah dalam kalangan wanita. Keluarga merupakan persekitaran paling asas kepada perkembangan kanak-kanak dan remaja. Persekitaran keluarga yang berkonflik akan memberi kesan kepada kesejahteraan psikologikal dan kesihatan mental ahli-ahlinya termasuk pengambilan dadah (Abasi & Mohammadkhani, 2016).

Penyalahgunaan bahan turut dikaitkan dengan keperluan dalam aktiviti seksual. Hasil temu bual menunjukkan responden terlibat dalam aktiviti hubungan seks bebas sebelum ditempatkan di Asrama Akhlak. Secara eksplisitnya, penggunaan dadah dalam aktiviti seksual berkait dengan keinginan meningkatkan keseronokan serta stamina semasa bersama pasangan. Kementerian Kesihatan Malaysia menjelaskan bahawa seks dan dadah adalah berkait rapat iaitu seseorang yang mempunyai keinginan seks yang kuat akan mengambil dadah bagi mencapai tahap hubungan seks yang tinggi (laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia). Secara implisitnya, penggunaan dadah dalam hubungan seksual dalam konteks responden kajian ini ialah hasil daripada pengalaman hitam iaitu pernah didera secara seksual atau dieksploitasi oleh teman lelaki. Kajian menunjukkan remaja perempuan yang mempunyai pasangan dengan masalah sosial cenderung untuk mengambil dadah dan terlibat dalam tingkah laku seksual berisiko (Clark, Buchanan, Kovensky & Leve, 2018). Remaja perempuan juga cenderung untuk terlibat dalam tingkah laku seksual berisiko apabila pasangan lebih tua daripada mereka (Morrison-Beedy, Xia, & Passmore, 2013). Walaupun pasangan telah mengeksploitasi mereka dari segi seksual, namun remaja perempuan akan memilih untuk terus kekal bersama atas faktor kebergantungan sokongan sosial, emosi dan kewangan (Clark *et al.* 2018).

Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa penglibatan responden dalam penyalahgunaan bahan di atas sebab tertentu iaitu pengaruh rakan sebaya, keluarga yang bermasalah dan keperluan dalam aktiviti seksual. Dapatan ini adalah signifikan kepada pengamal bantuan seperti pekerja sosial dalam merangka strategi rawatan pemulihan atau intervensi yang sesuai dengan permasalahan klien. Hasil kajian juga penting dan memberi input kepada pemegang taruh yang ada kaitan dengan remaja perempuan khususnya ibu bapa dan pihak sekolah. Namun begitu, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada remaja perempuan di Asrama Akhlak

seluruhnya atau di institusi pemulihan lain kerana bilangan sampel yang kecil serta sampel tidak menunjukkan perwakilan populasi. Kajian akan datang dicadangkan supaya menggunakan bilangan sampel yang lebih ramai, melibatkan institusi pemulihan lain, menggunakan pendekatan kuantitatif atau mod campuran dan melibatkan perspektif pemegang taruh lain dalam menjelaskan penglibatan remaja perempuan dalam penyalahgunaan bahan.

PENUTUP

Penglibatan remaja perempuan dalam penyalahgunaan bahan semakin membimbangkan. Program dan rawatan intervensi yang memfokuskan hanya kepada remaja perempuan adalah penting sebagai langkah pencegahan dan pemulihan. Namun begitu, kebanyakan program atau rawatan intervensi cenderung memenuhi kriteria remaja lelaki yang menjadi penyumbang terbesar dalam penyalahgunaan bahan. Input kajian daripada perspektif remaja perempuan adalah terhad khususnya dalam konteks tempatan. Sehubungan itu, artikel ini memaparkan hasil kajian tentang faktor penglibatan remaja perempuan dalam penyalahgunaan bahan. Rekabentuk kajian kualitatif telah digunakan untuk mencapai objektif kajian. Dapatan kajian menunjukkan penglibatan remaja perempuan dalam penyalahgunaan bahan didorong oleh faktor tertentu iaitu pengaruh rakan sebaya, keluarga yang sentiasa berkonflik dan keperluan dalam hubungan seksual. Dapatan ini memberi input terutamanya kepada pihak berkaitan pemulihan dan intervensi seperti pekerja sosial, kaunselor dan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

RUJUKAN

- Abasi, I., & Mohammad Khani, P. (2016). Family risk factors among women with addiction-related problems: An integrative review. *International Journal of High Risk Behavior and Addiction*, 5(2), e27071.
- Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). (2017). *Maklumat dadah 2017*. Dicapai daripada https://www.adk.gov.my/wp-content/uploads/Maklumat-Dadah-2017_final-compressed.pdf.
- Berg, B. L. (2007). *Qualitative research methods for the social sciences*. London: Pearson.
- Branstetter, S. A., Low, S., & Furman, W. (2011). The influence of parents and friends on adolescent substance abuse: A multidimensional approach. *Journal of Substance Use*, 16(2), 150-160.
- Clark, M., Buchanan, R., Kovensky, R., & Leve, L. D. (2018). Partner influences on young women's risky drug and sexual behavior.

Reproductive Health, 15(1), 156.

- Conrod, P. J., Pihl, R. O., Stewart, S. H., & Dongier, M. (2000). Validation of a system of classifying female substance abusers based on personality and motivational risk factors for substance abuse. *Psychology of Addictive Behaviors*, 14, 243–256.
- Day, A., Thurlow, K., & Woolliscroft, J. (2003). Working with childhood sexual abuse: A survey of mental health professionals. *Child Abuse & Neglect*, 27, 191-198.
- Fauziah Ibrahim, Mohamad Suhaimi Mohamad, Chong Tsuey Suey & Azmi Abd Manaf. (2012). Substance abuse and aggressive behavior among adolescents. *Asian Social Science*, 8(9), 92–97.
- Fazrik Kamarudin. (2018). 1,829 murid sekolah rendah menagih dadah. *Berita Harian*. Dicapai daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/03/404380/1829-murid-sekolah-rendah-menagih-dadah>.
- Harvey, L., & MacDonald, M. (1993). *Doing sociology*. Hong Kong: The Macmillan Press.
- Hien, D., Cohen, L., & Campbell, C. (2005). Is traumatic stress a vulnerability factor for women with substance use disorders? *Clinical Psychology Review*, 25, 813–833.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2019). *Pengambilan dadah untuk keseronokan seks*. Dicapai daripada <http://www.myhealth.gov.my/pengambilan-dadah-untuk-keseronokan-seks/>.
- Kendler, K. S., Bulik, C. M., Silberg, J., Hettema, J. M., Myers, J., & Prescott, C. A. (2000). Childhood sexual abuse and adult psychiatric and substance use disorders: an epidemiological and cotwin control analysis. *Archives of General Psychiatry*, 57,953 - 959.
- Koenig, H. (2004). Religion, spirituality, and medicine: Research findings and implications for clinical practice. *Southern Medical Journal*, 97(12), 1194-1200.
- Morrison-Beedy, D., Xia, Y., & Passmore, D. (2013). Sexual risk factors for partner age discordance in adolescent girls and their male partners. *Adolescent and Female Sexuality*, 22 (23-24), 3289-3299.

- Sabitha, M., Mahmood Nazar, M., & Rosnah I. (2007). Trend dan punca penggunaan dadah di kalangan penagih dadah wanita di negeri sabah: implikasi kepada rawatan dan pemulihan dadah, *Jurnal Anti Dadah Malaysia*, 111-136.
- Tuty Haryanti Ahmad Rodzi. (2018). Jumlah penagih dadah wanita meningkat: AADK. *Berita Harian*. Dicapai daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/02/391945/jumlah-penagih-dadah-wanita-meningkat-aadk>.
- University of Alberta Faculty of Medicine & Dentistry. (2008). Methamphetamine abuse linked to underage sex, smoking and drinking. *Science Daily*. Dicapai daripada www.sciencedaily.com/releases/2008/11/081118200554.htm.
- Utusan Online. (2016). 1.2 juta penagih direkodkan pada 2015. Dicapai daripada <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/1-2-juta-penagih-direkodkan-pada-2015-1.189944>.
- Utusan Online. (2018). Murid sekolah rendah sasaran pengedar dadah. Dicapai daripada <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/murid-sekolah-rendah-sasaran-pengedar-dadah-1.799156>.
- Utusan Online. (2018). 1709 pelajar sekolah menengah positif dadah. Dicapai daripada <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/1-709-pelajar-sekolah-menengah-positif-dadah-1.812204#ixzz5hEphspKT>.
- Wu, P., Liu, X., Pham, T.H., Jin, J., Fan, B., & Jin, Z. (2010). Ecstasy use among US adolescents from 1999 to 2008. *Drug and Alcohol Dependence*, 112, 33-38.

Profil Penulis:

Norruzeyati Che Mohd Nasir, PhD

*Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja sosial,
Kolej Sastera dan Sains,
Universiti Utara Malaysia.
zeyati@uum.edu.my*

Mohammad Rahim Kamaluddin, PhD

*Pusat Kesejahteraan Manusia dan Masyarakat
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
rahimk@ukm.edu.my*



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

Noor Azizah Ahmad, PhD

*Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja sosial,
Kolej Sastera dan Sains,
Universiti Utara Malaysia.
noor1149@uum.edu.my*

Nurhazlina Mohd. Ariffin, PhD

*Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja sosial,
Kolej Sastera dan Sains,
Universiti Utara Malaysia.
nhazlina@uum.edu.my*

PENGARUH PSIKOSOSIAL TERHADAP TINGKAH LAKU AGRESIF

NUR AZRUL AMIRUL MUSTAFA, MOHAMMAD
RAHIM KAMALUDDIN, FATIN ADHA MURAD, BALAN
RATHAKRISHNAN, NOREMY MD AKHIR, NORRUZEYATI CHE
MOHD NASIR

ABSTRAK

Penularan tingkah laku agresif khususnya dalam kalangan remaja yang semakin meluas telah memberi impak negatif kepada pembentukan komuniti yang sihat. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji pengaruh faktor psikososial terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar Pra-Universiti sekitar Kuala Lumpur. Secara khususnya, kajian ini mengkaji faktor-faktor psikososial iaitu penghargaan sendiri, pengherotan kognitif dan kefungsiian keluarga terhadap tingkah laku agresif pelajar. Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik serta melibatkan seramai 150 orang pelajar Pra-Universiti di sekitar Kuala Lumpur sebagai responden. Hasil kajian mendapati kebanyakan responden mempunyai faktor psikososial pada tahap sederhana iaitu penghargaan sendiri ($n = 110$), pengherotan kognitif ($n = 91$), tahap kefungsiian keluarga ($n = 50$) dan tingkah laku agresif ($n = 80$). Kajian mendapati ketiga-tiga faktor psikososial menjadi peramal kepada tingkah laku agresif; dan pengherotan kognitif mempunyai pengaruh yang signifikan yang paling kuat terhadap tingkah laku agresif ($\beta = 0.461$, $p < 0.00$). Kajian ini diharapkan dapat memberi impak kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pembentukan akhlak, sahsiah dan minda pelajar seperti ibu bapa, pihak sekolah, pihak kerajaan, terutama sekali Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga Kementerian Belia dan Sukan.

Kata Kunci: psikososial, penghargaan sendiri, pengherotan kognitif, kefungsiian keluarga, tingkah laku agresif, pelajar Pra-Universiti

ABSTRACT

Aggressive behaviour seems like a never-ending problem among teenagers and this kind of behaviour affects the formation of an ideal community. With that, this present study aims to identify the effects of psychosocial factors towards aggressive behaviour among Pre-University students in Kuala Lumpur area. Specifically, this study aims to identify the effects of self-esteem, cognitive distortion and family functioning towards aggressive behaviour. This study was a quantitative design using a questionnaire involving 150 Pre-University students from areas in Kuala Lumpur. The results indicate that the majority of the respondents exhibit psychosocial factors at moderate levels: self-esteem ($n = 110$), cognitive distortion ($n = 91$), family functioning ($n = 50$) and aggressive behaviour ($n = 80$). The result shows that all the psychosocial variables had significant effect towards aggressive behaviour; with cognitive distortion as the strongest significant predictor of aggressive behaviour (β

= 0.461, $p < 0.00$.) This findings of this study is anticipated to beneficial to related parties such as parents, schools, as well as Education Ministry and Youth and Sports Ministry.

Keywords: psychosocial, self-esteem, cognitive distortion, family functioning, aggressive behaviour, Pre-University students

PENGENALAN

Remaja merupakan aset sesebuah negara yang sangat bernilai dan sekaligus merupakan modal insan yang akan menerajui pucuk kepimpinan negara pada masa akan datang. Kebergantungan dan harapan masyarakat amat besar buat generasi muda ini bagi menggalas tanggungjawab dan amanah untuk meneruskan aspirasi dan inspirasi negara bagi mencapai status negara maju setanding negara-negara yang terkemuka.

Sejak kebelakangan ini, negara kita kerap kali dikejutkan dengan pelbagai masalah sosial dan jenayah yang dilakukan oleh golongan remaja. Seandainya dahulu remaja hanya dikaitkan dengan kesalahan minor seperti melepak, merokok dan ponteng, tetapi hari ini situasi mula berubah apabila golongan ini mula melibatkan diri dengan pelbagai kesalahan ekstrim dan berat sehingga boleh menyebabkan kematian. Masalah dalam kalangan remaja kian membimbangkan kerana hal ini bukan sahaja melibatkan pelajar lelaki, malahan pelajar wanita juga turut menyumbang dalam peningkatan jumlah masalah seperti tingkah laku delinkuen, tingkah laku agresif, penggunaan dan penyalahgunaan dadah, penggunaan senjata, keterlibatan dalam kongsi gelap, masalah mat dan minah rempit, dan gejala sosial lain yang membimbangkan para ibu bapa, guru, pihak berkuasa, dan masyarakat secara umumnya.

Menurut paparan berita di News Straits Times pada 17 Ogos 2017, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengenal pasti sebanyak 402 buah institusi pengajian *hotspot* di seluruh negara sebagai sekolah yang mempunyai masalah disiplin (kategori 1) dan dadah (kategori 3) (Hariz Mohd, 2017). Daripada statistik itu, sebanyak 76 buah sekolah di Selangor menunjukkan kedudukan paling tinggi. Kedudukan kedua tertinggi pula ialah Johor dengan 63 buah sekolah dan diikuti oleh Negeri Sembilan dengan 40 buah sekolah yang tersenarai dalam jadual tersebut. Manakala, Pulau Pinang dan Pahang berkongsi tempat kedudukan keempat dengan 37 buah sekolah. Walaupun 22 buah sekolah di Kuala Lumpur turut tersenarai, semuanya dikategorikan dengan isu dadah dan jumlah selebihnya disumbangkan oleh negeri-negeri lain. Antara indikasi institusi pengajian *hotspot* ini adalah tempat yang mempunyai masalah berkaitan disiplin, penyalahgunaan dadah, jenayah dan masalah-masalah lain seperti tahap kehadiran ke sekolah yang sangat lemah.

Selain itu, tingkah laku agresif seperti membuli, memukul, memeras ugut, menghina, mengeluarkan kata-kata kesat, bergaduh dan lain-lain sering kali dikaitkan dengan pelajar-pelajar remaja ini. Menurut Feldman (2001) dan Baron dan Bryne (2004), tingkah laku agresif bermaksud sebarang tindakan yang bertujuan untuk mencederakan orang lain. Manakala menurut Huesmann dan Miller (1994) matlamat utama tingkah laku agresif ini adalah untuk mendatangkan kesakitan, kecederaan atau kemusnahan pada mangsa ataupun barang miliknya. Contoh kes yang terbaharu mengenai fenomena tingkah laku agresif yang menggemparkan negara kita ialah peristiwa hitam yang melibatkan pemergian seramai 22 orang pelajar tahfiz di Asrama Pusat Tahfiz Darul Ittifaqiyah di Keramat yang terlibat dalam kebakaran terancang dan pemergian seorang penuntut Universiti Pertahanan National Malaysia (UPNM) iaitu Pegawai Kadet Zulfarhan Osman Zulkainain, 21, yang menjadi mangsa tingkah laku agresif dan buli beramai-ramai (Gunaratnam, 2017).

Keagresifan juga sering dikaitkan dengan tingkah laku antisosial, jenayah dan masalah kesihatan mental seperti kecelaruan personaliti, penyalahgunaan dadah dan kemurungan (Brannstrom, Kaunitz, Andershed, South & Smedslund., 2016). Selain itu, Mohammad Rahim Kamaluddin, Azizah Othman, Khaidzir Ismail dan Geshina Ayu Mat Saat (2016) telah menyatakan bahawa tingkah laku agresif sebagai salah satu tret psikokriminogenik yang sering dikaitkan dengan pelbagai jenayah kekerasan termasuk pembunuhan dan rompakan. Edelman (1995) melaporkan setiap lima minit seorang remaja di Amerika Syarikat ditangkap oleh kerana pelbagai masalah jenayah kekerasan dan setiap dua jam seorang kanak-kanak mati akibat ditembak. Berdasarkan dapatan kajian sebelum ini, jelas kita boleh melihat bahawa permasalahan berkaitan tingkah laku agresif dan pro-jenayah ini bukan sahaja berlaku di negara kita Malaysia, malahan di segenap pelusok dunia termasuk negara maju seperti Amerika Syarikat.

Tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar bukanlah suatu fenomena yang baharu. Kajian-kajian mengenainya telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tempatan mahupun di luar negara. Banyak model dan teori telah dibentuk bagi memahami konsep tingkah laku agresif. Sebagai contohnya, model O'Keefe (1995) telah melihat aspek tingkah laku agresif ini lebih menyeluruh merangkumi individu dan persekitaran iaitu personaliti, sosiologikal dan psikologikal. Teori Ketegangan (*Strain Theory*) oleh Agnew (1992) pula mengatakan seseorang individu akan mengalami emosi negatif seperti kecewa dan agresif kerana tidak dapat mencapai matlamat melalui cara yang betul dan konvensional. Ini seterusnya menyebabkan individu ini untuk memilih jalan alternatif yang melanggar norma kehidupan iaitu jenayah dan keganasan.

Selain penjelasan oleh model dan teori, banyak kajian empirikal

juga telah meneliti masalah tingkah laku agresif ini. Jia, Wang, Shi dan Li (2011) menunjukkan faktor keluarga sebagai salah satu penyebab perlakuan bermasalah ini dalam kalangan kanak-kanak dimana ibu bapa yang tidak mengamalkan gaya keibubapaan yang sesuai menjadi pencetus tingkah laku agresif. Azizi Yahaya (2006) pula mendapati faktor guru dan sikap pelajar seperti penghargaan sendiri yang lemah paling dominan yang mendorong pelajar ponteng sekolah dan bertingkah laku agresif.

Menurut Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Yusof Boon dan How Lee Chan (2007), agresif ialah sebarang tingkah laku yang dirancang untuk mencederakan orang lain, iaitu tingkah laku yang harus dielakkan. Kekecewaan, kejangkelan dan serangan dan lain-lain mudah menyebabkan seseorang itu berasa marah. Perasaan marah ini adalah salah satu unsur yang penting untuk menghasilkan tingkah laku agresif. Biasanya seseorang yang marah lebih cenderung untuk bersikap agresif. Oleh itu, faktor untuk mengawal tingkah laku agresif sama penting dengan menimbulkan perasaan agresif. Pengetahuan lampau merupakan mekanisme penting untuk menentukan manusia yang bertingkah laku agresif.

Seterusnya, biarpun pelbagai peraturan dan disiplin telah ditetapkan oleh pihak sekolah, namun perbuatan salah laku pelajar tetap berlaku dan semakin meningkat dari tahun ke tahun. Antara masalah yang begitu ketara ialah masalah yang berkaitan dengan tingkah laku delinkuen dalam kalangan pelajar remaja. Menurut KPM (2013), seperti yang dilaporkan oleh Sektor Pembangunan Kemanusiaan Unit Hal Ehwal Murid, sepuluh jenis tingkah laku delinkuen dalam kalangan murid menengah dan rendah ialah berunsur jenayah, berunsur kelucahan, kekemasan diri, tidak pentingkan masa, kurang sopan, laku musnah, ponteng sekolah, kenakalan, buli dan menghisap rokok.

Nash, McQueens dan Bray (2005) mendapati ibu dan bapa yang berkelakuan antisosial dan jenayah menyediakan satu ruang pembelajaran untuk anak-anak mereka mempelajari dan mengikuti perlakuan tersebut. Nor Hashimah Osman (2003) membuktikan bahawa faktor keluarga mempunyai hubungan yang signifikan dengan kewujudan masalah disiplin dan keagresifan dalam kalangan pelajar sekolah menengah dalam Daerah Kubang Pasu. Selain itu, Azyyati Mohd Nazim *et al.* (2013) menerusi kajian rentas yang melibatkan pelajar sekolah menengah di tiga rancangan pembangunan tanah di Semenanjung Malaysia bagi mengenal pasti kewujudan (prevalens) tingkah laku agresif dalam kalangan remaja yang telah dipilih. Kajian menunjukkan tingkah laku berisiko dan agresif yang paling prevalen adalah ponteng sekolah (34.4%), melepak (21.5%), membuli (21.5%), mencuri (12.9%) dan merokok (12.0%).

Seterusnya, kajian literatur mengenai tingkah laku agresif remaja

mendapati beberapa faktor risiko yang berkaitan telah menjadi penyumbang kepada gejala-gejala negatif dalam kalangan remaja yang tidak boleh diterima oleh norma masyarakat (Mohammad Rahim Kamaluddin, Nadiah Syariani Md Shariff, Azizah Othman, Khaidzir Ismail & Geshina Ayu Mat Saat., 2015). Antara faktor risiko adalah hubungan yang tidak baik dengan ibu bapa, masalah keluarga, masalah akademik, faktor intrinsik seperti penghargaan sendiri yang lemah, serta tekanan dari rakan sebaya. Di samping itu, faktor intrinsik lain seperti pengherotan kognitif juga menjadi titik tolak yang mendorong remaja terjebak dalam jenayah dan kesalahan yang mereka lakukan.

Sehubungan dengan itu, perkara ini perlu dibendung sekeras-kerasnya oleh semua lapisan masyarakat terutama pihak yang dipertanggungjawabkan mendidik golongan remaja ini. Hal ini demikian, khuatir sekiranya tiada sebarang tindakan atau inisiatif yang diambil bagi mencegah masalah ini akan menyebabkan isu ini menjadi lebih parah. Remaja yang mempunyai tingkah laku agresif berkemungkinan pula menjadi orang dewasa yang berhadapan dengan pelbagai masalah seperti tingkah laku jenayah dan keganasan, salah guna dadah, kematian awal, pengangguran dan ketiadaan tempat tinggal. Oleh kerana remaja merupakan aset negara yang bernilai kepada sesebuah negara dan bangsa, adalah penting untuk semua pihak memainkan peranan mencorakkan mereka menjadi modal insan berkualiti, berdaya saing serta bertanggungjawab.

Justeru, kajian ini lebih menekankan kepada aspek psikologikal dan psikososial seseorang yang boleh menyebabkan kecenderungan kepada bertingkah laku agresif. Hal ini demikian kerana, penting untuk mengenal pasti aspek psikologikal dan psikososial seseorang yang mempunyai kecenderungan terlibat dalam tingkah laku agresif. Penemuan daripada kajian-kajian lepas (Carre *et al.*, 2014) telah menegaskan tentang keperluan intervensi awal dalam kalangan golongan yang berisiko tinggi sejak dari bangku sekolah lagi. Sehubungan dengan itu, satu kajian perlu dijalankan bagi mengetahui dan menyediakan langkah pencegahan atau intervensi yang dapat dipraktikkan untuk membendung masalah keagresifan yang boleh menyebabkan terjadinya isu sosial yang lebih memudaratkan di kemudian hari.

OBJEKTIF

Objektif kajian ini secara amnya adalah untuk mengkaji pengaruh faktor psikososial iaitu faktor penghargaan sendiri, pengherotan kognitif, dan kefungsi keluarga terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar Pra-Universiti sekitar Kuala Lumpur. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk:

- 1) Mengkaji tahap penghargaan sendiri, pengherotan kognitif, kefungsiian keluarga dan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar Pra-Universiti di sekitar Kuala Lumpur.
- 2) Mengenal pasti pengaruh faktor penghargaan sendiri, pengherotan kognitif dan kefungsiian keluarga yang menyumbang kepada tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar Pra-Universiti di sekitar Kuala Lumpur.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kuantitatif menggunakan metod survei dengan menggunakan borang soal selidik. Kajian ini melibatkan seramai 150 orang pelajar Pra-Universiti sebagai responden kajian yang diperoleh melalui kaedah persampelan mudah. Walaupun bilangan sampel ini tidak cukup untuk membuat generalisasi ke atas seluruh populasi pelajar Pra-Universiti di Kuala Lumpur, saiz sampel ini dikatakan sesuai bagi menguji hipotesis demi mencapai matlamat kajian ini. Pengkaji telah menetapkan kriteria bahawa responden haruslah pelajar Pra – Universiti secara sepenuh masa dimana – mana institusi pengajian Tingkatan 6, jantina lelaki atau wanita tanpa mengira agama dan bangsa dan berusia 19 tahun. Kajian ini telah memfokuskan para pelajar Pra-Universiti dengan rasional bahawa kurangnya kajian yang melibatkan remaja akhir ini berbanding remaja awal dan pertengahan.

Kajian ini dijalankan di kawasan sekitar institusi pengajian Pra-Universiti, Perpustakaan Negara dan pusat tuisyen pelajar-pelajar Pra-Universiti sekitar Kuala Lumpur. Selain itu, pengkaji juga telah mengedarkan soal selidik di kawasan PPR Gombak Setia yang mengadakan Program Perkasa Remaja yang telah disertai kebanyakan pelajar Pra-Universiti sekali gus memudahkan penyelidik untuk mendapatkan responden. Pengkaji juga menggunakan teknik persampelan bola salji dengan mendekati individu-individu yang diperkenalkan oleh responden.

Borang soal selidik yang diedarkan terdiri daripada lima bahagian iaitu bahagian A adalah berkaitan faktor demografi, bahagian B berkaitan tahap Penghargaan Kendiri responden, bahagian C berkaitan tahap Pengherotan Kognitif responden, bahagian D berkaitan Kefungsiian Keluarga responden dan bahagian E berkaitan tahap Tingkah Laku Agresif responden. Instrumen yang digunakan ialah *Rosernberg Self – Esteem Scale* (Rosenberg, 1965) yang telah diadaptasi kepada Bahasa Malaysia oleh Mohd Jamil (2006). Instrumen ini mempunyai 10 item yang terdiri daripada lima item positif (+) dan lima item negatif (-). Salah satu item yang ditanyakan dalam instrumen ini ialah: Saya memandang positif terhadap diri saya. Kaedah permakatan yang digunapakai dalam soal selidik ini

adalah Skala *Likert* 1 hingga 4; (1) Tidak pernah menggambarkan diri saya, (2) Jarang menggambarkan diri saya, (3) Bersetuju menggambarkan diri saya dan (4) Amat bersetuju menggambarkan diri saya.

Bagi tujuan mengakses pengherotan kognitif pula, pengkaji menggunakan soal selidik *How I Think* yang telah diadaptasi kepada Bahasa Malaysia oleh Mohammad Rahim Kamaluddin, Nadiyah Syariani Md Shariff, Azizah Othman dan Geshina Ayu Mat Saat (2013) yang mencatatkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu nilai *Alfa Cronbach* (α) 0.90. *How I Think* versi Malaysia merupakan salah satu alat ujian psikometrik yang sering digunakan dalam proses penilaian tahap pengherotan kognitif terutama dalam kalangan juvana delinkuen dan penjenayah. Instrumen ini mengandungi 24 item yang perlu dijawab oleh responden Kaedah permakatan bagi instrumen ini adalah menggunakan Skala *Likert* 1 hingga 5 di mana (1) adalah sangat tidak setuju dan (5) adalah sangat setuju. Salah satu contoh item dalam instrumen ini ialah: Apabila saya marah, saya tidak peduli siapa yang terluka.

Soal selidik bahagian D dalam kajian ini dikenali sebagai *Family Adaptability & Cohesion Scales* (FACES III). Alat ujian ini mengkehendaki individu yang mengambil ujian menyatakan keadaan keluarga mereka. Instrumen ini mendapat nilai kebolehpercayaan yang tinggi untuk 20 item iaitu nilai *Alfa Cronbach* (α) 0.82. Setiap item dalam FACES III ini memerlukan respon jawapan berbentuk Skala *Likert* 1 hingga 5; (1) Hampir tidak pernah, (2) Sekali-sekali, (3) Kadang-kala, (4) Kerap dan (5) Sentiasa. Salah satu contoh item yang terdapat dalam FACES III adalah: Peraturan dalam keluarga saya berubah-ubah.

Akhir sekali, tingkah laku agresif diukur menggunakan *Aggression Questionnaire* (AQ) yang dibangunkan oleh Buss dan Perry (1992) dan yang telah diadaptasikan dalam konteks tempatan (Nurul Hazrina Mazlan & Affizal Ahmad, 2012). Instrumen ini mencatat nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu nilai *Alfa Cronbach* (α) 0.88. Responden perlu menjawab kesemua 29 item dengan melaporkan seberapa kerap mereka terlibat dengan tingkah laku agresif dengan menggunakan Skala *Likert* 1 hingga 5. Contoh item yang mengukur tingkah laku agresif dalam kajian ini adalah: Kadang-kadang saya akan mengamuk tanpa sebab.

Setelah memperolehi data daripada responden, data kemudiannya telah dikodkan ke dalam program *IBM Statistical Package for Social Science 23* (SPSS23) bagi analisis data. Data dianalisis dengan menggunakan analisa deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif digunakan untuk membentangkan maklumat demografi responden serta tahap aspek psikososial dan tingkah laku agresif. Bagi menentukan tahap untuk setiap aspek psikososial, pengiraan dibuat berdasarkan formula julat skor (skor maksimum – skor

minimum) dibahagikan dengan bilangan tahap. Manakala analisis inferensi jenis regresi berganda pula diaplikasikan untuk mengenal pasti pengaruh faktor penghargaan sendiri, pengherotan kognitif, kefungsian keluarga terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar Pra-Universiti di sekitar Kuala Lumpur.

DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian mendapati pelajar lelaki adalah seramai 61 (41.0%) orang manakala pelajar perempuan adalah seramai 89 (59.0%) orang dengan umur min 18.35 tahun ($s.p = 0.56$).

Tahap psikososial dan tingkah laku agresif

Daripada jumlah keseluruhan responden kajian, seramai 8 orang pelajar mempunyai tahap penghargaan sendiri yang rendah. Jumlah ini adalah sebanyak 5.3%. Seramai 110 orang (73.3%) responden kajian pula mempunyai tahap penghargaan sendiri pada tahap sederhana. Akhir sekali, seramai 32 orang pelajar (21.3%) dalam kajian ini mempunyai tahap penghargaan sendiri yang tinggi. Jadual 1 menunjukkan taburan tahap penghargaan sendiri dalam kalangan responden.

Jadual 1. Taburan Tahap Penghargaan Kendiri (n =150)

Tahap Penghargaan Kendiri	Frekuensi	Peratus (%)
Rendah	8 (5.3)	5.3
Sederhana	110 (73.3)	73.3
Tinggi	32 (21.3)	21.3

Jadual 2 pula menunjukkan taburan tahap pengherotan kognitif pelajar. Seramai 48 (32.0 %) orang pelajar mempamerkan tahap pengherotan kognitif pada tahap rendah. Manakala, seramai 91 (60.7%) orang pelajar mempunyai tahap pengherotan kognitif pada tahap sederhana dan hanya seramai 11 (7.3%) orang pelajar Pra-Universiti dalam kajian ini mempunyai tahap pengherotan kognitif yang tinggi.

Jadual 2: Taburan Tahap Pengherotan Kognitif (n=150)

Tahap Pengherotan Kognitif	Frekuensi	Peratus (%)
Rendah	48	32.0
Sederhana	91	60.7
Tinggi	11	7.3

Seterusnya, Jadual 3 menunjukkan tahap kefungsian keluarga bagi pelajar Pra-Universiti di sekitar Kuala Lumpur. Hasil kajian menunjukkan seramai 11 (7.3%) orang pelajar mengalami tahap kefungsian keluarga pada tahap ekstrim (tidak seimbang). Manakala, seramai 50 (33.3%) orang

pelajar mempunyai tahap sistem kefungsi keluarga yang sederhana. Seterusnya, seramai 75 (50.0%) orang pelajar Pra-Universiti dalam kajian ini mempunyai tahap kefungsi keluarga yang sederhana seimbang. Akhir sekali, seramai 14 (9.3%) orang pelajar mempunyai tahap kefungsi keluarga yang paling tinggi iaitu tahap seimbang.

Jadual 3: Taburan Tahap Kefungsi Keluarga (n=150)

Tahap Kefungsi Keluarga	Frekuensi	Peratus (%)
Ekstrim	11	7.3
Sederhana	50	33.3
Sederhana Seimbang	75	50.0
Seimbang	14	9.3

Jadual 4 menunjukkan tahap tingkah laku agresif pelajar Pra-Universiti di sekitar Kuala Lumpur dalam kajian ini. Didapati seramai 48 (32.0%) orang pelajar memperolehi tahap tingkah laku agresif pada tahap rendah. Manakala, seramai 80 (53.3%) orang pelajar didapati mempunyai tahap tingkah laku agresif pada tahap sederhana. Seramai 22 (14.7%) orang pelajar Pra-Universiti di sekitar Kuala Lumpur dalam kajian ini mempunyai tahap tingkah laku agresif yang paling tinggi.

Jadual 4: Taburan Tahap Tingkah Laku Agresif (n=150)

Tahap Tingkah Laku Agresif	Frekuensi	Peratus (%)
Rendah	48	32.0
Sederhana	80	53.3
Tinggi	22	14.7

Secara keseluruhan, kajian mendapati setiap pemboleh ubah bebas dan terikat yang dikaji dalam kajian ini kebanyakan mencapai pada tahap sederhana. Bagi aspek penghargaan sendiri, majoriti pelajar Pra-Universiti dalam kajian ini hanya mencapai pada tahap sederhana sahaja iaitu seramai 110 (73.3%) orang. Begitu juga dengan aspek pengherotan kognitif dimana majoriti pelajar-pelajar ini mengalami tahap pengherotan kognitif pada tahap sederhana iaitu seramai 91 (60.7%) orang. Manakala, bagi aspek kefungsi keluarga juga menunjukkan kebanyakan pelajar mempunyai jenis keluarga pada tahap sederhana seimbang iaitu seramai 75 (50.0%) orang. Aspek tingkah laku agresif juga menunjukkan majoriti responden mempunyai tahap tingkah laku agresif pada tahap sederhana iaitu seramai 80 (53.3%) orang.

Pengaruh Psikososial terhadap Tingkah Laku Agresif

Berdasarkan Jadual 5, ketiga-tiga pemboleh ubah bebas dalam kajian ini iaitu faktor penghargaan sendiri, pengherotan kognitif dan kefungsi keluarga mempunyai pengaruh ke atas tingkah laku agresif dengan aras

signifikan $p < .05$ apabila diuji dengan analisis regresi pelbagai. Selain itu, nilai Beta (β) yang ditunjukkan pada jadual koefisien piawai digunakan untuk membandingkan sumbangan setiap pemboleh ubah bebas. Nilai Beta (β) di bawah menunjukkan sumbangan sebanyak $-.299$ daripada faktor penghargaan sendiri. Manakala, sumbangan positif sebanyak $.461$ daripada faktor pengherotan kognitif dan sebanyak $.069$ daripada faktor kefungsian keluarga secara signifikan mempengaruhi tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar Pra-Universiti sekitar Kuala Lumpur dalam kajian ini. Secara keseluruhan, faktor pengherotan kognitif ($\beta = .461$, $p < .00$.) adalah pengaruh yang terbaik yang signifikan berbanding faktor penghargaan sendiri ($\beta = -.299$, $p < .00$) dan faktor kefungsian keluarga ($\beta = .069$, $p < .05$) dengan keseluruhan $R^2 = .384$.

Jadual 5: Jadual Regresi Pelbagai Bagi Bagi Pengaruh Faktor Psikososial Terhadap Tingkah Laku Agresif

Model		Koefisien tidak berpiawai		Koefisien berpiawai	T	Sig
		B	Ralat Piawai	Beta (β)		
1	(Tetap)	33.234	6.440		5.161	.000
	Penghargaan Kendiri	-.742	.165	-.299	-4.491	.000
	Pengherotan Kognitif	.269	.040	.461	6.738	.000
	Kefungsian Keluarga	.058	.057	.069	1.030	.305

PERBINCANGAN

Tahap Faktor Psikososial dan Tingkah Laku Agresif dalam Kalangan Pelajar Pra-Universiti Sekitar Kuala Lumpur

Pelajar Pra-Universiti sekitar Kuala Lumpur dalam kajian ini mempunyai tahap penghargaan sendiri yang sederhana iaitu seramai 110 (73.3%) orang pelajar daripada 150 pelajar. Tahap ini dikatakan baik kerana pada tahap ini para pelajar masih mempunyai kecenderungan positif dalam memotivasikan diri sekiranya menghadapi ujian atau cabaran bagi mencapai sesuatu matlamat. Perkara ini selari dengan kajian Goleman (1995), dengan menegaskan bahawa penghargaan sendiri mempunyai pengaruh yang sangat penting terhadap kejayaan individu dalam kehidupan. Beliau percaya bahawa penghargaan sendiri memberi sumbangan kepada beberapa aspek kehidupan seperti mengurangnya tekanan, peningkatan kesejahteraan kesihatan mental, peningkatan pembelajaran, penurunan tingkah laku agresif, kebolehan membuat keputusan yang baik dan

kemantapan dalam hubungan interpersonal. Dapatan kajian ini juga disokong oleh Chen *et al.* (2006) melaporkan bahawa penghargaan sendiri dikenal pasti sebagai faktor peramal yang kuat terhadap kepuasan hidup dibandingkan dengan pembolehubah - pembolehubah yang lain. Kajian oleh Casas *et al.* (2012) terhadap remaja mendapati keputusan yang sama dimana terdapat hubungan yang positif antara tahap kepuasan hidup dan penghargaan sendiri. Seterusnya, hasil dalam kajian ini juga bersependapat dengan kajian Muhd Mansur dan Siti Nordinar (1998), yang menyatakan penghargaan sendiri yang baik menunjukkan tahap di mana seseorang individu itu merasa yakin kepada dirinya sendiri sebagai seorang individu yang bernilai, penting, boleh memberi hasil dan berharga.

Tahap pengherotan kognitif pelajar Pra-Universiti sekitar Kuala Lumpur dalam kajian juga menunjukkan majoriti daripada responden kajian mempunyai tahap pengherotan kognitif sederhana iaitu seramai 91 (60.7%) orang pelajar. Biarpun begitu, terdapat juga seramai 11 (7.3%) orang pelajar yang mempunyai tahap pengherotan kognitif yang tinggi. Konsep pengherotan kognitif ini boleh diklasifikasikan sebagai satu jenis kognisi bermasalah secara klinikal yang relevan dengan satu status dan skop operasi yang spesifik (Guglielmo, 2015). Pengherotan kognitif yang berada pada tahap sederhana dan tinggi ini akan menyebabkan seseorang individu itu cenderung untuk mengalami kemurungan sekali gus bertingkah laku agresif.

Kajian lepas menyokong pernyataan ini apabila kajian Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani, Rozainee Khairudin dan Mohammad Rahim Kamaluddin (2016) mendapati terdapatnya korelasi positif yang signifikan antara pengherotan kognitif dan kemurungan. Selain itu, kajian Marton, Churchard dan Kutcher (1993) juga menjadi satu lagi bukti hubungan yang kuat antara pengherotan kognitif dan kemurungan. Dapatan kajian ini juga mempunyai persamaan dengan hasil kajian Rozmi Ismail (2004) yang mendapati remaja yang mengalami tekanan seringnya akan terlibat dengan masalah sosial seperti merokok, dadah, lepak, lumba haram, vandalisme, memberontak, kecewa dan agresif. Hans Selye (1956) juga mengatakan kemurungan dan tekanan sebagai satu tindakbalas atau reaksi yang tidak spesifik tubuh terhadap sebarang rangsangan atau permintaan. Ini menunjukkan apabila semua permintaan melebihi daripada kemampuan badan, ia akan mengakibatkan ketegangan atau keagresifan. Seterusnya, dapatan kajian mendapati sebahagian daripada jumlah responden dalam kajian ini mempunyai sistem kekeluargaan pada tahap sederhana seimbang iaitu seramai 75 (50%) orang pelajar. Selebihnya seramai 14 (9.3%) orang pelajar di tahap seimbang, 50 (33.3%) orang pada tahap sederhana dan 11 (7.3%) orang pada tahap jenis keluarga yang ekstrim. Tahap keluarga yang seimbang menunjukkan keperluan psikologi dan sosial dalam ahli keluarga dapat dipenuhi dengan baik. Perkara ini

selari dengan kajian daripada Baumrind (1971) yang menyatakan hubungan ibu bapa dan anak yang mesra akan meningkatkan penghargaan sendiri anak-anak dalam membuat pilihan, berkomunikasi, dan mengendalikan hidup yang produktif. Kajian ini juga menyokong dapatan Ruchkin *et al.* (2000) yang menjelaskan bahawa kuasa emosi yang wujud dalam kefungsiannya sesebuah keluarga sangat kuat untuk menjadi peramal kepada permasalahan tingkah laku berbanding dengan kemahiran keibubapaan bagi kes-kes juvana. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa kefungsiannya keluarga yang wujud selama ini menjadi kekuatan terutama dalam aspek kebersamaan seperti meluahkan perasaan, komunikasi, dan meluangkan masa bersama anak (Hsueh & Yoshikawa 2007).

Biarpun begitu, kajian ini juga dapat mengenal pasti bahawa sebahagian pelajar Pra-Universiti sekitar Kuala Lumpur dalam kajian ini cenderung untuk mempunyai jenis keluarga yang bermasalah atau ekstrim dalam hubungan antara ahli keluarga. Hubungan kekeluargaan yang lemah akan menyebabkan anak-anak kehilangan kasih sayang, kurangnya penghargaan sendiri, tiada matlamat, hilang sumber sokongan dan kemunduran jati diri. Menurut kajian Kolb dan Hanley-Maxwell (2003), institusi kekeluargaan mempunyai peranan yang penting dalam perkembangan tahap penghargaan sendiri dalam kalangan remaja. Selain itu, ibu bapa juga perlu menjadi model yang dapat dicontohi oleh anak-anak sama ada dari segi perkataan dan perbuatan yang melibatkan emosi. Ibu bapa juga membantu membina penghargaan sendiri (self-esteem), kawalan sendiri, kesedaran sendiri dan keyakinan diri (Johnson, 2008).

Hasil dapatan kajian menunjukkan sebilangan besar responden kajian menunjukkan tingkah laku agresif pada tahap sederhana iaitu seramai 80 (53.3%) orang responden. Perkara ini amat membimbangkan dan perlu diketengahkan untuk dibincangkan kerana kecenderungan pelajar lain dalam kajian ini untuk mencapai tahap tinggi dalam tingkah laku agresif adalah tidak mustahil. Remaja yang agresif dan berisiko akan menyebabkan banyak berlaku masalah sosial dan jenayah di dalam negara. Dalam kajian ini sahaja seramai 22 (14.7%) orang pelajar mempunyai tingkah laku agresif pada tahap tinggi dan kajian membuktikan remaja yang mempunyai tingkah laku agresif berkemungkinan pula menjadi orang dewasa yang berhadapan dengan pelbagai masalah seperti tingkah laku jenayah dan keganasan, salah guna dadah, penceraian, kematian awal, pengangguran dan ketiadaan tempat tinggal (Rozmi Ismail, 2011). Selain itu, tingkah laku agresif ini juga berlaku apabila terdedah dengan persekitaran yang kurang sihat seperti merempit, berjudi, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, alkohol, dadah dan lain-lain.

Pengaruh Faktor Psikososial Terhadap Tingkah Laku Agresif dalam Kalangan Pelajar Pra - Universiti di Sekitar Kuala Lumpur

Berdasarkan hasil kajian, faktor pengherotan kognitif merupakan faktor tertinggi yang menyumbang kepada terjadinya tingkah laku agresif berbanding faktor penghargaan sendiri dan kefungsiannya keluarga dalam kalangan pelajar Pra-Universiti sekitar Kuala Lumpur. Perkara yang dibimbangkan ialah apabila masalah yang dialami oleh remaja akan mengheret mereka dalam satu keadaan diri yang tertekan yang mana mengakibatkan mereka tidak dapat berfikir secara positif dan mengalami pengherotan kognitif sehingga mengambil keputusan untuk terjebak dengan pelbagai aktiviti yang tidak sihat (Fauziah, Khadijah, Noremy, Sarnon & Lukman., 2012). Hal ini kerana pengherotan kognitif yang dialami sehingga menyebabkan mereka bertingkah laku sedemikian. Keadaan ini juga secara tidak langsung memperlihatkan pembentukan tingkah laku manusia yang terhasil daripada interaksi antara kognitif, persekitaran dan perlakuan manusia lain (Muhammed Sharif & Suria 2012). Hasil kajian ini juga disokong dengan kajian pengkaji barat yang menyatakan pengherotan kognitif merujuk kepada individu yang gagal mengawal fikirannya seperti menyalahkan diri, mengkritik diri, tidak berdaya, dan berputus asa, seterusnya berkecenderungan untuk bertingkah laku negatif, sehinggakan tingkah lakunya tidak dapat diterima dan dianggap melanggar norma masyarakat (Abela, Becker, & Conningham Rather 1984). Kesimpulannya, pengherotan kognitif merupakan faktor dominan dalam kajian ini yang merupakan faktor terbesar sumbangannya dalam pembentukan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar Pra-Universiti sekitar Kuala Lumpur. Hasil daripada kajian ini mendapati faktor kefungsiannya keluarga bukanlah satu faktor yang besar dalam pembentukan tingkah laku agresif dalam kalangan responden. Biarpun begitu, ianya tetap memberi sedikit sumbangan pengaruh kepada tingkah laku agresif ini. Selari dengan pendapat Bandura (1973) yang mendakwa bahawa perkara utama yang sering dipelajari oleh seseorang individu sejak zaman kanak - kanaknya ialah melalui pemerhatian terhadap tingkah laku orang lain, khususnya orang yang signifikan dengan mereka. Oleh itu, individu akan mempelajari dan melakukan tingkah laku agresif sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui peniruan tingkah laku ahli keluarga mereka.

Menurut Bandura (1973) lagi, individu akan mempelajari dan melakukan tingkah laku agresif sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui peniruan tingkah laku ahli keluarga mereka. Kesimpulannya, walaupun faktor kefungsiannya keluarga hanya menyumbang sedikit akan kewujudan tingkah laku agresif, ianya tetap merupakan aspek faktor psikososial yang penting untuk dijadikan sebagai indikator bagi mengukur pemboleh ubah terikat kajian ini iaitu tingkah laku agresif.

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI

Kajian ini dijalankan untuk melihat faktor psikososial khususnya penghargaan sendiri, pengherotan kognitif dan kefungsi keluarga terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar Pra-Universiti di sekitar Kuala Lumpur. Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada remaja, ibu bapa, pihak sekolah, pihak kerajaan lebih-lebih lagi Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Belia dan Sukan tentang tahap kesejahteraan psikososial dalam kalangan pelajar Pra-Universiti serta dapat mengambil langkah untuk pembentukan kesejahteraan psikososial yang sihat dan berkualiti. Hal ini penting kerana langkah-langkah yang dirangka dapat memastikan pelajar menyediakan diri untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran apabila sudah tamat pengajian Pra-Universiti kelak. Selain itu, kajian ini mempunyai beberapa limitasi seperti saiz sampel yang kecil dan faktor-faktor psikososial lain yang belum diterokai. Sebagai cadangan kajian akan datang, pengkaji mencadangkan agar skop kajian diperluas dan merangkumi pelajar sekolah rendah, menengah dan mahasiswa universiti, golongan belia dan sebagainya. Faktor psikososial yang lain yang boleh diambil kira untuk kajian akan datang adalah seperti hubungan interpersonal, kualiti dan kepuasan hidup, perhubungan sosial dan sebagainya untuk dikaitkan dengan aktiviti atau tingkah laku agresif.

RUJUKAN

- Agnew, R. (1992). *Foundation for a General Strain Theory of Crime and Delinquency*. *Criminology*. 30, 47-87.
- Azizi Yahaya (2006). Hubungan antara tingkah laku keibubapaan dengan penghargaan sendiri di kalangan remaja. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*, 11: 36-46.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Yusof Boon & How Lee Chan. (2007). *Faktor-faktor yang mempengaruhi gejala ponteng dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Johor*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Azyyati Mohd Nazim, Fariza Md. Sham, & Salasiah Hanin Hamjah. (2013). *Ciri-ciri Remaja Berisiko*.
- Bandura, A. (1973). *Aggression: A social learning analysis*. Oxford, England: Prentice-Hall.
- Baron, R. A., & Bryne, D. (2004). *Social Psychology (International Edition)*. Boston: Allyn & Bacon.
- Baumrind. D. (1971). *Current patterns of parental authority*. *Developmental Psychology Monographs*, 4, 1-103.

- Brannstrom, L., Kaunitz, C., Andershed, A.K., South, S. & Smedslund, G. (2016). *Aggression Replacement Training (ART) for Reducing Antisocial Behaviour in Adolescents and Adults: A Systematic Review*. *Aggression and Violent Behaviour*, 27(2): 30-41.
- Buss, A.H. & Perry, M. (1992). The Aggression Questionnaire. *Journal of Personality and Social Psychology*, 63(3): 452-459.
- Carre, J.M., Iselin, A.M., Welker, K.M., Hariri, A.R. & Dodge, K.A. (2014). *Lowered Testosterone Reactivity Mediates the Effect of Early Intervention on Aggressive Behavior*. *Psychological Science*, 25(5): 1140-1146.
- Edelmen, M. W. (1995). United we stand: A common vision. *Claming Children*. 1:6-12.
- Fauziah, I., A. Khadijah, M. A. Noremy, N. Samon, & Z. M. Lukman. (2012). *The role of family towards current adolescence challenges: Drug prevention and living without drugs*. *Social Sci.*, 7, 341-345.
- Feldman, R. S. (2001). *Social Psychology*. Prentice Hall. New Jersey.
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence: Why It Can Matter More Than IQ*. New York: Bantam Books.
- Hariz Mohd. (17 Ogos 2017). Revealed: Full list of 402 Malaysian schools with disciplinary, drug issues. News Straits Times. Dipetik dari: <https://www.nst.com.my/news/nation/2017/08/268913/revealed-full-list-402-malaysian-schools-disciplinary-drug-issues>
- Heng Keng Chiam. (1998). *Educational Sociology, Educational Psychology, School Administration, Discipline Problem, Case Studies, School Management, Truancy, Family Background, Parent-Child Relationship and Parent Responsibility*.
- Hsueh, J. A., dan Yoshikawa, H. (2007). *Working Nonstandard Schedules and Variable Shifts in Low-Income Families: Associations with Parental Psychological WellBeing, Family Functioning and Child Well-Being*. *Developmental Psychology*, 43(3), 620-63.
- Huesmann, L.R. & Miller, L.S. (1994). *Long-term Effects of Repeated Exposure to Media Violence in Childhood*. In *Aggressive Behavior: Current Perspectives*, Ed. Huesmann, L.R. pp. 153-86. New York: Plenum.

- Johnson. (2008). Emotionally Focused Therapy for Couples and Childhood Sexual Abuse Survivors. *Journal of Marital and Family Therapy*, 34, 298-315.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). (2013). Hala Tuju Sektor Pembangunan Kemusiaan. Unit Hal Ehwal Murid, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kolb & Hanley-Maxwell. (2003). *Critical social skills for adolescents with high incidence disabilities: Parental perspectives*. *Exceptional Children*, 69(2), 163-79.
- Lau, S., Chan, D. W., & Lau, P. S. (1999). Facets of Loneliness and Depression among Chinese Children and Adolescents. *The Journal of Social Psychology*, 139(6): 713-729.
- Mohammad Rahim Kamaluddin., Azizah Othman., Khaidzir Ismail., & Geshina Ayu Mat Saat. (2016). *Profil Agresif Pembunuh Lelaki Malaysia yang telah Dipenjarakan*. *Akademika*, 86(2): 137-147.
- Mohammad Rahim. K., Nadiyah Syariani, M.S., Azizah, O., & Geshina Ayu, M.S. (2013). *Factorial validation of "How I Think" questionnaire among male inmates in Malaysia*. *Malays J Psychiatry*, 22(2): online early.
- Nash, S., McQueen, A., & Bray, J. H. 2005. Pathways to adolescent alcohol use: Family environment, peer influence, and parental expectations. *Journal of Teen Health*, 37, 19-28.
- Nor Hashimah Osman. (2003). *Faktor-faktor penyebab masalah disiplin dalam kalangan pelajar sekolah menengah dalam Daerah Kubang Pasu*. Universiti Utara Malaysia.
- Nurul Hazrina Mazlan., & Affizal Ahmad. (2012). The Malay-Translated Version of The Aggression Questionnaire (AQ): The Validity and The Identification of Types of Aggression Among Female Prisoners. *ASEAN Journal of Psychiatry*, 13(2): 146-156.
- O' Keefe, M. (1995). *Predictors of Childs Abuse in Maritally Violent Family*. *Interpersonal Violence*. 10(1). 3-21.
- Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani, Rozainee Khairudin & Mohammad Rahim Kamaluddin. (2016). *Pengherotan Kognitif dan Pelbagai Isu Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rosenberg, M., Schooler, C., Schoenbach, C., & Rosenberg, F. (1995). *Global Self-Esteem and Specific Self-Esteem: Different Concepts, Different Outcomes*. *Source American Sociological Review*, 60(1): 141–156. <http://doi.org/10.2307/2096350>.

Rozmi Ismail. (2004). *Gejala Perlumbaan Motorsikal Haram di Kalangan Remaja: Satu Kajian ke Atas Faktor Keterlibatan dan Personaliti*. Prosiding Seminar Keb. Ke 3 Psikologi dan Masyarakat. Bangi: FSSK UKM.

Rozmi Ismail. (2011). *Psikologi Sosial: Tingkah Laku Agresif*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Profil Penulis:

Nur Azrul Amirul Mustafa

Graduan Ijazah Sarjana Muda Psikologi
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
azrulamirul69@yahoo.com

Mohammad Rahim Kamaluddin, Ph.D

Pensyarah Kanan & Pakar Kriminologi
Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
rahimk@ukm.edu.my

Fatin Adha Murad

Pelajar Sarjana Falsafah (Psikologi)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
adhamurad11@gmail.com

Balan Rathakrishnan, PhD

Profesor Madya,
Fakulti Psikologi dan Pendidikan
Universiti Malaysia Sabah
rbhalan@ums.edu.my

Noremy Md Akhir, PhD

Pensyarah Kanan
Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
noremy@ukm.edu.my

Norruzeyati Che Mohd Nasir, PhD

Pensyarah Kanan

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja sosial,

Kolej Sastera dan Sains,

Universiti Utara Malaysia.

zeyati@uum.edu.my

TINGKAH LAKU REMAJA PONTENG SEKOLAH

NOREMY MD AKHIR, NUR SYAFAWANI MATDERIS &
MOHAMMAD RAHIM KAMALUDDIN

ABSTRAK

Ponteng sekolah adalah masalah disiplin utama yang semakin meningkat dan menjejaskan keseluruhan masyarakat hari ini. Ia bukan sahaja memberi kesan kepada pelajar, malah turut memberi kesan kepada pihak sekolah dan komuniti setempat. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku ponteng sekolah dalam kalangan remaja di Sekolah Menengah Agama Limbang, Sarawak. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan kajian kes sebagai reka bentuk kajian. Tujuh orang informan telah dipilih dengan menggunakan persampelan bertujuan. Semua informan yang terlibat dalam kajian ini mempunyai rekod ponteng sekolah yang telah dikenal pasti oleh pentadbiran sekolah. Kedah pengumpulan data adalah dengan menggunakan temu bual secara mendalam. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis dengan menggunakan teknik analisis tematik. Hasil daripada kajian yang dijalankan, terdapat enam faktor yang mempengaruhi penglibatan remaja dalam tingkah laku ponteng sekolah iaitu sikap malas dan tiada minat untuk belajar, terbeban dengan tugas sekolah dan isu peribadi yang dialami oleh remaja itu sendiri. Selain itu, pengaruh rakan sebaya, konflik keluarga dan gaya pengajaran guru dalam kelas turut mempengaruhi informan terlibat dalam tingkahlaku ponteng sekolah. Oleh itu, program intervensi khusus perlu dilaksanakan melibatkan intervensi bersama ibu bapa atau penjaga, kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), pemantapan sahsiah pelajar, jenis dendaan dan cara teguran yang diberikan kepada pelajar. Akhir sekali, penyelidik berharap kajian ini dapat membantu dan memberi manfaat kepada sekolah, ibu bapa, dan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengatasi ponteng sekolah dalam kalangan remaja.

Kata Kunci: Remaja, ponteng sekolah, faktor pengaruhi dan kajian kualitatif.

ABSTRACT

Truancy is a major problem that is seriously affecting the entire society. It is a growing problem in today's schools. The effect of student truancy not only affects the student, but also continues to impact schools and communities. Therefore, the objective of this study is to explore the factors that influenced truancy among adolescents in Limbang Religious Secondary School in Sarawak. The study was conducted in a qualitative method using case study as a research design. Seven informants were selected by using purposive sampling. All informants have truancy records that have been identified by the school administrators. In addition, the researcher conducted in-depth interviews as the data collection technique. Data obtained was analysed by using thematic analysis. In this study, the researcher

found that, there are six factors that influenced adolescents in school truancy which are includes laziness and no interest in learning, burdened with school assignments and personal issues experienced by the adolescents themselves. In addition peer influence, family conflicts and teaching style in the classroom are found as factors that have also influenced truancy. Therefore, special intervention programs need to be implemented involving the co-ordination of parents or guardians, the cooperation of the Parents and Teachers Association (PIBG), the enhancement of student behaviour, the type of punishment and how to reprimand students. Finally, researchers expect this study to be helpful and beneficial to schools, parents, and the Ministry of Education Malaysia to overcome school truancy among adolescents.

Keywords: *Adolescents, School Truancy, Influences Factors And Qualitative Study.*

PENGENALAN

Zaman remaja merupakan zaman yang unik sepanjang kehidupan bagi setiap individu. Pada peringkat remaja, mereka ingin mendapatkan kebebasan daripada ibu bapa dan ingin mencari identiti sendiri di mana zaman remaja adalah tempoh berlakunya proses adaptasi dalam masyarakat selepas mencapai akil baligh (Zainal & Sharani, 2004). Havinghust dalam Jantan dan Razali (2004) menyatakan perkembangan fizikal remaja mempunyai dua peringkat iaitu peringkat awal remaja antara umur 13 hingga 18 tahun. Manakala, peringkat akhir remaja ialah antara umur 18 hingga 24 tahun. Oleh itu, pelajar di sekolah menengah boleh dianggap sebagai permulaan remaja dan remaja yang telah mencecah umur 20 tahun ke atas adalah golongan remaja akhir. Usia remaja lazimnya dianggap sebagai tempoh kritikal dan sangat mencabar kepada remaja mahupun ibu bapa (Rohayati, 2004). Hal ini kerana berlakunya banyak perubahan dalam diri remaja dari segi fizikal, kognitif, emosi dan psikologikal.

Menurut Muhammad Abdullah, Salim dan Arip (2018), ponteng adalah dianggap sebagai tidak hadir ke sekolah tanpa mendapat kebenaran daripada pengetua atau guru besar. Selain itu, ponteng juga merujuk kepada pelajar yang sengaja tidak hadir ke sekolah ataupun mereka yang tidak hadir ke kelas untuk menjalankan sesi pembelajaran. Pelajar tidak hadir dengan sengaja tanpa sebarang alasan yang munasabah. Masa yang sepatutnya diisikan dengan sesi pembelajaran di sekolah sebaliknya dihabiskan dengan melakukan aktiviti yang tidak bermanfaat seperti melepak di kompleks membeli belah atau pusat rekreasi dan pusat hiburan. Isu melanggar peraturan sekolah sentiasa berlaku khususnya dalam kalangan remaja. Namun, ia perlu diberi perhatian kerana ia boleh menjejaskan negara dan generasi akan datang. Sekiranya masalah ponteng sekolah tidak diambil serius, perkara ini akan menyebabkan timbulnya pelbagai masalah sosial di luar sekolah dan ia akan memberi kesan kepada pelajar dari segi akademik, sahsiah dan psikologi mereka.

Budaya ponteng sekolah merupakan permulaan kepada pelajar untuk terlibat dengan aktiviti yang tidak berfaedah seperti melepak, membuli, mencuri, merokok dan paling membimbangkan terlibat dalam penyalahgunaan dadah (Abdullah, Salim & Arip, 2018). Malah Makhsin dan Ilias (2004) menyatakan kes juvana yang melibatkan pelajar sekolah berumur 18 tahun telah meningkat ke 3626 kes pada tahun 2000 berbanding 3077 kes pada tahun 1999. Oleh hal demikian, ibu bapa perlu memberikan perhatian sepenuhnya kepada anak-anak agar mereka tidak terjebak dengan kes ponteng sekolah dan gejala sosial yang lain. Perkara ini perlu diambil serius kerana ini adalah untuk kepentingan masa depan remaja dan negara.

Sekiranya, masalah ponteng sekolah ini dibiarkan, pelajar akan terpengaruh dengan masalah negatif yang lain sepertimana yang dilaporkan oleh Nurul Huda, (2017) di mana dalam operasi mencegah dan membanteras tingkah laku ponteng sekolah yang dijalankan mendapati terdapat 15 orang pelajar yang ponteng sekolah telah ditahan dan salah seorang daripada mereka telah didapati positif dadah. Selain itu, terdapat juga kes merokok yang ditahan di beberapa tempat yang menjadi sarang pelajar untuk ponteng sekolah. Tujuan utama dalam operasi membanteras ponteng sekolah adalah untuk memastikan bahawa pelajar tidak terlibat dengan masalah disiplin yang serius termasuklah kegiatan jenayah. Pasti ada sebab tertentu yang menyebabkan remaja terlibat dalam tingkah laku ponteng sekolah.

Menurut Noor Mohamad Shakil (2017) berdasarkan kepada apa yang telah didedahkan oleh pihak Kementerian Pendidikan, sebanyak 402 buah sekolah iaitu sekolah menengah dan sekolah rendah di negara ini dalam pemerhatian berkaitan dengan isu disiplin pelajar yang perlu diambil serius. Hasil daripada jumlah sekolah tersebut, sebanyak 311 buah sekolah telah berhadapan dengan masalah disiplin pelajar. Manakala 91 buah sekolah lagi, adalah berpotensi cenderung untuk menghadapi masalah disiplin dan sekolah ini juga dalam kategori pemantauan. Merujuk kepada statistik, salah laku disiplin pelajar sekolah pada tahun 2016, jumlah pelajar adalah seramai 111,895 orang yang terdiri daripada sekolah rendah dan sekolah menengah. Seramai 16,849 orang adalah pelajar sekolah rendah dan 95,046 adalah pelajar sekolah menengah. Kesemua pelajar ini adalah terlibat dengan masalah tingkah laku disiplin dan ponteng sekolah merupakan isu yang utama dalam masalah disiplin pelajar.

Secara umumnya, kajian yang dijalankan berkaitan dengan masalah ponteng sekolah, kebanyakannya memberi fokus kepada faktor dan kesan ponteng sekolah secara umum. Menurut Abdullah, Salim dan Arip (2018), gejala ponteng sekolah adalah sikap anti sosial pelajar yang

tidak mahu untuk mematuhi peraturan pihak sekolah. Masalah yang boleh mendorong kepada penglibatan remaja dalam tingkah laku ponteng sekolah ini harus diambil serius. Perkara ini bertujuan untuk membanteras mereka daripada terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat dan tingkah laku negatif yang boleh membawa kepada ketidakfungsian sosial dalam kehidupan dan masa hadapan remaja. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk meneroka faktor sebenar yang mempengaruhi remaja untuk terlibat dalam tingkah laku ponteng sekolah.

SOROTAN LITERATUR

Masalah ponteng sekolah bukan saja memberi kesan terhadap keciciran dalam pelajaran malah lebih teruk lagi apabila pelajar yang ponteng sekolah turut terlibat dalam gejala negatif seperti penyalahgunaan dadah, vandalisme, gangsterisme, meminum minuman keras, seks bebas, perjudian dan melepak (Nosiah, 2014). Implikasi besar yang wujud akibat daripada masalah ponteng sekolah ini telah menyebabkan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melaporkan ia sebagai salah laku disiplin paling serius. Rekod KPM pada tahun 2009 menunjukkan 21,060 pelajar (0.39 peratus) dikesan terlibat dalam tingkah laku ponteng sekolah, manakala 24,840 pelajar (0.46 peratus) pada tahun 2008. Malah KPM turut mendedahkan bahawa kira-kira 76,300 atau 1.09 peratus daripada tujuh juta pelajar di negara ini terbabit dalam pelbagai masalah disiplin. Mengikut Mook (2009), terdapat 10 salah laku yang berlaku di sekolah dan kekerapan tertinggi mengikut urutan adalah ponteng sekolah, mengancam pelajar sekolah, mencuri, berkasar dengan pelajar sekolah, berbahasa kesat, lewat datang ke sekolah atau masuk kelas lewat, membuat bising dan mengganggu pengajaran, merosakkan harta benda sekolah, ponteng aktiviti kokurikulum dan ponteng kelas.

Hasil kajian terdahulu membincangkan terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kepada berlakunya masalah tingkah laku ponteng sekolah dalam kalangan remaja. Merujuk kajian Ting Len dan Muhamad Sidek (2007), masalah ponteng sering dikaitkan dengan faktor ibu bapa, pengajaran guru, interaksi guru dan pelajar yang kurang rapat, bilik darjah yang tidak kondusif, pengaruh negatif dari persekitaran serta komposisi pelajar yang terlalu ramai dalam kelas.

Selain itu, kajian oleh Ainonmadiyah *et al.* (2016) menunjukkan gaya pengajaran guru di dalam kelas merupakan komponen penting yang memastikan wujudnya minat untuk belajar dalam kalangan pelajar. Ada kajian yang membuktikan bahawa permasalahan akhlak seperti masalah ponteng sekolah yang wujud dalam kalangan pelajar dikaitkan dengan keberkesanan pengajaran guru di sekolah. Oleh itu, guru perlu mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang boleh menarik minat pelajar

untuk mengikuti aktiviti pembelajaran yang berlangsung. Hal ini kerana, suasana dan teknik pengajaran juga mempengaruhi minat pelajar untuk hadir ke sekolah.

Selain itu juga, persekitaran sekolah yang berubah secara mendadak akibat dari proses pembedaan seperti pembinaan pusat membeli belah dan pusat hiburan yang hampir dengan sekolah akan menjadi faktor penarik kepada masalah ponteng sekolah. Manakala faktor persekitaran dalam sekolah seperti gaya kepimpinan pengetua, pendekatan guru dan persekitaran sekolah yang tidak kondusif turut menjadi faktor penggalak kepada masalah ponteng dalam kalangan pelajar (Tan, 2006). Oleh itu, suasana sekolah yang positif dari segi kemudahan sekolah, pengajaran guru, kedudukan sekolah dari aspek pengangkutan pelajar dan pelaksanaan disiplin yang efektif menjamin pembelajaran yang berkesan dan mengurangkan masalah salah laku ponteng sekolah dalam kalangan pelajar (Husein & Kamaruddin, 1993).

Walau bagaimanapun, kajian oleh Norsiah (2014) turut melihat faktor-faktor lain yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah seperti sikap pelajar, rakan sebaya, keluarga, suasana sekolah, guru, persekitaran serta kemahiran pengurusan disiplin pelajar. Menurut Muhammed Sharif Mustaffa *et. al.* (2012) punca utama berlakunya masalah ponteng sekolah dalam kalangan pelajar adalah faktor rakan sebaya kemudian diikuti oleh punca lain seperti faktor hubungan keluarga, faktor diri, faktor sikap guru dan faktor prasarana sekolah.

Manakala kajian oleh Zhang, Katsiyannis, Barrett dan Wilson (2007) menyatakan faktor ponteng sekolah dibahagikan kepada empat major kategori iaitu faktor keluarga, faktor sekolah, pengaruh ekonomi dan faktor pelajar itu sendiri. Begitu juga dengan kajian oleh Abdullah, Salim dan Arip (2018) ke atas 200 orang pelajar sekolah menengah di Felda Pahang mendapati faktor utama yang mempengaruhi pelajar terlibat dalam tingkah laku ponteng sekolah adalah pengaruh rakan sebaya diikuti faktor sosio-ekonomi keluarga, faktor guru dan faktor diri pelajar itu sendiri.

Oleh itu, berdasarkan kajian terdahulu faktor yang mempengaruhi tingkah laku ponteng sekolah dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bagi meneroka faktor sebenar remaja terlibat dalam tingkah laku ponteng sekolah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kajian kualitatif yang menggunakan kajian kes sebagai reka bentuk kajian. Menurut Siti Uzairiah (2017), penyelidikan kualitatif adalah cenderung untuk menghasilkan data yang

kaya dengan informasi tetapi kompleks kerana ia perlu ditafsir menurut pemahaman dari teori (kajian literatur) yang dibuat oleh penyelidik pada awal kajian. Ia memberi penumpuan kepada pemahaman dan penerangan yang jelas serta mendalam ke atas sesuatu isu yang dikaji dan bukan berdasarkan ukuran atau pengiraan. Manakala menurut Norizan (2016), reka bentuk kajian kes melibatkan pengumpulan maklumat secara sistematik serta mendalam tentang tingkah laku individu (dalam kajian ini merujuk kepada pelajar ponteng sekolah), peristiwa khusus atau keadaan sosial untuk mengetahui bagaimana tingkah laku atau perubahan sosial berlaku.

Pemilihan informan adalah berdasarkan persampelan bertujuan dan teknik pengumpulan data yang digunakan adalah temu bual mendalam secara bersemuka dengan tujuh pelajar yang terlibat dengan masalah ponteng sekolah. Responden dipilih secara bertujuan berdasarkan kriteria inklusif seperti mana yang telah ditetapkan oleh pengkaji iaitu pelajar berusia 13 hingga 17 tahun, pernah melakukan ponteng sekolah melebihi lima kali, bukan pelajar OKU, pelajar dari sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Limbang Sarawak sahaja dan pelajar merupakan warganegara Malaysia. Dalam proses pengumpulan data, penyelidik telah menggunakan panduan soalan semi struktur. Antara soalan yang dikemukakan mejurus kepada persoalan kajian iaitu apakah faktor-faktor yang mempengaruhi tingkahlaku ponteng sekolah dalam kalangan remaja. Pengkaji turut merujuk kepada sorotan literatur dalam membina soalan terbuka dan soalan tambahan (prompt question). Walau bagaimanapun kesemua soalan yang dibina adalah sebagai panduan soalan sahaja kepada pengkaji. Sebaliknya ketika temu bual dijalankan, pengkaji turut mengemukakan soalan-soalan spontan yang terbit dari jawapan yang diberikan oleh informan bagi mendapatkan data yang kaya dan mendalam.

Di awal proses pengumpulan data penyelidik telah menetapkan bilangan sampel adalah antara lima hingga 10 orang informan, namun setelah menemui bual informan ke enam, penyelidik telah berpuas hati dengan maklumat yang diperoleh kerana ia telah meliputi semua dimensi yang dikehendaki. Oleh itu, penyelidik seterusnya melakukan temu bual ke tujuh bagi mengesahkan tiada penemuan atau tema baru terhasil daripada temu bual yang dijalankan. Bilangan sampel kajian dianggap telah mencapai tahap ketepuan data dan diyakini telah mencukupi dari segi maklumat yang diperoleh dengan jumlah sampel sebanyak tujuh orang pelajar yang terlibat dengan masalah ponteng sekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Daerah Limbang, Sarawak.

Data yang diperoleh seterusnya dianalisis menggunakan analisis tema seperti mana yang disarankan oleh Braun dan Clarke (2006) di mana ia meliputi lima proses utama yang dilakukan oleh pengkaji iaitu pertama

membiasakan diri dengan data di mana pengkaji membaca kesemua data untuk mendapatkan kefahaman yang menyeluruh terhadap maklumat yang diperolehi daripada temu bual yang dijalankan. Keduanya menghasilkan kod awal di mana kod ini dikenalpasti dengan meliaht kepada kata kunci, frasa serta ayat yang secara langsung menunjukkan idea, pandangan dan konsep yang menjawab kepada soalan kajian. Ketiganya mencari tema di mana, proses mengurus data bermula dengan kod yang hampir sama membentuk satu tema dan seterusnya diletakkan bersama dalam satu jadual. Tema awal mula terbentuk berdasarkan kesamaan kod-kod yang telah dikenalpasti. Langkah keempat mengkaji tema di mana pengkaji perlu memastikan ia mencerminkan konsep idea bagi setiap tema. Pada peringkat ini sebahagian tema dihapuskan, diasingkan, ditakrifkan semula atau dinamakan dengan lebih tepat. Akhir sekali pengkaji mentakrif dan menamakan semula tema. Rumusan metodologi kajian yang digunakan adalah seperti rajah 1.0 berikut:

Jadual 1.0 : Rumusan Metodologi Kajian

Kaedah Kajian	Kajian Kualitatif
Kaedah kajian	Kajian Kualitatif
Reka bentuk kajian	Kajian kes
Persampelan kajian	Persampelan bertujuan
Bilangan responden	Tujuh orang informan
Teknik pengumpulan data	Temu bual mendalam bersemuka
Instrumen kajian	Panduan soalan (semi struktur)
Analisis kajian	Analisis tema

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Demografi Informan

Kajian ini melibatkan tujuh orang pelajar yang terlibat dengan masalah ponteng sekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Daerah Limbang, Sarawak. Terdapat lima orang informan lelaki dan dua orang informan perempuan mengambil bahagian secara sukarela dalam kajian ini. Seorang informan berusia 16 tahun dan berada di tingkatan empat. Manakala tiga orang informan berumur 14 tahun dan berada di tingkatan dua dan tiga lagi informan berumur 17 tahun dan akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kesemua informan berasal dari Limbang Sarawak di mana majoritinya tinggal di Kampung Pahlawan dan seorang informan masing-masing tinggal di Kampung Pabahanan dan Kampung Aru Sandar. Demografi informan diringkaskan seperti dalam jadual 2.0 berikut.

Jadual 2.0 : Jadual Demografi Informan

Informan	Jantina	Umur	Tingkatan	Tempat tinggal
1	Perempuan	16 tahun	4	Kampung Pahlawan, Limbang
2	Lelaki	14 tahun	2	Kampung Pahlawan, Limbang
3	Lelaki	14 tahun	2	Kampung Pahlawan, Limbang
4	Lelaki	14 tahun	2	Kampung Pahlawan, Limbang
5	Lelaki	17 tahun	5	Kampung Pabahanan, Limbang
6	Lelaki	17 tahun	5	Kampung Aru Sundar, Limbang
7	Perempuan	17 tahun	5	Kampung Pahlawan, Limbang

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan mendapati terdapat enam faktor yang dikenalpasti telah mempengaruhi tingkah laku ponteng sekolah dalam kalangan remaja iaitu sikap malas dan tiada minat untuk belajar, terbeban dengan tugas sekolah dan isu peribadi yang dialami oleh remaja itu sendiri. Seterusnya pengaruh rakan sebaya, konflik keluarga dan gaya pengajaran guru dalam kelas juga didapati telah mempengaruhi remaja untuk terlibat dalam tingkah laku ponteng sekolah. Ia dibincangkan secara terperinci seperti berikut:

a) Sikap Malas dan Tiada Minat Untuk Belajar

Hasil temu bual yang dijalankan mendapati, kebanyakan informan yang terlibat dengan tingkah laku ponteng sekolah adalah disebabkan oleh sikap malas dan tidak berminat dengan sesetengah matapelajaran yang diajar di sekolah. Apabila wujud tidak minat untuk belajar, informan cenderung mengambil keputusan untuk ponteng sekolah dan mengelakkan diri daripada mengikuti pembelajaran di kelas. Berikut merupakan antara kenyataan yang diberikan oleh informan berhubung perkara ini.

“.. ponteng sebab macam malas bangun sekolah dan nda mau bangun. Memangnye aku ni memang malas pergi sekolah”

(Informan 2)

“Ponteng sebab nda minat belajar. Tapi ada rasa malas jua.”

(Informan 3)

“Ada subjek yang minat, ada jua subjek yang nda minat. Subjek yang nda minat tu.. ponteng la..”

(Informan 5)

Hasil kajian ini selari dengan kajian oleh Arasaythamby Vello *et al* (2014) yang menyatakan faktor utama yang menyebabkan pelajar ponteng sekolah adalah kerana faktor diri sendiri. Begitu juga Malcolm *et al.* (2003) yang menjelaskan faktor ponteng sekolah dalam kalangan pelajar adalah disebabkan oleh sikap malas pelajar itu sendiri. Di tambah pula apabila pelajar tidak berminat dalam mata pelajaran tertentu dan guru pula tidak berusaha menarik minat pelajar hingga menyebabkan pelajar hilangan minat untuk belajar dan ponteng sekolah (Azizi *et. al*, 2012).

b) Terbeban dengan tugas sekolah

Terdapat informan yang menyatakan disebabkan tidak dapat menyiapkan tugas sekolah yang diberikan oleh guru menyebabkan informan mengambil keputusan untuk ponteng sekolah. Apabila gagal melaksanakan tanggungjawab tersebut, mereka beranggapan bahawa guru akan mengenakan hukuman kepada mereka. Disebabkan bimbang perkara tersebut berlaku, kebanyakan informan mengakui membuat keputusan untuk ponteng sekolah yang sebenarnya boleh mengundang kepada masalah yang lebih buruk. Berikut merupakan antara petikan temu bual informan berhubung perkara ini.

“Aku nda siap kerja rumah jadi aku ponteng la sebab aku takut kana marah dengan cigu.”

(Informan 3)

“Aku ponteng terutama kalau kerja rumah nda siap..”

(Informan 5)

Tindakan informan untuk lari dari tanggungjawab tersebut di lihat sebagai daya tindak maladaptif yang sebenarnya tidak membantu remaja dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi. Dalam kajian ini, ponteng sekolah bukan tindakan untuk mengelak dari bebanan tugas yang diberikan oleh guru. Menurut Zainal dan Sharani (2006), remaja terdorong melakukan tingkah laku anti sosial akibat daripada kebimbangan yang dipengaruhi oleh faktor psikologikal. Disebabkan takut menerima hukuman akibat daripada tidak melaksanakan tanggungjawab yang diberikan informan memilih untuk ponteng sekolah sebagai satu-satunya jalan yang dipilih (strategi daya tindak maladaptif) tanpa meletakkan usaha sebagai pelajar yang bertanggungjawab.

c) Isu peribadi

Terdapat juga informan yang mengakui terlibat dalam tingkah laku ponteng sekolah disebabkan rasa tertekan untuk ke sekolah kerana mempunyai masalah peribadi dengan rakan sekelasnya. Hal ini telah mendorong informan untuk ponteng sekolah. Berikut merupakan kenyataan yang

diberikan oleh informan berkaitan isu ini.

“Kebanyakannya urang dalam kelas ramai yang nda suka dan banci macam kalau ku buat yang atu salah, buat yang ani salah jua. Ada jualah pelajar lain yang nda puas hati dengan aku. Tu sebab aku slalu ponteng sekolah. Nda suka!”

(Informan 1)

Masalah peribadi yang dihadapi telah memberi tekanan kepada informan sehingga mendorong mereka untuk terlibat dalam tingkah laku ponteng sekolah. Menurut Suzana (2002) tekanan emosi yang dialami oleh remaja adalah disebabkan oleh selain daripada perubahan aspek fisiologi dan psikologi yang dialami, ia turut dikaitkan dengan harapan dan tanggungjawab yang dipikul oleh mereka. Sekiranya remaja tidak dapat memenuhi jangkaan dan harapan yang diletakkan kepada diri mereka, ia akan menyebabkan remaja berasa kecewa dan tertekan. Dalam keadaan tertekan remaja akan melakukan apa jua tindakan untuk lari daripada situasi tekanan yang dialami hingga mengambil keputusan untuk ponteng sekolah. Ini selari dengan Azizi dan Rosnah (2007) yang menyatakan remaja yang berada dalam keadaan tertekan akan melakukan tindakan diluar kawalan untuk menunjukkan rasa tidak berpuas hati terhadap sesuatu perkara. Malah Arieff dan Wardah (2006) menyatakan tingkah laku remaja sering digambarkan sebagai perlakuan emosi, kesan dari tekanan yang dialami. Manakala Wilkins (2008) menyatakan pelajar yang bersekolah di sekolah yang bersaiz besar akan merasa terpinggir dan akhirnya memilih untuk tidak hadir ke sekolah. Pelajar ini berasa kurang selesa, rasa tidak diperlukan dan merasa tidak selamat kerana mempunyai masalah perhubungan dan kurang percaya kepada rakan-rakan di sekolah.

d) Pengaruh Rakan Sebaya

Hasil temu bual yang dijalankan juga mendapati kebanyakan informan menyatakan rakan sebaya sebagai salah satu faktor yang menyebabkan mereka terlibat dengan tingkah laku ponteng sekolah. Pengaruh rakan sebaya adalah merupakan salah satu faktor yang dominan untuk mempengaruhi individu lain khususnya dalam kalangan remaja. Kebanyakan informan terpengaruh dengan ajakkan rakan-rakan mereka untuk terlibat dalam tingkah laku ponteng sekolah. Selain itu, pada usia remaja, mereka dikatakan lebih terpengaruh untuk mencuba sesuatu yang baru dan gemar mencabar kelaziman. Oleh hal demikian, rakan sebaya merupakan salah satu pengaruh yang paling utama dalam kehidupan remaja. Berikut merupakan kenyataan yang diberikan oleh informan berhubung perkara tersebut.

“Aku ponteng ni ada jua lah pengaruh rakan-rakan. Kawan ajak.. aku ikut lah. Dulu takut nak ponteng sekolah tapi sekarang sudah berani sebab dah

banyak kali ponteng ikut kawan.”

(Informan 1)

“Awu, macam masa kokurikulum kami ponteng di surau tido. ... kalau kawan ajak ponteng, ponteng lah. Kalau ponteng sorang-sorang aku tak berani.”

(Informan 2)

Rakan sebaya merupakan faktor yang mempengaruhi informan untuk terlibat dengan tingkah laku ponteng sekolah. Dapatan kajian ini selari dengan Muhammed Sharif *et. al.* (2012) yang menyatakan punca utama berlakunya ponteng dalam kalangan pelajar ialah faktor rakan sebaya kemudian diikuti oleh faktor lain seperti faktor hubungan keluarga, faktor diri, faktor sikap guru dan faktor prasarana sekolah. Dalam Teori Pembelajaran Sosial yang diperkenalkan oleh Albert Bandura menyatakan bahawa sifat agresif bukanlah sifat semula jadi. Namun, ia adalah sifat kelakuan yang telah dipelajari oleh seseorang individu. Dalam peringkat umur remaja yang bergelar pelajar, mereka akan mudah terpengaruh dengan segala tingkah laku orang yang ada disekeliling seperti rakan sebaya. Menurut Azizi *et. al.* (2012), ternyata rakan adalah individu yang paling rapat bagi remaja berbanding ibu bapa dan keluarga mereka sendiri. Tingkah laku agresif ini kebiasaannya berlaku adalah berdasarkan kepada pengalaman dan pemerhatian tentang apa yang berlaku di persekitaran remaja.

e) Konflik Keluarga

Terdapat juga informan yang mengakui konflik keluarga sebagai faktor yang menyebabkan mereka terlibat dalam masalah ponteng sekolah. Hal ini kerana, apabila mereka berhadapan dengan konflik keluarga yang menekankan ia turut mempengaruhi fikiran remaja hingga menyebabkan mereka hilang rasa minat untuk datang ke sekolah kerana apabila berhadapan dengan masalah keluarga, ini boleh menyebabkan fikiran mereka terganggu dan tidak boleh fokus terhadap pembelajaran di sekolah. Oleh itu, informan mengambil keputusan untuk ponteng sekolah. Berikut merupakan kenyataan yang diberikan oleh informan.

“Awu, keluarga jualah yang menyebabkan aku ponteng sekolah sebab aku ada masalah keluarga jua. Nda boleh fokus masa belajar.. stress..”

(Informan 1)

“Ada, kadang-kadang keluarga jualah yang mendorong aku untuk ponteng sekolah kerana ada masalah keluarga. Sakit kepala.. pergi sekolah nda ada manfaat bagi aku.. nda boleh belajar jua.. aku ponteng lah.”

(Informan 3)

Merujuk Calhoun *et. al.* (1993) pelajar-pelajar daripada keluarga

yang bermasalah berpotensi untuk memiliki ciri-ciri tingkah laku yang negatif dan lebih mudah terjebak dalam tingkah laku delinkuen. Hal ini mendorong kepada munculnya personaliti pelajar yang *negative* dan terlibat dengan tingkah laku ponteng sekolah. Oleh demikian, akibat daripada permasalahan keluarga, pelajar mudah terlibat dengan masalah disiplin dan ponteng sekolah. Ini selari dengan kenyataan Hamidah *et. al* (2006) yang menyatakan anak remaja dari keluarga yang bermasalah sering mengalami masalah tingkah laku dan emosi akibat daripada kurangnya pengawasan sehingga mereka bebas melakukan apa sahaja seperti terlibat dalam masalah ponteng sekolah.

f) Gaya Pengajaran Guru Dalam Kelas

Selain itu, gaya pengajaran guru dalam kelas turut mempengaruhi remaja membuat keputusan untuk ponteng sekolah. Hal ini kerana, apabila guru menggunakan kaedah pengajaran yang kreatif, ini boleh menimbulkan perasaan seronok dalam diri pelajar untuk datang ke sekolah. Jika sebaliknya ia menyebabkan remaja mengambil keputusan untuk tidak mengikut sesi pembelajaran tersebut. Berikut merupakan kenyataan yang diberikan oleh informan berhubung perkara ini.

“... kadang-kadang ikut mood, bila aku rasakan nak belajar, aku belajar. Kalau ku rasa haritu aku nda mau belajar, nda ku belajar. Tengok cara cigu ajar lah. Yang kreatif tu ok lah, kalau bosan cigu tu ajar aku nda masuk kelasnya.”

(Informan 4)

“Macam kalau mengajar boring dan nda faham, mengantuk aku tido. Tido saja dalam kelas dan nda mau mendengar cigu bercakap mengajar. Cara cigu boring.. nda best.. tu aku nda masuk kelas kadang-kadang tu. Lari, ponteng kelas..cigu boring.”

(Informan 7)

Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Zahari dan Low Suet (2013) yang mendapati karektor guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran mempengaruhi kehadiran pelajar ke sekolah. Malah kajian dari Azizi *et. al* (2011) turut mendapati guru adalah faktor yang paling mempengaruhi tingkah laku ponteng. Pengajaran guru yang tidak menarik akan menyebabkan pelajar tidak berminat terhadap sesuatu mata pelajaran. Sekiranya guru tidak berusaha menarik minat pelajar, akan menyebabkan pelajar hilang semangat untuk belajar lalu terlibat dalam masalah ponteng sekolah.

Teori Peneguhan menurut Skinner (1979) mengandaikan tingkah laku terbentuk adalah berdasarkan kepada peneguhan yang diberikan. Teori ini selari dengan kenyataan yang telah dibincangkan iaitu gaya pengajaran

dalam kelas mestilah menarik perhatian pelajar. Guru hendaklah sentiasa menggalakan pelajar untuk minat belajar seperti sentiasa memberikan ganjaran ataupun pujian kepada pelajar. Kaedah ini merupakan salah satu cara untuk menarik minat pelajar.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kesimpulan daripada hasil kajian yang dijalankan, terdapat enam faktor yang mempengaruhi penglibatan remaja dalam tingkah laku ponteng sekolah iaitu sikap malas dan tiada minat untuk belajar, terbeban dengan tugas sekolah dan isu peribadi yang dialami oleh remaja itu sendiri. Selain itu, pengaruh rakan sebaya, konflik keluarga dan gaya pengajaran guru dalam kelas turut didapati mempengaruhi penglibatan remaja dalam tingkah laku ponteng sekolah. Oleh itu, program khusus perlu dilaksanakan melibatkan kerjasama dengan ibu bapa atau penjaga melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), pemantapan sahsiah pelajar, pemantapan gaya pengajaran guru di sekolah serta jenis dendaan dan cara teguran yang diberikan kepada pelajar.

Program bersama ibu bapa atau penjaga merupakan langkah terbaik dalam menangani masalah disiplin terutamanya ponteng sekolah. Ini kerana pengurusan tingkah laku pelajar di sekolah bukan sahaja bergantung kepada peranan guru semata-mata sebaliknya memerlukan penglibatan ibu bapa dan penjaga. Sekiranya, guru mendapat sokongan daripada penglibatan ibu bapa dan penjaga, maka ia memudahkan guru dan pihak sekolah dalam menguruskan dan mendisiplinkan tingkah laku pelajar sama ada di rumah mahupun di sekolah. Di samping itu, ibu bapa dan penjaga perlu menjadi model tingkah laku yang baik di hadapan anak-anak mereka kerana setiap tingkah laku yang ditunjukkan oleh ibu bapa boleh menjadi contoh dan ikutan kepada anak-anak. Apa juga permasalahan dan konflik keluarga yang berlaku di rumah perlu diselesaikan dengan cara yang terbaik agar ia tidak memberi kesan buruk kepada sahsiah mahupun akademik anak-anak disekolah. Kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sangat diperlukan dalam membantu mengurangkan masalah disiplin pelajar di sekolah. Hasil perbincangan antara guru dan ibu bapa boleh dimanfaatkan untuk kebaikan pelajar agar tidak mudah terjebak dengan salah laku yang melanggar peraturan sekolah. Oleh hal demikian, dengan adanya kerjasama daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dalam merangka program pencegahan dan pembenterasan masalah ponteng maka ia boleh membantu pihak sekolah untuk mengatasi setiap masalah dan cabaran yang dihadapi.

Cadangan langkah seterusnya melibatkan program pemantapan sahsiah pelajar. Ini kerana sahsiah yang baik boleh membentuk peribadi seseorang individu. Jika dilihat kebanyakan sekolah menjurus kepada

penumpuan dalam kecemerlangan akademik namun kurang ke arah kecemerlangan sahsiah diri. Ini dapat dilihat apabila berlaku peningkatan masalah disiplin yang ketara di sekolah. Oleh itu, perlunya satu program khusus kepada pelajar yang mengalami masalah disiplin termasuk masalah ponteng sekolah. Program tersebut perlu memfokuskan kepada pembentukan sahsiah dan peribadi pelajar yang melibatkan pembangunan emosi, mental dan sosial pelajar agar mereka sedar akan tanggungjawab dan peranan diri mereka sebagai seorang individu yang perlu memberi manfaat kepada diri sendiri, ibu bapa, rakan dan orang disekeliling mereka.

Seterusnya, gaya pengajaran guru di dalam kelas perlu dipertingkatkan selaras dengan keperluan dan cabaran semasa. Bentuk pengajaran yang kreatif, berteknologi dan menarik perlu bagi mengelakkan pelajar mudah berasa bosan dengan teknik pengajaran yang bersifat konvensional. Guru perlu melengkapkan diri dengan teknik pengajaran yang relevan dengan perkembangan semasa. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia perlu menyediakan platform dan kursus-kursus yang dapat meningkatkan kemahiran para guru dalam meningkatkan teknik pengajaran bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat berlangsung dengan lebih kondusif dan ini dijangka dapat mengurangkan masalah ponteng sekolah yang berpunca daripada gaya pengajaran guru yang membosankan.

Walau bagaimanapun, mendidik seseorang pelajar tidak perlu dalam bentuk kekerasan. Hukuman yang diberikan kepada pelajar yang terlibat dalam masalah ponteng sekolah perlu bertujuan untuk memberi kesedaran dan didikan selain peringatan kepada pelajar agar tidak mengulangi tingkah laku tersebut. Berdasarkan hukuman sedia ada yang dipraktikkan di kebanyakan sekolah ternyata hukuman berbentuk kekerasan dilihat tidak berkesan. Dalam Teori Peneguhan oleh Skinner (1979) menekankan berkaitan dengan tingkah laku individu terbentuk melalui proses peneguhan ataupun hukuman. Sekiranya pelajar mendengar nasihat yang telah diberikan oleh guru dan bertingkah laku baik maka ini menunjukkan bahawa pelajar menunjukkan perubahan yang positif. Namun, sekiranya pelajar mengulangi kesalahan yang sama setelah diberikan nasihat, maka pelajar perlu diberikan hukuman. Namun, hukuman yang diberikan tidak boleh memberi kesan buruk yang berlebihan kepada pelajar tersebut. Malah hukuman yang dikenakan perlu bertujuan untuk peringatan kepada pelajar tersebut agar sentiasa bertingkah laku baik demi masa depan pelajar itu sendiri.

Cara teguran kepada pelajar yang terlibat dengan masalah disiplin khususnya ponteng sekolah perlu dilihat semula oleh para guru dan pihak sekolah. Tujuan menegur adalah untuk kebaikan pelajar. Oleh itu, teguran yang diberikan perlu disampaikan dengan cara yang boleh

diterima oleh pelajar khususnya melibatkan golongan remaja. Ini kerana sebagai pelajar mereka juga adalah individu yang memiliki harga diri dan penghormatan diri. Pelajar pasti akan menerima setiap teguran yang diberikan, sekiranya guru menegur dengan cara yang betul dan bukan di kawasan terbuka. Ini adalah jauh lebih baik dari terus menghukum dan menegur secara terbuka sehingga menimbulkan rasa benci dan dendam pelajar kepada guru mereka. Oleh yang demikian, kajian ini diharap akan dapat membantu dan memberi manfaat kepada sekolah, ibu bapa dan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengatasi masalah ponteng sekolah dalam kalangan remaja demi mencapai kesejahteraan masa depan negara. Ini kerana peningkatan jumlah pelajar yang ponteng secara berterusan boleh menimbulkan pelbagai implikasi kepada diri pelajar, institusi keluarga, sekolah, masyarakat dan negara.

RUJUKAN

- Abdullah, M.A., Salim, S.S.S. & Arip, M.A.S.M. (2018). Factors that influenced the problem of truancy among secondary school students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(3), 343-353.
- Ainonminah, M. N., Awanis, M., Norhana, M. S., Juliana, B. & Siti Noor, I. (2016). Hubungan antara gaya pengajaran guru dengan tahap ponteng sekolah menengah di Daerah Bachok, Kelantan. *Prosiding International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia. <http://dx.doi.org/10.21070/piccecrs.v1i1.503>
- Arieff Salleh, R. & Wardah, M. (2006). *Membentuk Jati Diri Remaja*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Arsaythamby, V. & Ng, C. K. (2014). Jenis Amaran dan Faktor Ponteng Sekolah dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Sabah. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 29, 125–139
- Azizi, Y.B., Noordin, Y., Sharifuddin, I., & Talib, B. A. (2011). *The relationship between learning styles and teaching methodology with the achievement of civil engineering studies at secondary technical school in Negeri Sembilan*. *Elixir Psychology*, 41, 5900-5906.
- Azizi, Y. & Rosnah, B. (2007). *Punca Berlakunya Masalah Gejala Gengsterisme Di Kalangan Remaja Di Beberapa Buah Sekolah Menengah Di Empat Buah Negeri*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Pendidikan.
- Azizi, Y., Shahrin, H., Yusof, B., Jamaludin, R. & Nurul Ezzati, A.

- (2012). *Penyelewengan Tingkah Laku Remaja Punca dan Rawatan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). *Using thematic analysis in psychology*. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2),77-101. doi:10.1191/1478088706qp063oa
- Calhoun, G., Jurgens, J. & Chen, F. (1993). *Juvenile Delinquency: Trends, Problems and Causes*. Seminar Delinkuensi Juvana. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Hamidah, A. R., Sabariah, D., Mohd Taib, D., Ajmain, S., Hamdan, A. K. & Puteri Khairul Bariah, M. M. (2006). *Faktor Penyumbang Kepada Masalah Keluarga Dan Penceraian: Kajian Kes Di Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia.
- Husein, M. & Kamaruddin, A.R. (2001). Beberapa Pandangan Dan Dapatan Berkaitan Dengan Disiplin Di Sekolah. *Jurnal Kementerian Pelajaran Malaysia Jilid xxvii* Keluaran 65.
- Jantan, R. & Razali, M. (2004). *Psikologi Pendidikan Pendekatan Kotemporari*. Malaysia: Mc Graw Hill Sdn Bhd.
- Malcolm, H., Wilson, V., Davidson, J., & Kirk, S. (2003). *Absence from School: A Study of its Causes and Effects in Seven LEAs*. Research Report. Nottingham: Department for Education and Skills.
- Makhsin, M. & Ilias, M. F. (2004). *Social Problem Nowadays Delinquent Youth*. Thinking of July-September, 117-152.
- Mook, S. S. (2009). *Teks Komprehensif PTK, Pengajaran & Pembelajaran (P&P)*. Multimedia Sdn.Bhd.
- Muhammed Sharif, M. & Suria, A. J. (2012). Mengenal Pasti Punca-punca Ponteng Di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah : Satu Kajian Kes. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 6, 50-73
- Noor Mohamad Shakil, H. (2017). *Tangani Masalah Disiplin Secara Bersepadu*. Utusan Online.
- Norizan, Y. (2016). Pengurusan elemen psikologikal sebagai persediaan menghadapi bencana: Satu kajian kualitatif terhadap mangsa banjir di Kelantan. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30 (2), 74-81. URL: <http://spaj.ukm.my/ppppm/jpm/issue/view/26>

- Nosiah, A. W. (2014). *Faktor-faktor yang mempengaruhi masalah ponteng di Sekolah Menengah Daerah Segamat*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Pendidikan.
- Nurzaimah, A., Ezarina, Z. & Haris, A. W. (2013). Intervensi Kerja Sosial Dalam Menangani Masalah Sosial Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(1): 42-50.
- Nurul Huda, H. (2017). *Pelajar Ponteng Sekolah Ditahan*. Berita Harian.
- Rohayati, D. (2004). *Persepsi ibu bapa terhadap faktor-faktor keruntuhan akhlak remaja Islam masa kini: Satu tinjauan di Taman Aman Anak Bukit, Alor Setar, Kedah*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Ropiah Mohamed. (2004). *Faktor-Faktor Persekolahan Yang Mempengaruhi Masalah Ponteng Di Kalangan Pelajar; Satu Kajian Kes Terhadap Pelajar Tingkatan Empat Di Salah Sebuah Sekolah Di Daerah Muar, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Pendidikan.
- Siti Uzairiah, M. T. (2017). *Kajian Kualitatif dan Analisis Temu bual*. Kuala Lumpur, Malaysia: Aras Publisher.
- Suzana, J. L. (2002). *Psikologi Kanak-Kanak Dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tan, K. N. (2006). *Pengaruh Persekitaran Sekolah Terhadap Masalah Disiplin Pelajar dan Kaedah Pengurusan Disiplin*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Wilkins, J. (2008). School Characteristics That Influence Student Attendance: Experiences of Students in a School Avoidance Program. *The High School Journal*, 91, 12-24.
- Ting Len, S. & Muhamad Sidek, S. (2007). *Ingin Menjadi Guru*. Seri Kembangan: Ilmu Media Trade.
- Zahari, I. & Low Suet, F. (2013). Truant and Teachers' Behaviors in the Classroom, *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 103, 1223-1237.
- Zainal, M. & Mohd. Sharani, A. (2004). *Panduan Mengurus Remaja Moden*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Zhang, D., Katsiyannis, A., & Barrett, D., Wilson, V. (2007). *Truancy Offenders in the Juvenile Justice System*. Remedial and Special Education, 28, 244-256.

Profil Penulis:

Noremy Md Akhir, PhD

*Pusat Kesejahteraan Manusia dan Masyarakat
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
noremy@ukm.edu.my*

Nur Syafawani MatDeris

*Pusat Kesejahteraan Manusia dan Masyarakat
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
nursyafawaniederis@gmail.com*

Mohammad Rahim Kamaluddin, PhD

*Pusat Kesejahteraan Manusia dan Masyarakat
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
rahimk@ukm.edu.my*

FAKTOR-FAKTOR PENAGIHAN SEMULA DALAM KALANGAN BELIA

NURHAZLINA MOHD ARIFFIN, NORRUZEYATI CHE MOHD
NASIR & MOHAMMAD RAHIM KAMALUDDIN

ABSTRAK

Fenomena penagihan semula dadah dalam kalangan belia bukan merupakan satu isu yang baru di negara kita, Malaysia. Ianya terbukti apabila statistik penagihan dadah di Malaysia yang dikeluarkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan Malaysia (AADK) sehingga 2018 menunjukkan peratusan penagih dadah terutamanya penagih berulang adalah paling ramai terdiri daripada golongan belia. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor berlakunya penagihan semula dadah. Kajian ini juga cuba menentukan faktor utama penyebab kepada penagihan semula dan seterusnya membantu mencadangkan saranan kepada pihak pusat pemulihan di dalam membentuk pelan tindakan sosial yang bersesuaian dan berkesan ke arah menurunkan kadar residivisme pengguna dadah ke pusat pemulihan. Kajian yang dijalankan di Pusat Serenti Bukit Mertajam, Pulau Pinang (PSBM) telah melibatkan seramai lapan (8) orang responden yang telah dipilih secara sukarela serta memenuhi ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Data dikumpulkan menerusi temubual mendalam secara separa berstruktur, perbincangan kumpulan fokus dan penggunaan maklumat sekunder daripada laporan tahunan, laporan sosial responden, statistik dari pusat pemulihan dan lain-lain sumber berkaitan. Data telah dianalisa menggunakan analisa kandungan iaitu penemuan mengikut tema-tema tertentu. Hasil kajian mendapati penagihan semula berlaku disebabkan oleh aspek psikososial iaitu faktor dalaman seperti tahap self-efficacy yang rendah, perubahan emosi negatif dan pembentukan persepsi yang salah tentang penggunaan dadah yang dianggap sebagai satu-satunya jalan terbaik untuk menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi. Di samping itu, pengaruh faktor luaran seperti sistem kekeluargaan, pengaruh rakan-rakan, ketiadaan sokongan masyarakat, kesukaran mendapatkan pekerjaan akibat stigma sebagai bekas penagih dadah dan ketidakberkesanan pusat pemulihan yang terdahulu turut menyumbang kepada berlakunya residivisme pengguna dadah ke pusat pemulihan. Pengaruh rakan-rakan telah dikenalpasti sebagai faktor utama yang menyebabkan berlakunya isu pengulangan ini.

Kata Kunci : *dadah, penagihan, penagihan semula, self efficacy, rakan sebaya*

ABSTRACT

Relapse phenomenon among drug users is not a new issue in Malaysia. Current evidence from the drugs addiction statistics recorded by the National Anti Drugs Agency (AADK, 2018), states that relapse among drug users has shown an increase in numbers as compared with new cases. Drug relapse refers to the number of times (at least once) a drug user re-enters rehabilitation centres in getting treatment.

The main purpose of this study is, therefore to recognise factors on recidivism into rehabilitation centres among drug users. These factors were important in order to provide suggestions to AADK and other rehabilitation centres to further improve and develop appropriate social actions in helping to reduce relapse among drug users in the future. The study conducted at Pusat Serenti Bukit Mertajam (PSBM), Pulau Pinang used qualitative methods. Eight (8) respondents were selected among the inmates based on certain criteria as determined by the researcher. Information was gathered through in-depth and structured interviews, focus group discussions, and secondary information from various reliable documentations. Data were then analyzed using content analysis that leads to specific themes which have been recognised by the researcher. Results show that recidivism occurred due to psychosocial aspects such as low self-efficacy, emotional changes, wrong perceptions on the effect of drugs, peer influences, family system, lack of support and stigmatisation from society, as well as ineffective treatments from previous rehabilitation centres. Peer influence was the main factor that caused drug users to be involved in recidivism.

Keywords : *Drug, Drug Abuse, relapse, Self-efficacy, peer*

PENGENALAN

Masalah penagihan dadah dalam kalangan belia bukanlah satu fenomena yang baru di negara kita, Malaysia. Senario penagihan dadah ini seolah-olah berkembang selari dengan arus kemodenan dan pembangunan negara kita yang menuju ke arah dunia globalisasi tanpa sempadan. Menurut Maznah, Choo dan Hoo (1992) dan Mohamad Johdi Salleh (2012), masalah penagihan dadah di Malaysia sudah wujud sejak abad ke-19 lagi. Rentetan daripada itu, Dasar Dadah Negara telah digubal dan diluluskan pada 11 Jun 1996 bertujuan untuk mengurangkan permintaan dan bekalan dadah serta melahirkan masyarakat Malaysia yang bebas daripada dadah. Bagi melaksanakan misi dasar, Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) yang kini dikenali sebagai Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) telah ditubuhkan di bawah Kementerian Dalam Negeri untuk bertanggungjawab kepada semua aspek tindakan anti dadah negara melalui pelaksanaan program berbentuk pencegahan, rawatan dan pemulihan, menilai keberkesanan program dan mewujudkan kerjasama serantau serta antarabangsa.

Statistik yang dikeluarkan oleh pihak AADK juga menggambarkan tentang kedudukan isu penagihan dadah masih berada pada tahap yang tidak melegakan hati semua pihak walaupun dari segi angkanya kelihatan menurun. Jika diteliti Laporan Tahunan Dadah 2018 penagih dadah yang dikesan di negara kita setakat tahun ini masih berada dalam jumlah yang sangat membimbangkan iaitu hampir 25 ribu orang. Manakala sejumlah 44% daripada kes baru yang dikesan menunjukkan kes penagihan semula (7,793 orang).

Walaubagaimanapun, apa yang paling membimbangkan semua pihak adalah trend penagihan semula. Statistik telah menunjukkan bilangan penagih semula yang dikesan masih berada pada tahap yang perlu diberikan perhatian pada setiap tahun. Berdasarkan lima (5) tahun kebelakangan ini (2014-2018), isu penagihan semula masih banyak berlaku yang mana hampir sebahagian jumlah penagihan baru yang berjaya dikenalpasti oleh AADK. Lambakan penagih semula seolah-olah menunjukkan misi dan visi yang telah ditetapkan oleh pihak AADK bagi menjadi negara bebas Dadah adalah mustahil untuk dicapai dalam masa terdekat. Maka, kajian ini dijalankan bagi mengkaji faktor-faktor utama yang menyebabkan golongan belia kembali menyalahgunakan dadah dalam menjalani kehidupan mereka.

Konsep Penagihan Dadah

Penagihan dadah menurut Bourne (1974), bermaksud satu bentuk pergantungan individu terhadap sesuatu jenis dadah bagi menjalani kehidupan seharian. Terdapat dua (2) bentuk penagihan iaitu penagihan akibat daripada pergantungan psikologi di mana individu atau penagih telah membentuk persepsi bahawa dadah diperlukan untuk menyelesaikan semua masalah dan tanpa dadah, penagih tidak boleh menjalankan kehidupan seharian. Manakala bentuk penagihan kedua adalah berbentuk pergantungan secara fizikal yang mana penagih memerlukan dadah bagi mengelakkan diri daripada sindrom penarikan atau putus dadah (withdrawal) seperti badan menggigil dan panas.

Konsep Penagihan Semula

Penagihan semula didefinisi berasaskan pendapat Field (1995), iaitu satu bentuk tingkah laku menggunakan semula dadah secara berterusan selepas tamat program rawatan dan pemulihan atau selepas berhenti seketika daripada menggunakan dadah. Dalam erti kata yang mudah, penagihan semula merupakan satu keadaan di mana individu mengambil semula dadah setelah melalui tempoh rehat. Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada penagihan semula dadah oleh bekas penagih yang sudah tamat menjalani program rawatan dan pemulihan menurut beliau ialah (i) Things (jarum suntikan, picagari, alat-alat suntikan); (ii) Times (selalu ambil dadah pada waktu lewat malam); (iii) People (rakan-rakan yang menagih, kekasih, hubungan kekeluargaan); (iv) Place (pot (sarang penagihan), kelab-kelab malam) dan (v) Emotion (marah, kecewa, tertekan, bosan, keseronokan).

ULASAN KARYA

Faktor-faktor penagihan semula

Terdapat dua (2) faktor utama yang menyumbang kepada isu penagihan semula iaitu konsep sendiri individu (faktor dalaman) dan sosial (faktor luaran). Payne (1991) menjelaskan individu bertingkah laku hasil daripada

proses kognitif yang berlaku yang mana akan membentuk satu persepsi tentang apa yang dilihat, didengar, dirasa dan disentuh. Jennifer (1990) pula melihat tingkah laku manusia yang terbentuk hasil daripada persepsi yang dibina di dalam dirinya dan juga persepsi daripada orang lain. Antara konsep sendiri lain yang boleh dilihat adalah seperti harga diri, kebimbangan dan emosi individu yang dipercayai menjadi salah punca seseorang bekas pengguna dadah kembali ke alam penagihan dadah, dan seterusnya masuk semula ke Pusat Serenti.

Sun (2007) di dalam kajiannya tentang penagihan semula dalam kalangan pengguna dadah wanita dari sebuah agensi program rawatan pemulihan turut menjelaskan, perkaitan pembentukkan persepsi yang salah dengan fenomena pengulangan. Hasil kajian mendapati, seramai 26 orang wanita telah kembali mengguna dadah disebabkan oleh kepercayaan palsu bahawa alkohol dan dadah adalah satu-satunya cara untuk menyelesaikan masalah atau untuk melahirkan situasi yang menggembirakan. Manakala lapan orang daripada mereka melaporkan telah mengambil kembalikan dadah kerana percaya bahawa “cuba sekali tidak mengapa”, dan percaya bahawa pengambilan alkohol sahaja yang boleh mengakibatkan ketagihan bukan dadah.

Selain itu, keadaan emosi yang tidak stabil di dalam diri bekas pengguna dadah boleh menyebabkan individu mengalami tekanan dan kemurungan di dalam hidup. Berdasarkan teori Anomie di dalam Scozelli (1987), individu bertingkah laku devian disebabkan oleh perasaan kecewa dan tertekan dengan kehidupan atau keadaan persekitaran yang tidak dapat memenuhi keperluan asas dan kehendak dirinya seperti tempat tinggal, makanan, pakaian dan pekerjaan. Sun (2007) turut membuktikan bahawa ketidakstabilan emosi seperti rasa bosan, rasa sedih, marah dan kecewa akibat kehilangan hak penjagaan anak serta hilang ahli keluarga dan teman rapat yang menjauhkan diri menjadi penyebab mereka mengambil dadah kembali.

Begitu juga dengan Fernandez-Hermida, Secades-Villa, dan Marina-Gonzalez (2002) yang turut melaporkan bahawa 47.3% daripada 249 orang sampel kajian yang dikaji semula setelah tamat mengikuti program rawatan dadah di bawah Projek Kemanusiaan di Asturias, Sepanyol jatuh kembali ke dalam alam penagihan dadah akibat daripada berhadapan dengan emosi negatif seperti tertekan dan marah kerana tiada pekerjaan dan kurang sokongan keluarga dan 20% menyatakan akibat daripada konflik interpersonal. Begitu juga dengan hasil kajian oleh Hammer-bacher dan Lyvers (2006) yang melaporkan bahawa 61.5% daripada 104 orang responden yang pernah menyertai rawatan alkohol dan dadah di beberapa pusat pemulihan yang terdapat di Queensland di antara November 2002 dan Mac 2003 mengambil semula dadah selepas sebulan

tamat rawatan kerana mengalami perasaan negatif seperti kemurungan, “anxiety” dan tertekan dengan kehidupan seharian.

Fields (1995) pula menjelaskan, pengaruh sosial seperti keadaan masyarakat di dalam masalah penagihan dadah melalui pendekatan Model Sosiobudaya. Berdasarkan pendekatan ini, elemen masyarakat, budaya, komuniti, sosioekonomi dan kejrangan di sesebuah tempat memang boleh mempengaruhi individu untuk terlibat dengan masalah penagihan dadah dan alkohol. Misalnya, mereka yang tinggal di kejrangan yang terlibat dengan masalah penagihan secara tidak langsung akan mempengaruhi individu untuk mempelajari tingkah laku tersebut kelak. Luck, Elifson, dan Sterk (2004) pula mendapati, bekas pengguna dadah terlibat semula dengan masalah dadah disebabkan tiada ruang disediakan pada peringkat makro seperti tidak diberi peluang kerja, tiada pusat penjagaan anak percuma bagi ibu tunggal yang perlu keluar bekerja, sikap masyarakat yang pentingkan perkauman dan juga kurang kemahiran vokasional.

Fenomena penagihan berulang juga boleh dikaitkan dengan tahap pendidikan. Tahap pendidikan memainkan peranan yang penting di dalam menentukan samada seseorang individu yang telah tamat program pemulihan dadah di mana-mana pusat pemulihan untuk mengambil semula dadah atau tidak. Ini adalah kerana tahap pendidikan secara tidak langsung akan meningkatkan kematangan di dalam proses membuat sesebuah keputusan secara lebih rasional kerana telah didedahkan dengan ilmu dan maklumat yang lebih banyak berbanding yang tiada atau kurang pendidikan (Sun, 2007; Fernandez-Hermida *et al.*, 2002; & AADK 2018).

Pembentukan *self-efficacy* di dalam diri seseorang juga dapat menentukan tahap kawalan dalaman diri individu samada untuk menahan diri daripada mengambil dadah kembali ataupun tidak. Menurut Loranzo, Sephens, dan Roffman (2006), *Self-efficacy* merupakan tahap keyakinan dan kepercayaan di dalam diri seseorang yang boleh mendorong individu tersebut bergerak ke arah matlamat yang ingin dicapai. Teori Pembelajaran Sosial oleh Albert Bandura di dalam Philipchalk (1995) ada membincangkan dengan lebih mendalam tentang konsep *self-efficacy* ini. Teori ini melihat kepada tindakan yang dibuat oleh seseorang individu sebenarnya saling berkaitan di antara konsep sendiri dan persekitaran sosialnya. Individu akan memilih apa yang menarik baginya daripada persekitaran sosial melalui pemerhatian mahupun apa yang telah dialaminya dan kemudian akan bertanggungjawab untuk membentuk tindakan. Kejayaan atau kegagalan sesuatu tindakan yang dibuat itu sebenarnya bergantung kepada kepercayaan terhadap keberkesanan pemilihan yang dibuat serta kemampuan di dalam diri sendiri dan inilah yang dipanggil *self-efficacy*. Begitu juga dengan penagih dadah yang mana kejayaan untuk berhenti daripada menagih dadah setelah tamat program rawatan dan pemulihan

di pusat pemulihan amat bergantung kepada sejauh mana mereka yakin dan percaya kepada kemampuan diri sendiri hasil daripada pemilihan dan persepsi yang terbentuk daripada persekitaran sosialnya.

Di samping faktor dalaman atau konsep sendiri individu, sistem sosial yang berada di sekeliling individu atau bekas pengguna dadah juga merupakan faktor luaran yang mampu mempengaruhi tingkah laku pengulangan. Antaranya ialah sistem kekeluargaan, sokongan masyarakat, pengaruh rakan-rakan dan pekerjaan. Menurut (Gideon, 2007), sokongan keluarga dan pasangan memainkan peranan penting di dalam membantu bekas pengguna dadah di dalam proses kepulihan untuk membina kembali kehidupan yang lebih baik tanpa dadah. Selnow (1987) pula mendapati, pengambilan dadah oleh anak-anak remaja dan belia mempunyai perkaitan dengan keadaan struktur di dalam sesebuah keluarga. Persekitaran keluarga yang tidak sihat seperti mempunyai pelbagai masalah seperti penceraian, poligami dan penderaan kanak-kanak sememangnya berkait rapat dengan isu penagihan dan penagihan semula. Hal ini berlaku akibat daripada perasaan tertekan yang akhirnya individu cenderung memilih jalan mudah dengan mengambil semula dadah (Mahmood *et al.*, 1999 & Habil dan Ali Mohd, 2003).

Elemen masyarakat, budaya, komuniti, sosioekonomi dan kejiranan di sesebuah tempat memang boleh mempengaruhi individu untuk terlibat dengan masalah penagihan dadah dan alkohol. Misalnya, mereka yang tinggal di kejiranan yang terlibat dengan masalah penagihan secara tidak langsung akan mempengaruhi individu untuk mempelajari tingkah laku tersebut kelak. Selain itu, individu terjebak dengan penagihan dadah adalah kerana rasa terasing daripada kelompok masyarakat yang besar yang dipercayai tidak berkongsi nilai dan kefahaman yang sama tentang dadah. Justeru, pengguna dadah rasa tidak dipunyai oleh masyarakat tersebut dan seterusnya berterusan bercampur di dalam kelompok penagih yang lebih menerima dan memahami jiwa mereka sehingga menyebabkan mereka kembali menagih dadah (Fields, 1995; Luck, Elifson, & Sterk, 2004; & Chen, 2006).

Selain itu, rakan terdekat memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi individu untuk mengambil semula dadah. Rakan merupakan sistem mezzo yang paling hampir dengan bekas pengguna dadah selepas keluarga. Hal ini kerana bekas pengguna dadah ingin diterima di dalam kelompok rakan, meraih simpati dan rasa dipunyai oleh kelompok rakan tersebut (Ranisesiki & Sigelman (1992); Cheung, Lee, & Lee, 2003; & Hammer-bacher & Lyvers, 2006).

Akhir sekali, pekerjaan merupakan salah satu daripada faktor luaran yang penting dalam pembentukan tingkah laku pengulangan dalam

kalangan pengguna dadah. Nabil dan Ali Mohd (2003) menjelaskan, kedudukan status ekonomi yang tidak menjamin akan mempengaruhi individu terlibat dengan tingkah laku penagihan dan penagihan semula dadah. Kebanyakan bekas pengguna dadah yang menganggur lebih berpotensi untuk mengambil kembali dadah akibat daripada tekanan kewangan yang dihadapi. Selain itu, jenis pekerjaan dan persekitaran tempat kerja juga banyak mempengaruhi pengambilan dadah dalam kehidupan seharian. Pekerjaan yang memerlukan jumlah jam bekerja terlalu panjang dalam seminggu seperti pengajar, pentadbir, bahagian pertanian dan kerani, dan persekitaran tempat kerja yang tidak menyokong serta banyak konflik akan mendorong kakitangan untuk mengambil alkohol dan dadah. Berbanding dengan jenis pekerjaan yang kurang tekanan dan mendapat sokongan yang baik daripada ketua serta rakan sekerja (Watts, Cox, Wright, Garrison, Herkimer, & Howze, 1991). Justeru menjadi minat pengkaji untuk mengenalpasti faktor-faktor penagih semula dalam kalangan belia di Pusat Serenti Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kualitatif (Neuman, 2011). Kajian ini dijalankan di Pusat Serenti Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Responden bagi kajian ini pula terdiri daripada lapan (8) orang golongan belia yang terdiri daripada penghuni di Pusat Serenti Bukit Mertajam. Responden bagi kajian ini dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan kerana perlu memenuh beberapa kriteria tertentu seperti merupakan penghuni di Pusat Serenti, lelaki, berumur di antara 18-40 tahun, perlu sekurang-kurangnya mempunyai kekerapan masuk ke pusat sebanyak sekali dan ke atas serta berkemampuan untuk menulis dan membaca.

Bagi mengumpul data kajian, pengkaji menggunakan kaedah temubual mendalam (*in-depth interview*) sebagai instrumen kajian. Temubual ini dijalankan secara individu dan bersemuka di antara pengkaji dan responden kajian menggunakan tema-tema yang telah ditentukan oleh pengkaji. Selain itu, temubual ini juga lebih banyak menggunakan soalan terbuka kerana ia dapat menggalakkan serta memberikan kebebasan kepada responden untuk melontarkan segala pandangan, luahan dan perasaan dengan lebih mendalam. Tema-tema ini penting sebagai garis panduan kepada pengkaji ketika menjalankan sesi temubual agar proses pengumpulan data menjadi lancar, tidak tersasar dan lebih memfokuskan kepada pembolehubah yang ingin dikaji oleh pengkaji di dalam kajian ini. Berikut merupakan fokus yang digunakan di sepanjang proses temubual dijalankan :

(a) Maklumat demografi responden (nama, umur, status, bangsa, agama,

- taraf pendidikan, negeri asal, jenis tempat tinggal, pekerjaan terakhir).
- (b) Maklumat keluarga
 - (c) Sejarah awal penglibatan di dalam penyalahgunaan bahan atau dadah (jenis dan punca).
 - (d) Sejarah kemasukan ke pusat pemulihan dadah (nama pusat serenti dan tahun).
 - (e) Sejarah penagihan berulang (faktor-faktor)

DAPATAN KAJIAN

Kesemua data yang dikumpul diproses menggunakan analisa kandungan (*content analysis*) secara manual. Data dianalisa mengikut tema-tema yang telah ditetapkan atau tema-tema yang kelihatan muncul. Menurut Dorsten dan Hotchkiss (2005), analisis kandungan merupakan satu kaedah yang akan mengekod hasil temubual, proses komunikasi atau segala maklumat sekunder yang diperolehi daripada buku, majalah, jurnal, surat khabar, diari dan media cetak, audio atau rakaman audiovisual kepada pembolehubah-pembolehubah tertentu. Kaedah ini juga diperlukan untuk kajian yang agak tidak formal dan tiada jurang di antara responden dengan pengkaji (lebih rapat).

Secara umumnya, pengkaji mendapati terdapat pelbagai faktor yang menjadi punca berlakunya penagihan semula di kalangan responden sebagai pengguna dadah ke pusat pemulihan. Faktor paling banyak dilaporkan oleh responden ialah pengaruh rakan-rakan lama. Diikuti dengan perubahan emosi seperti perasaan rindu, runsing, dan tertekan turut menjadi penyebab mereka kembali menggunakan dadah. Selain itu, keberkesanan program di dalam pusat pemulihan, faktor kekeluargaan, self-efficacy, pembentukan persepsi yang salah, dan tiadanya sokongan masyarakat yang menjadi punca mereka mengguna kembali dadah dan akhirnya dimasukkan semula ke pusat pemulihan. Walaubagaimanapun, hanya seorang sahaja responden berkongsi tentang ketiadaan pekerjaan menyebabkan beliau kembali mengguna dadah kerana tertekan dengan desakan hidup.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa di antara beberapa faktor yang telah dikenalpasti sebagai punca kepada berlakunya isu penagihan semula pengguna dadah ke Pusat Serenti adalah pengaruh rakan-rakan lama. Pengaruh rakan merupakan faktor paling banyak dibincangkan oleh responden yang pernah terlibat dengan masalah penagihan dadah. Kebanyakan responden saling berkongsi pengalaman tentang punca mereka kembali relapse setelah melalui proses kepulihan ialah berjumpa dengan rakan-rakan lama walaupun pada asalnya hanya untuk besembang-

seimbang. Ini adalah kerana apabila berjumpa dengan rakan-rakan lama secara tidak langsung perasaan rindu dan memori lama akan datang kembali yang mana secara tiba-tiba akan mendatangkan perasaan resah dan gelisah lalu mengambil keputusan untuk kembali mengguna dadah. Terdapat juga responden yang mengatakan bukan hanya faktor-faktor persekitaran seperti rakan-rakan, tetapi masalah keluarga, tiada sokongan keluarga, stigma oleh jiran-jiran dan kesukaran memperolehi pekerjaan turut menjadi punca berlakunya residivisme. Namun ianya bergantung juga kepada ketahanan di dalam diri individu. Jika diri kuat dan yakin, individu sudah tentu mampu untuk berdepan dengan apa sahaja dugaan yang mendatang seperti ajakan kawan-kawan lama. Dapatan ini turut disokong oleh beberapa kajian terdahulu oleh Ranisesiki & Sigelman (1992); Cheung, Lee, & Lee (2003); dan Hammer-bacher & Lyvers (2006).

Penemuan ini secara tidak langsung membantu memberikan gambaran kepada semua pihak terutamanya pihak AADK agar lebih menumpukan faktor-faktor yang telah dikenalpasti dalam merangka lebih banyak program pencegahan penagihan semula atau relapse. Selain itu, penglibatan keluarga dan masyarakat juga penting dalam membantu meningkatkan kefungsi sosial bekas pengguna dadah dengan mengintegrasikan mereka kepada masyarakat setempat. Kesimpulannya, pembangunan psikososial yang menyeluruh dalam diri belia yang terlibat dengan dadah merupakan tunjang kepada pembentukan tingkah laku yang lebih sihat. Misalnya melalui pembentukan bengkel pengurusan emosi, rohani, masa dan kerja yang berkesan boleh dilaksanakan secara berkala terutamanya kepada bekas pengguna dadah yang tegar. Pendedahan ini penting dalam membentuk dan meningkatkan daya tahan diri (self-efficacy) yang lebih baik agar mereka mampu untuk hidup bebas daripada dadah.

RUJUKAN

- Agensi Anti Dadah Kebangsaan (2018). *Laporan Tahunan 20018*. Capaian dari <http://www.aadk.gov.my>
- Bourne, P.G. (1974). *Addiction*. London : Academic Press.
- Chen, G. (2006). Social support, spiritual program and addiction recovery. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*, 50(3).
- Cheung, C.K., Lee, T. Y., dan Lee, C. M. (2003). *Factors in successful relapse prevention among Hong Kong drug addicts*. Treating Substance Abusers in Correctional Contexts : New Understanding, New Modalities. Capaian dari <http://www.HaworthPress.com>

- Dorsten, L. E., dan Hotchkiss, L. (2005). *Research Methods and Society : Foundation of Social Inquiry*. New Jersey : Pearson Prentice Hall.
- Fernandez-Hermida, J. R., Secades-Villa, R., Fernandez-Ludena, J.J., dan Marina-Gonzalez, P. A. (2002). *Effectiveness of a therapeutic community treatment in Spain : A long-term follow up study*. *Eropean Addiction Research*, 8, 22-29.
- Fields, R. (1995). *Drugs in Perspective*. USA : Brown & Benchmark.
- Gideon, L. (2007). Family role in the reintegration proses of recovering drug addicts. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*, 51(2).
- Habil, H. dan Ali Mohd, M. (2003). *Penyalahgunaan Dadah : Hidup tak beerti maut menanti*. K.L : Dewan Bahasa & Pustaka
- Hammer-bacher, M. dan Lyvers, M. (2006). Factors associated with relapse among clients in Australian substance disorder treatment facilities. *Journal of Substance Use*, 11 (6), 387-394.
- Jenifer, D. C. (1990). Self-esteem and clarity of the self concept. *Journal of Personality and Social Psychology*, 59 (3), 538-549.
- Lozano, B. E., Stephens, R. S., dan Roffman, R. A. (2006). *Addiction*, 101, 1589-1597.
- Luck, P.A., Elifson, K. W., dan Sterk, C. E. (2004). *Female drug users and the welfare system : A qualitative exploration*. *Drugs : Education, Prevention and Policy*, 11 (2), h. 113-128.
- Mahmood, N.M., Md. Shuaib, C.D.,Lasimon, M., Muhamad Dzahir, K., dan Rusli, A. (1999). *Penagihan Dadah dan Recidivisme : Aspek-aspek Psikososial dan Persekitaran*. Sintok : UUM.
- Maznah,I., Choo, P.F., dan Hoo, S.K. (1992). *Pendekatan dan Strategi Pendidikan Pencegahan Salahgunaan Dadah* (Jilid8, 1986).
- Mohamad Johdi Salleh (2012, April). *Permasalahan Penagihan Dadah : Tinjauan di Pusat Serenti Selangor*. Paper presented at International Seminar on Community Development- APKO 2012, Kuala Lumpur, Hotel Primer by Faculty of Social Development, Universiti Malaysia Terengganu.
- Neuman, W. L. (2011). *Social Research Methods : Qualitative and Quantitative*

Approaches (7th ed.). Boston : Pearson.

Payne, M. (1991). *Modern Social Work Theory: A Critical Introduction*. London: Macmillan.

Philipchalk, R. P. (1995). *Invitation to Social Psychology*. USA : Harcourt Brace College Publishers.

Raniseski, J.M. dan Sigelman, C.J. (1992). Conformity, peer pressure and adolescent receptivity to treatment for substance abuse : A research note. *Journal of Drug Education*, 22 (3), 185-197.

Scozelli, J. (1987). *Drugs Abuse : Preventions and Rehabilitations in Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Selnow, G.W. (1987). Parent-child relationship and single and two parent families : Implications for substance abuse. *Journal of Drug Education*, 17 (4).

Sun, A. P. (2007). Relapse among substance-abusing women : Components and processes. *Substance Use and Misuse*, 42, 1-21.

Watts. W. D., Cox, L. S., Garrison, J., Herkimer, A., dan Howze, H. H. (1991). *Journal of Drug Education*, 21 (1), 43-64.

Profil Penulis :

Nurhazlina Mohd Ariffin, PhD

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial
Kolej Sastera dan Sains,
Universiti Utara Malaysia (UUM)
nhazlina@uum.edu.my

Norruzeyati Che Mohd Nasir, PhD

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja sosial
Kolej Sastera dan Sains,
Universiti Utara Malaysia.
zeyati@uum.edu.my

Mohammad Rahim Kamaluddin, PhD

Pusat Kesejahteraan Manusia dan Masyarakat
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
rahimk@ukm.edu.my

ANALYZING WORK AND SALARY EXPECTATIONS OF UNEMPLOYED YOUTHS

ROSSILAH JAMIL & ZUKARNAIN ZAKARIA

ABSTRACT

Youths are a misunderstood generation. Their unique personalities and values have attracted much media interests and research. Unfortunately, much of these coverages tend to aggravate the negative rather than the positive. One of the popular discourses on youths is on their work expectations. Youths, who belong to the millennial generation, have often been stereotyped as demanding, materialistic, narcissistic and unwilling to work hard. These characteristics have been blamed as the root cause for their lack of success in the job market. Employer-based surveys perceived millennial youths in general are too, yet did not have much to offer. These negative portrayals are harmful to their prospects as human capital. The article is written to investigate if there was an alternative view on the subject. Much of the existing knowledge on the topic, at least in the context of Malaysia, has been informed mostly by employers' perspectives commissioned by professional consultants and recruitment bodies. Also, past research on the topic has covered the general population of the millennials, rather than a specific group of unemployed youths. While this knowledge has been helpful in shedding light regarding our job applicants, however they are less useful in revealing the other side of the story. Therefore, this article attempts to combine two important aspects - unemployed youths and their stereotypical work expectations as millennials - to determine if their profiles and expectations may explain their unemployment. Findings reported in the article are based on a survey involving 844 unemployed youths located throughout Malaysia. Two specific objectives are pursued in the article: to determine desired work attributes expected by unemployed youths; and to identify their expected salary against selected demographic profiles. The findings suggest that our youths may have been subjected to unfair accusations and stereotypical misconceptions. The results are discussed in relation to relevant theory and practice. Recommendations and areas for future research are provided.

Keywords: youth unemployment, millennials, work attributes, work values, financial expectations.

ABSTRAK

Golongan belia merupakan generasi yang sering disalah anggap. Personaliti dan nilai mereka sering mendapat perhatian media dan dijadikan topik penyelidikan. Malangnya, kebanyakan liputan ini cenderung kepada aspek negatif dari yang positif. Salah satu isu popular mengenai belia adalah mengenai jangkaan kerja mereka. Belia, yang merupakan generasi milenium, sering distereotaip sebagai berkemahuan tinggi materialistik, narsistik dan tidak sanggup bekerja keras.

Sikap tersebut sering dilihat sebagai punca utama kegagalan mereka mendapat pekerjaan. Dalam satu kajian, majikan berpandangan golongan belia selalu meminta lebih dari nilai yang mereka tawarkan. Persepsi negatif ini memudaratkan prospek mereka sebagai modal insan. Tujuan artikel ini adalah untuk menyiasat pandangan alternatif mengenai isu tersebut. Kebanyakan pengetahuan mengenai isu ini terutama di Malaysia adalah berdasarkan perspektif majikan. Kajian ini juga kebanyakannya dilaksanakan oleh perunding profesional dan agensi rekrutmen. Selain itu, kajian lepas membincangkan populasi umum millennials, dan bukannya belia yang menganggur. Walaupun pengetahuan ini bermanfaat, namun ia masih kurang jelas dalam mendalami isu tersebut. Oleh itu, artikel ini cuba menggabungkan dua aspek yang penting - belia yang menganggur dan jangkaan kerja mereka sebagai golongan milenium. Tujuannya adalah untuk menentukan sama ada latar belakang dan harapan mereka dapat menjelaskan punca pengangguran mereka. Dapatan yang dilaporkan di dalam artikel ini adalah berdasarkan kaji selidik yang melibatkan 844 belia yang menganggur di seluruh Malaysia. Artikel ini mempunyai dua tujuan: i) mengenalpasti atribut kerja belia menganggur; dan ii) mengenalpasti jangkaan gaji mereka berdasarkan profil demografi terpilih. Penemuan kajian mendapati golongan belia mungkin menjadi mangsa terhadap tuduhan yang tidak adil dan stereotaip negatif. Hasil kajian ini dibincang dan dikaitkan dengan teori dan praktis. Cadangan penyelidikan lanjut turut dinyatakan.

Kata Kunci: Pengangguran belia, milenium, atribut kerja, nilai kerja, jangkaan kewangan.

INTRODUCTION

Being youths today is not easy. They are living at the time of economic crisis that makes finding employment a challenge. Furthermore, technological advancement has transformed work practices requiring higher digital literacy that make first entry to the job market even harder. In 2016, 40 percent of youths in the world were unemployed (<http://data.worldbank.org/>). It was estimated that 71 millions of youths between 15 to 24 years old were unemployed throughout 2016 and 2017. This crisis has been felt across the world, although at varying degree (International Labour Organization, 2016). The ILO also reported that a steady rise of youth unemployment has been expected to grow in the South-Eastern Asia and the Pacific regions, from 13.0 percent in 2016 to 13.6 percent in 2017 (International Labor Organization 2016). More than 500,000 youths in the region was expected to be out of jobs. Compared to other regions, these two regions also recorded the highest unemployment disparity between youth and adult age groups. In 2016, the likelihood for youths to end up jobless was five times more than adults. This figure is way higher than the world's average of 2.9 percent. In some regions including the Asia Pacific, youth unemployment rate increases consistently with the level of education attained. The ILO found that those with tertiary education

were two to three times more likely to be unemployed than those with lower education level. To reflect this grave concern, the United Nations (UN) pledged to promote inclusive, sustainable and decent employment as a top priority under the Sustainable Development Goals 2030. The UN estimated that 470 million jobs need to be created to accommodate new labor market entrants throughout 2016 to 2030 (United Nations Sustainable Development Goals).

Putting inadequate job opportunities aside, youth unemployment is argued to be aggravated by their own unrealistic expectations towards the job market. Youths belong to the millennial generation whose characteristics significantly differ from their predecessors. Multi-generational theory argues that people's characters are influenced by key economic, socio, political and technological events during the year they were born (Howe and Strauss 2007). By 2030 millennials are estimated to form 75 percent of the global workforce (Ng, Lyons and Schweitzer 2012), forcing multiple generations to work side by side. The differences of work values and styles of various generations, if not properly managed, may escalate into generational collision than a form of diversity strength. The former is already witnessed in the context of youth employment market. Employers often complain that millennials are choosy, have unrealistic job expectations, and do not have the skills needed for the job market.

These concerns are relatable to Malaysia. For instance almost 20% (i.e. 57,000) of Malaysian graduates were reportedly unemployed in 2018 (Ministry of Education, 2018). The Statistics Department of Malaysia (DOSM) further revealed that in 2015, the 20 to 24 year-olds constituted the largest unemployed groups in Malaysia (i.e. 42.1 percent) (<http://www.dosm.gov.my>). Another report showed 30.7% of 132,900 graduates of the various public and private institutions remained unemployed six months after graduation (www.ikim.gov.my). Among others, the failure to gain employment was blamed on the applicants themselves. A recent JobStreet.com survey involving 427 employers highlighted five main reasons why employers were reluctant to hire fresh graduates (Jobstreet. Malaysia, 2015). They asked for unrealistic salaries and benefits (68%); had poor command of English (64%); were too choosy about the job or company (60%); had poor communication skills (60%); and had poor the wrong character, attitude or personality (59%). Other findings with similar nuances have consistently swarmed the local media for some time, and most of them were derived from the perspectives of employers. These negative reputations have added further damage to the image of youth applicants.

Against this backdrop, a study was conducted to gain perspectives of unemployed youths towards their work and salary expectations. The

respondents are in the age range that qualifies them to be considered as generation millennials. Given the widespread interests on the supposedly unrealistic salary expectations, the respondents' salary expectations will be analyzed against selected demographic profiles.

LITERATURE REVIEW

Generation Theory

The topic of generational differences has been subject to much research interests. Multi-generational theory argues that individuals who were born within different time periods possess different sets of attitudes, personalities, values and expectations (Howe and Strauss 2007). People can be categorized into four generations, i.e. Traditionalists / Silents (pre-1946); Baby Boomers (1946 – 1960), Gen X (1961 – 1979), and Gen Y (1980 – onwards). There are different opinions regarding when each generation starts and ends. The wider consensus is that Gen Y was born in 1980 to 2000. Gen Y has also been called as Gen Z which refers to those who were born after 2000 although this group is often lumped together as Gen Y (Chartered Institute of Personnel and Development 2015). Gen Y has also been called as 'millennials', 'echo boomers', 'GenMe', and gen digital/tech. Regardless of the debates, it can be concluded that the newer generation possesses different values, personalities and desires, that may be very difficult for older generation to understand. It is estimated that by 2030 Gen Y will constitute 75 percent of the global workforce (Ng, Lyons and Schweitzer 2012). In Malaysia, Gen Y forms the biggest group of the total population at 38 percent, compared to Boomers (13 percent), and Gen X (20 percent) (Statistics Department of Malaysia 2007). The diversity in the values and attitudes towards work between these generations can bring both opportunities and challenges at the workplace. Gen Y enjoys the reputation as being technology-savvy, risk-takers and smart that can push organizational performance further. However, they also have been negatively painted and called spoiled and entitled. Gen Y have been said and found to possess values, supposedly significantly different from the older generations. For the purpose of this paper, the term millennials will be used to consist of individuals who were born in 1980s onwards, and they comprise of groupings also known as Gen Y, GenMe, or other similar terms.

Work Attributes

A person's decision to choose a particular job may be influenced by several factors. Job choice refers to the process that job applicants go through in choosing a job that involves various job decision stages (from recruitment phase, receiving job offer, and after making job choice decision) (Barber *et al.* 1994). What applicants looked for in jobs is often influenced by their

- Juárez-Nájera Margarita, Rivera-Martínez, J. G., & Hafkamp, W. A. (2009). An explorative sociopsychological model for determining sustainable behavior: Pilot study in German and Mexican universities. *Journal of Cleaner Production*, 18(7), 686–694.
- Kaiser, F. G., Oerke, B., & Bogner, F. X. (2007). Behavior-based environmental attitude: Development of an instrument for adolescents. *Journal of Environmental Psychology*, 27(3), 242–251. <https://doi.org/10.1016/j.jenvp.2007.06.004>
- Kollmus, A., & Agyeman, J. (2002). Mind the Gap: why do people act environmentally and what are the barriers to pro-environmental behavior? *Environmental Education Research*, 8(3), 239–260. <https://doi.org/10.1080/1350462022014540>
- Ma, J., Ding, Z., Wei, G., Zhao, H., & Huang, T. (2009). Sources of water pollution and evolution of water quality in the Wuwei basin of Shiyang river, Northwest China. *Journal of Environmental Management*, 90(2), 1168–1177. <https://doi.org/10.1016/j.jenvman.2008.05.007>
- Meinhold, J. L., & Malkus, A. J. (2005). Adolescent Environmental Behaviors: Can Knowledge, Attitudes, and Self-Efficacy Make a Difference? *Environment and Behavior*, 37(4), 511–532. <https://doi.org/10.1177/0013916504269665>
- Mohd Fadzil, A. R. (2012). GIS-MCDA Bagi Mengukur Kadar Potensi Ciri- Ciri Sosioekonomi Dan Fizikal Setinggan Terhadap Pencemaran Sungai : Petempatan Setinggan Di Sepanjang Sungai Tebrau, Johor, Malaysia. *International Conference On Innovation And Technology For Sustainable Built Environment (ICITSBE)*, (November), 1–15.
- Mohd Yusof, H. A., Latiffah, P., Sharifah Mastura, S. A., & Normah, M. (2010). Kesedaran dan Sikap Komuniti dalam Pengurusan Persekitaran di Wilayah Iskandar, Johor. *Journal of the Malay World*, (5), 71–86.
- Mohiuddin, M., Mamun, A. Al, Syed, F. A., Masud, M. M., & Su,

- Z. (2018). Environmental Knowledge , Awareness , and Business School Students ' Intentions to Purchase Green Vehicles in Emerging Countries. *Sustainability*, 10(5), 1534. <https://doi.org/10.3390/su10051534>
- Mostafa, M. M. (2007). Gender differences in Egyptian consumers ' green purchase behaviour : the effects of environmental knowledge , concern and attitude. *International Journal of Consumer Studies*, 31(3), 220–229. <https://doi.org/10.1111/j.1470-6431.2006.00523.x>
- Nawawi, M. N., Ali, J., & Eam, L. H. (2013). Pematuhan industri pembuatan terhadap peraturan alam sekitar di utara semenanjung Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 47(2), 111–121.
- Osman, N. H., Jusoh, M. ., & Amlus, H. (2014). Exploring The Relationship Between Environmental Knowledge and Environmental Attitude Towards Pro-Environmental Behaviour : Undergraduate Business Students Perspective. *American-Eurasian Journal of Sustainable Agriculture*, 8(8), 1–4.
- Othman, M. R., Latif, M. T., Samat, A., & Sulaiman, M. S. (2006). Kesan Aktiviti Penanaman Padi Terhadap Kualiti Air. *The Malaysian Journal of Analytical Sciences*, 10(2), 233–242.
- Petty, R. E., & Brinol, P. (2010). *Attitude Structure and Change Implications for Implicit Measures*. In *Handbook of Implicit Social Cognition: Measurement, Theory, and Applications* (pp. 335–352). <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Pratiwi, Y. (2010). Penentuan Tingkat Pencemaran Limbah Industri Tekstil Berdasarkan Nutrition Value Bioindikator. *Jurnal Teknologi*, 3(2), 129–137.
- Santharasekaran, S., & Husni, I. (2012). *Pemantauan Masalah Pencemaran : Permasalahan Air Sisa Ternakan Lembu Ke Persekitaran & Penyelesaiannya Secara Kaedah Fitoremediasi*. In *Persidangan Kebangsaan Pembangunan dan Pendidikan Lestari 2012* (pp. 1–18).
- Saripah, A. L., Mohd, S. O., Yeop, H. B., & Zainudin, A. (2013). Role of Environmental Knowledge in Creating Pro-Environmental Residents. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 105, 866–874. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.11.088>
- Sarker, A., Poon, W. C., & Herath, G. (2018). *Natural Resource Use, Institutions, and Green Ergonomics*. In A. Thatcher & P. H. P. Yeow

- (Eds.), *Ergonomics and Human Factors For a Sustainable Future: Current Research and Future Possibilities* (pp. 271–298). Palgrave-MacMillan. <https://doi.org/10.1007/978-981-10-8072-2>
- Schahn, J., & Holzer, E. (1990). *Studies of Individual Environmental Concern The Role of Knowledge, Gender, and Background Variables*. *Environment and Behavior*, 22(6), 767–786.
- Sia, A. P., Hungerford, H. R., & Tomera, A. N. (1986). Selected predictors of responsible environmental behavior: An analysis. *Journal of Environmental Education*, 17(2), 31–40. <https://doi.org/10.1080/00958964.1986.9941408>
- Suratmaratman, S., & Tahir, N. M. (2013). *Kesan Antropogenik Terhadap Kualiti Air di Lembangan Sungai Marang, Perairan Selatan Laut China Selatan*. *Sains Malaysiana*, 42(6), 743–751.
- The United Nations. (2009). *Growing Together in a Changing Climate: The United Nations, Young People, and Climate Change. Youth and climate change*. The United Nations Joint Framework Initiative on Children.

Profil Penulis :

Norshahida Akma Alias

Fakulti Sains Sosial Gunaan
Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu
norshahida3692@gmail.com

Aziz Amin

Fakulti Sains Sosial Gunaan
Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu

LEDAKAN DATA RAYA DAN REVOLUSI INDUSTRI 4.0

SITI NURHIDAYAH ISMAIL

ABSTRAK

Revolusi Industri 4.0 telah mula berkembang pesat di peringkat global dengan bantuan alat-alat teknologi yang telah memudahkan kehidupan seharian. Empat komponen utama revolusi ini adalah kewujudan data dalam jumlah yang besar; ketersambungan dan kuasa pengiraan; kemunculan analisis dan kemampuan perniagaan pintar; dan kewujudan interaksi manusia-mesin dan realiti terimbuh (augmented reality). Kewujudan data dalam jumlah yang besar ini membawa kepada kewujudan data raya yang terdiri daripada jaringan, awan, siber, kandungan dan konteks, komuniti dan penyesuaian. Enam bahagian ini membantu kepada penjanaan data yang kompleks akibat daripada jumlahnya yang besar; namun dengan aturan mesin dan siber bersama keperluan daripada komuniti membantu pengeluaran hasil data yang sistematik dan boleh digunakan untuk mempermudah urusan seharian. IYRES sebagai hub data belia telah memantapkan pengurusan datanya melalui Sistem Ydata@IYRES, Sistem e-Belia dan Sistem e-MYInd dalam menyelaraskan data dengan lebih efisien. Sistem Ydata@IYRES merupakan satu portal sehati yang mengumpulkan data dan statistik belia daripada pelbagai pihak merangkumi kementerian, jabatan, agensi dan badan bukan kerajaan (NGO). Sistem e-Belia pula berperanan mengumpulkan profil belia-belie Malaysia bagi memudahkan pemegang taruh merangka pelaksanaan program dengan lebih fokus kepada golongan sasar. Sistem e-MYInd berfungsi untuk merekod dan mengemaskini segala maklumat program dan inisiatif yang dilaksanakan merentas kementerian, jabatan, agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) dan dijadikan input bagi memantau program-program belia dan sukan. Penyelarasan data secara sistematik ini diharapkan dapat membantu pihak kerajaan khususnya kementerian dalam menstrategikan perancangan inisiatif pembangunan belia dan sukan dengan lebih komprehensif dan menyeluruh berdasarkan lapan kumpulan sasaran belia.

Kata Kunci: *Belia, Revolusi Industri, Data Raya, Siber,*

ABSTRACT

Industrial Revolution 4.0 is booming on a global scale with aid from technological devices that ease our day-to-day activities. This revolution consists of four components that are; data existence in large volume, interconnectivity and counting power, emergence of analysis and smart business ability, and existence of human-machine interaction and augmented reality. The existence of data in big volume has led to the formation of big data that comprises of network, cloud, cyber, content and context, community, and adjustment. The six parts assist in generating complex data due to big volume, but with machine arrangement and cyber, together with the needs from the community will help the systematic yield of data that can be

used in daily life. IYRES as the youth hub data has reinforced its data management systems comprising of Ydata@IYRES, e-Belia and e-MYInd that coordinates data in an efficient manner. Ydata@IYRES is a one-stop-portal that accumulates youth data and statistics from various parties such as ministries, departments, agencies, and non-governmental organizations (NGOs). E-Belia is a system that collects Malaysian youth profiles that facilitates stakeholders to plan and execute programs with better focus on the targeted group. E-MYInd is a portal that records and updates all information on programs and initiatives carried out across ministries, departments, agencies, and non-governmental organizations (NGOs) that are taken as inputs to monitor youth and sports programs. Systematic coordination hope to assist the government, especially ministries to strategize the initiatives to plan youth and sports programs in comprehensive and exhaustive ways based on the eight youth target groups

Keywords: Youth, Industrial Revolution, Big Data, Cyber

PENGENALAN

Ledakan teknologi maklumat antara pemangkin Revolusi Industri 4.0 kini berkembang pesat di peringkat global dan Malaysia tidak ketinggalan merasai impak tersebut. Revolusi ini secara tidak langsung membuka peluang kepada masyarakat untuk terlibat dalam pelbagai bidang dengan akses hujung jari seperti pengangkutan, pendidikan dan pelbagai perkhidmatan yang sebelum ini tidak pernah dibayangkan pada sepuluh tahun yang lalu.

Revolusi Industri 4.0

Namun apakah sebenarnya yang diertikan dengan Revolusi Industri 4.0 ini? Menurut Kevin Vishal (2017), terdapat empat komponen berbeza yang membentuk revolusi ini iaitu kewujudan data dalam jumlah yang besar; ketersambungan dan kuasa pengiraan; kemunculan analisis dan kemampuan perniagaan pintar; dan kewujudan interaksi manusia-mesin dan realiti terimbuh (augmented reality). Data kini amat diperlukan bagi menganalisis maklumat dengan lebih terperinci, kritikal dan lebih penting adalah membuat keputusan yang berasaskan fakta. Banyak pihak kini menghargai kepentingan data dan statistik yang boleh diakses secara terus di hujung jari bagi mempermudah segala proses dan urusan. Ketembusan teknologi dengan penggunaan media sosial di telefon pintar menerusi pelbagai aplikasi turut menyumbang kepada pertumbuhan data raya secara pesat.

Data raya dalam Industri 4.0 terdiri daripada jaringan, awan, siber, kandungan dan konteks, komuniti dan penyesuaian. Enam bahagian ini membantu kepada penjanaan data yang kompleks akibat daripada jumlahnya yang besar; namun dengan aturan mesin dan siber dengan

keperluan daripada komuniti membantu pengeluaran hasil data yang sistematik dan boleh digunakan untuk mempermudah urusan seharian.

Revolusi Perindustrian konvensional terdahulu yang menggunakan tenaga manusia berkurangan dengan mesin-mesin menjadi pengganti dalam bidang pembuatan merentas pelbagai industri. Walau bagaimanapun, situasi ini tidak hanya dilihat dalam satu dimensi kerana skop teknologi yang sedang berkembang ini berpotensi menjadi solusi dalam melaksanakan sesuatu tugas dengan lebih efisien. Kekayaan data serta kepesatan teknologi boleh diaplikasikan kepada penyelesaian kehidupan seharian dengan pelbagai aplikasi serta menjadikan geografi dan jarak bukan satu faktor penghalang untuk kekal terhubung (Roblek *et al.* 2016).

Aplikasi-aplikasi komunikasi yang telah lama bertapak seperti Facebook, Twitter dan Instagram telah mula memanfaatkan data raya dengan menganalisis perkara-perkara yang digemari oleh pengguna mereka dan syarikat seperti *Google* turut menggunakan pendekatan yang sama bagi membantu pengguna mendapatkan maklumat carian yang lebih spesifik. Setiap klik atau carian yang direkodkan oleh pelayan (*server*) disimpan dalam awan (*cloud*) yang mempunyai kapasiti menyimpan data yang bersaiz besar. Teknologi pengkomputeran awan (*cloud computing*) ini membolehkan server mengenal pasti data untuk pengguna yang spesifik sekiranya digunakan semula pada masa akan datang.

Kesukaran mendapatkan teks, tambang yang tidak menentu, perkhidmatan yang mengecewakan serta faktor keselamatan (Lin & Dula, 2016) telah memberi idea kepada Anthony Tan dan Tan Hooi Ling, dua anak Malaysia untuk mengasaskan aplikasi Grab (dahulunya dikenali sebagai MyTeksi), iaitu perkhidmatan kenderaan atas talian yang menghubungkan pemandu dan penumpang secara terus telah memanfaatkan teknologi Industri 4.0 ke dalam perniagaan mereka (Abdullah *et al.* 2017). Selain itu, program SkolaFund merupakan satu bentuk sumbangan masyarakat secara terus kepada penerima faedah (*crowdfunding*) yang dijalankan secara atas talian dan telus telah menarik ramai orang untuk menyumbang kepada pemohon. Revolusi Industri 4.0 telah membuka pelbagai ruang untuk masyarakat dan golongan belia khususnya memanfaatkan perkembangan teknologi dengan meneroka bidang-bidang baru selain daripada menyimpan nombor-nombor di dalam satu pangkalan semata-mata.


IYRES Hub Data Belia

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) turut bersedia mendepani perubahan teknologi masa kini dengan membangunkan hub data belia bagi tujuan pengumpulan data berkaitan belia seperti Sistem Ydata@IYRES (Rajah 1), Sistem e-Belia (Data Profil Belia Negara) dan juga Sistem eMyInd (Sistem Indeks Belia Malaysia). Kesemua sistem ini

diwujudkan sebagai platform penyaluran data kepada semua pemegang taruh dalam pembangunan belia bagi meningkatkan kecekapan dalam membuat keputusan dan pelaksanaan program berdasarkan data-data berkaitan belia yang sah dan reliable.

Pembangunan hub data ini juga sejajar dengan konsep merentas pelaksana dan merentas generasi yang akan memudahkan semua pihak yang terlibat dalam pembangunan belia secara langsung atau tidak langsung untuk bekerjasama dengan pengintegrasian dan perkongsian sumber yang lebih sistematik.

Inisiatif ini dilaksanakan oleh IYRES sejajar dengan bidang tanggungjawab yang telah diperakukan oleh Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015 (KBS, 2015) di mana IYRES bertindak sebagai focal point kepada penyelidikan dan statistik berkaitan belia. Selaras dengan itu, IYRES telah mewujudkan Sistem Ydata@IYRES, sebuah platform yang menempatkan semua data-data berkaitan belia di satu tempat secara bersepadu melalui kerjasama pelbagai pemegang taruh pembangunan belia. Data-data yang dikumpulkan ini didatangkan daripada pelbagai sumber terdiri daripada pelbagai kementerian, jabatan dan agensi yang telah dilantik menjadi focal point serta hasil kajian IYRES sendiri. Sehingga kini sistem ini mengandungi 85 jenis data terbahagi kepada 12 kategori iaitu kesihatan, kepimpinan, sukan dan rekreasi, usahawan, pendidikan, persatuan, sukarelawan, politik, gejala sosial, penduduk, patriotisme, dan lain-lain.



Rajah 1: Antara Muka (Interphase) Laman Utama Sistem Ydata@IYRES

Platform data belia bersepadu Ydata@IYRES ini bercirikan teknologi Business Intelligence kerana spesifikasi utama yang diambil kira adalah untuk menjana laporan-laporan statistik yang berbentuk Data Visualization yang dapat memudahkan para pengguna untuk memahami dan menggunakan data-data yang disediakan dengan lebih mudah dan

berkesan. Ianya boleh diakses oleh pengguna melalui capaian <https://ydata.iyres.gov.my> dan melalui peranti mudah alih di aplikasi Google Play Store dan Apple App Store.



Rajah 2: Kategori Set Data yang disediakan di Sistem Ydata@IYRES



Rajah 3: Contoh statistik yang dipaparkan dalam Sistem Ydata@IYRES

Selain itu, pengukuhan data-data terkini belia juga dilaksanakan melalui pembentukan Profil Belia Negara (PBN) yang dibangunkan bermula pada tahun 2008. Profil Belia Negara ini dikenali sebagai Sistem E-Belia diwujudkan kerana ketiadaan data berkaitan profil belia Malaysia yang lengkap, sedangkan maklumat profil belia Malaysia amatlah penting kepada pemegang taruh pembangunan belia bagi merangka pelbagai inisiatif pembangunan belia negara. Lantaran itu, Sistem E-Belia ini membantu memudahkan proses pengumpulan data-data profil belia yang diselarasikan secara berpusat di IYRES. Kaedah pendaftaran PBN adalah secara online, iaitu melalui pautan <http://ebelia.iyres.gov.my/> dan juga pendaftaran manual melalui program-program anjuran IYRES dan KBS. Sehubungan dengan itu, semua belia warganegara Malaysia yang berumur 15 hingga 40 tahun adalah dipelawa untuk mendaftar. IYRES mengucapkan jutaan terima kasih kepada belia yang telah berdaftar dan mengalu-alukan agar maklumat pendaftaran tersebut dikemaskini dari semasa ke semasa.

Data yang telah didaftarkan secara sukarela oleh belia di dalam sistem ini dimanfaatkan oleh IYRES untuk menguar-uarkan secara terus pelbagai informasi berkaitan aktiviti atau program anjuran IYRES, KBS serta lain-lain agensi yang bekerjasama dengan IYRES. Belia akan mendapat maklumat tersebut dengan cepat dan tepat serta mempunyai lebih peluang untuk turut terlibat dalam aktiviti/program berkenaan. Selain itu, belia yang telah berdaftar di dalam sistem ini juga boleh memberi input dan pandangan berkaitan isu-isu pembangunan belia yang diselarasikan oleh IYRES melalui kajian-kajian yang dilaksanakan secara

atas talian menggunakan Sistem Online Survey IYRES. Pastinya input dan maklum balas golongan belia mengenai isu-isu pembangunan belia amat bermakna kepada pemegangtaruh pembangunan belia untuk merangka aktiviti/program yang menepati keperluan serta minat golongan muda.

Seterusnya, bagi menjayakan serta memastikan usaha memperkasakan belia selaras dengan matlamat Dasar Belia Malaysia (DBM) dan menjadikan belia sebagai penyumbang kepada pembangunan negara, maka IYRES juga menghasilkan instrumen pemantauan pembangunan belia. Antara signature produk IYRES adalah Indeks Belia Malaysia (IBM) yang telah mula dibangunkan sejak tahun 2006 sebagai satu tool bagi mengukur kualiti dan kesejahteraan hidup belia. Input dan dapatan daripada kajian IBM dilaporkan secara berkala dan dibincangkan juga secara berkala di dalam Technical Working Group yang dianggotai oleh lebih 171 orang focal point daripada pelbagai kementerian, agensi, badan berkanun, pihak swasta dan NGO. Gabungan dapatan kajian IBM ini bersama lain-lain data sekunder dimasukkan ke dalam Aplikasi Pemetaan Belia Malaysia. Selain daripada itu, dapatan kajian IBM ini juga dijadikan asas kepada pengumpulan input berkaitan program/aktiviti melibatkan belia yang dilaksanakan oleh pelbagai pemegang taruh. Maklumat program atau aktiviti berkenaan dilaporkan oleh setiap focal point mewakili pelbagai pemegang taruh di dalam sistem yang dinamakan e-MYInd.

Sistem e-MYInd (Sistem Elektronik Malaysian Youth Index) merupakan satu sistem yang dibangunkan oleh IYRES bagi merekod dan mengemaskini segala maklumat program dan inisiatif yang dilaksanakan merentas Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ NGO dan dijadikan input bagi memantau program-program belia dan sukan sekali gus menjadi mekanisme dalam mengukur tahap kualiti dan kesejahteraan hidup belia di Malaysia serta amalan budaya sukan rakyat Malaysia. Idea membangunkan sistem ini juga diperolehi berdasarkan konsep 'bank'. Setiap sumber yang berkaitan program atau aktiviti belia dan sukan dapat dirujuk atau diakses melalui satu platform melalui pendekatan bersepadu atau "Integrated Approach" merentasi agensi pelaksana pembangunan belia di Malaysia.

Para pemegang taruh dan focal point dapat mengenal pasti focus area pembangunan belia yang dilaksanakan secara merentas pelaksana serta input kepada pembentukan dan penambahbaikan kepada polisi, dasar, dan perancangan program pembangunan belia dan sukan. Selain itu, jumlah program pembangunan belia dan sukan di peringkat kementerian, agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) yang menyumbang kepada 12 domain dalam mengukur kualiti dan kesejahteraan hidup belia serta keterlibatan rakyat Malaysia dalam mengamalkan budaya sukan.

Sistem e-MYInd ini boleh diakses oleh ahli tetap focal point Technical Working Group (TWG) #MYindexbelia yang telah dilantik. Sistem ini boleh diakses melalui URL <http://emyind.iyres.gov.my>. Sistem ini diharapkan dapat memudahkan focal point untuk merangka, merancang dan melaksana program pembangunan belia dan sukan yang seterusnya dapat memperkasakan Indeks Belia Malaysia dan Indeks Budaya Sukan Malaysia dalam meningkatkan kualiti hidup belia dan keterlibatan rakyat Malaysia dalam membudayakan sukan.

IYRES Terus Melangkah

Maklumat dan data semakin hari semakin berkembang mengikut peredaran dan teknologi semasa. Ledakan maklumat yang memberi impak yang cukup drastik ini, perlu diuruskan dengan baik kerana ia merupakan komoditi baru yang memacu pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.

Dengan adanya inisiatif pelaksanaan Data Raya, ia memberi kesan yang menyeluruh, baik kepada individu, industri mahupun pihak pembuat dasar. Secara tidak langsung dapat membantu kerajaan dalam membuat keputusan berdasarkan ketersediaan data yang komprehensif daripada dalam dan luar agensi. Ia juga mewujudkan sistem penyampaian perkhidmatan yang responsif dan mengutamakan kepantasan bertindak bagi memenuhi kehendak rakyat.

IYRES sebagai focal point data belia telah diberi kepercayaan untuk bertindak dalam menyelaraskan keperluan data raya ini dengan melihat keperluan data yang lebih meluas di mana tidak hanya tertumpu kepada skop data statistik umur belia sahaja. Justeru itu, dalam perspektif pembangunan Data Raya, skop analisa mestilah lebih terperinci dan memberi fokus kepada perkara teras sesebuah kementerian. Penentuan kluster juga perlu lebih jelas dan betul-betul difahami supaya setiap statistik yang dijana lebih berguna dan boleh dipercayai. Data Raya KBS masih dalam fasa mengenal pasti skop analisa berdasarkan 6 kluster yang terlibat iaitu Belia, Sukan, Kemahiran, Persatuan, Kemudahan dan Perkhidmatan Sokongan, dengan jangkakan dilancarkan sepenuhnya pada tahun 2019. Data Raya yang dibangunkan ini merupakan antara tool yang terpenting dalam salah satu usaha merancang dan menjangkakan keperluan-keperluan sesebuah kementerian.

IYRES mengharapkan supaya pembangunan sistem dan penyediaan data-data belia ini dapat membantu belia, pemegang taruh pembangunan belia, serta masyarakat secara am ke arah penggunaan data yang berintegriti serta pembangunan belia yang holistik dan tersusun. Apa yang lebih penting lagi adalah sistem-sistem ini mampu mendokong ekosistem pendayaupayaan belia dalam menyerlahkan potensi dan karakter positif golongan ini yang akan menjadi pemimpin masa depan negara kita.

RUJUKAN

- Abdullah, D., Abdullah, M.Y., & Salleh, M.A.M. (2017). A Review On The Concept Of Fourth Industrial Revolution And The Government's Initiatives To Promote It Among Youths In Malaysia. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, December 2017, 1 - 8.
- Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. (2015). *Dasar Belia Malaysia*. Putrajaya
- Lin, M. & Dula, C. W. (2016). *Grab Taxi: Navigating new frontiers*. *Asian Management Insights* 3 (2), 40 - 45.
- Roblek, V., Mesko, M., & Krapez, A. (2016). *A Complex View of Industry 4.0*. *SAGE Open*, April - June 2016, 1 - 11.
- Vishal, K.K.J. (2017). Industrial Revolution 4.0. *Global Research and Development Journal for Engineering*, March 2017, 58 - 65.

Profil Penulis :

Siti Nurhidayah Ismail

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

Kementerian Belia dan Sukan

INDEKS BUDAYA SUKAN MALAYSIA 2018 MENGUKUR TAHAP BUDAYA SUKAN RAKYAT MALAYSIA

ZAINAH SHARIFF & MASTURA MOHAMAD

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan melaporkan tahap budaya sukan rakyat Malaysia yang diterjemahkan melalui penghasilan Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018. Indeks ini merupakan indeks pertama yang dibangunkan diperingkat nasional mahupun antarabangsa dan menjadi indeks tahun asas untuk dibandingkan dengan indeks semasa pada tahun-tahun akan datang. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan melalui borang soal selidik dengan melibatkan 8,007 orang responden di seluruh Malaysia yang berumur 13 tahun dan ke atas. Tempoh masa yang diambil untuk melaksanakan kajian ini adalah selama 11 bulan bermula Januari hingga November 2018. Sebanyak lima domain dan lapan indikator telah dibangunkan untuk mengukur tahap budaya sukan dalam kalangan rakyat Malaysia. Domain tersebut ialah Domain Penglibatan; Domain Kecintaan Sukan; Domain Kesukarelaan; Domain Perbelanjaan; dan Domain Fasiliti Sukan. Skala pengukuran bagi tahap budaya sukan telah dibangunkan iaitu Tiada Budaya Sukan (skor 0); Rendah Budaya Sukan (skor 1 hingga 49); Sederhana Budaya Sukan (skor 50 hingga 69); Tinggi Budaya Sukan (skor 70 hingga 84); dan Sangat Tinggi Budaya Sukan (skor 85 hingga 100). Pembentukan skor menggunakan julat skor 0 hingga 100 yang mana skor 100 merupakan skor maksimum. Kajian menunjukkan tahap budaya sukan rakyat Malaysia berada pada tahap Sederhana dengan skor 53.1. Ini menggambarkan perlunya usaha yang berterusan bagi menggalakkan rakyat melakukan aktiviti sukan, senaman dan rekreasi aktif di samping terlibat dalam aktiviti kecintaan sukan, kesukarelaan sukan, perbelanjaan, dan penggunaan fasiliti sukan.

Kata Kunci: *Indeks Budaya Sukan Malaysia, Budaya Sukan, Domain, Skala Pengukuran, Tahap Budaya Sukan*

ABSTRACT

This article is aimed at reporting the level of Malaysians sports culture translated through the development of Malaysia Sport Culture Index 2018. This index is the first index developed nationally and internationally and becomes the base year index to compare with current index. This study uses a survey method through a questionnaire involving 8,007 respondents who are Malaysians aged 13 years and above. The time taken for this study is 11 months, from January to November 2018. Five domains and eight indicators have been developed to measure the level of sports culture among Malaysians. The domains used for this index are Involvement; Sports Love; Volunteer; Spending; and Sports Facilities. Measurement scales for sports culture level that have been developed include No Sport Culture (score 0); Low Sport Culture (score 1 to 49); Moderate Sport Culture (50 to 69 score); High

Sports Culture (70 to 84 score); and Very High Sports Culture (85 to 100 score). The scoring uses a score range of 0 to 100, where score of 100 is the maximum score. Studies show that the level of Malaysian sports culture is at a moderate level with a score of 53.1. This illustrates the need for ongoing efforts to encourage people to engage in active sports, exercise and recreation as well as to engage in sports love activities, sports voluntarism, spending, and sports facilities.

Keywords: *Malaysian Sport Culture Index, Sport Culture, Domain, Scale*

PENGENALAN

Pada 28 Mac 2019, YB Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, Menteri Belia dan Sukan Malaysia telah melancarkan Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018 bertempat di Podium B, Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Pelancaran ini merupakan antara inisiatif yang dilaksanakan bagi menyebarkan hasil dapatan kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018 kepada penggubal polisi, pemegang taruh pembangunan sukan mahupun masyarakat umumnya akan kewujudan satu mekanisme yang dapat memantau pencapaian budaya sukan dinegara ini. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), mendapati sebelum ini masih tiada lagi indeks yang dibangunkan berhubung budaya sukan oleh mana-mana pihak diperingkat nasional mahupun antarabangsa. Selaras dengan itu, IYRES buat pertama kalinya pada tahun 2018 telah membangunkan indeks ini dan pelaksanaannya telah dibiayai sepenuhnya oleh pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Selain tiadanya mekanisme yang mengukur pencapaian budaya sukan di negara ini, indeks ini turut dibangunkan hasil susulan penyelidikan yang telah dilaksanakan IYRES pada tahun 2017. IYRES dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) telah melaksanakan Kajian Budaya Bersukan Rakyat Malaysia pada tahun 2017 untuk melihat sejauhmana penglibatan dan keaktifan rakyat Malaysia melakukan aktiviti sukan, senaman dan rekreasi aktif. Kajian ini mendapati seramai 59.8% rakyat Malaysia (3,650 orang daripada 6,107 responden) terlibat dalam aktiviti sukan, senaman dan rekreasi aktif sekurang-kurangnya sekali sebulan. Manakala selebihnya iaitu 40.2% (2,457 orang) tidak terlibat dalam apa-apa aktiviti sukan, senaman dan rekreasi aktif walaupun dalam tempoh sekali sebulan.

Berdasarkan dapatan kajian tersebut, didapati bahawa terdapat elemen-elemen lain yang menyokong rakyat Malaysia untuk melakukan aktiviti budaya bersukan. Antara elemen tersebut ialah aktiviti perbelanjaan yang dilaksanakan oleh rakyat Malaysia berkaitan dengan barangan dan perkhidmatan sukan serta fasiliti atau kemudahan yang digunakan untuk melakukan aktiviti budaya bersukan. Sehubungan itu, hasil kajian pada

tahun 2017 mengesyorkan agar diwujudkan satu mekanisme yang boleh mengukur budaya sukan rakyat Malaysia dan ianya dibangunkan untuk dijadikan benchmark dalam pencapaian budaya sukan di negara ini.

Antara lain turut didapati bahawa di peringkat antarabangsa, indeks yang telah dibangunkan adalah bagi mengukur penglibatan rakyat dalam aktiviti fizikal sepertimana yang dilaksanakan oleh Singapura melalui pembangunan Singapore Sport Index Participation Trends 2015. Berbeza dengan indeks tersebut, Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018 menggunakan ukuran komposit yang menyeluruh untuk menggambarkan budaya sukan di Malaysia melalui pembangunan lima domain dan lapan indikator.

Bagi memahami dengan lebih lanjut berhubung pembangunan Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018 (IYRES, 2018), terdapat dua perkara asas yang akan diperincikan untuk memudahkan pemahaman pembaca iaitu pertama (i) Definisi Budaya Sukan; kedua (ii) Kerangka Konseptual Kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018; dan ketiga (iii) Domain dan Indikator yang telah dibangunkan. Berikut merupakan huraian berhubung kedua-dua perkara tersebut.

Definisi Budaya Sukan

Dalam konteks kajian ini, Budaya Sukan didefinisikan sebagai aktiviti sukan, senaman dan rekreasi aktif telah menjadi gaya hidup serta wujudnya ekosistem budaya sukan (penglibatan, kecintaan sukan, kesukarelaan, perbelanjaan dan fasiliti). Ke semua elemen ini akan berintegrasi antara satu sama lain untuk membentuk budaya sukan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Semasa kajian indeks ini dilaksanakan, didapati terdapat pelbagai istilah digunakan yang merujuk kepada budaya sukan di Malaysia. Sehubungan itu, pengkaji telah mencadangkan agar istilah-istilah tersebut diterangkan secara terperinci bagi memudahkan pemahaman masyarakat disamping membezakan makna istilah tersebut. Salah satu istilah yang kerap digunakan ialah 'Pembudayaan Sukan'. Dalam kajian ini, Pembudayaan Sukan didefinisikan sebagai gerakan yang dilaksanakan bagi memupuk dan menggerakkan gaya hidup aktif melalui aktiviti sukan, senaman dan rekreasi aktif. Pembudayaan Sukan merupakan perkara yang paling asas perlu dilakukan sebelum wujudnya budaya bersukan. Manakala Budaya Bersukan merujuk kepada aktiviti sukan, senaman dan rekreasi aktif menjadi amalan dan rutin ke arah gaya hidup aktif, cergas dan bersaing dengan inisiatif sendiri. Ini bermakna aktiviti yang dilakukan digerakkan oleh diri sendiri tanpa sebarang paksaan.

Bagi Negara Sukan pula, mengikut definisi yang dibangunkan oleh

pengkaji, ia bermaksud Malaysia menjadi sebuah Negara Sukan (Sporting Nation) dimana masyarakat secara keseluruhannya telah mengamalkan Budaya Sukan seiring dengan ketersediaan ekosistemnya.

Kerangka Konseptual Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018

Rajah 1 memberi gambaran keseluruhan bagaimana indeks ini dibangunkan. Berdasarkan kepada tinjauan yang dilaksanakan, lima domain dan lapan indikator yang dibangunkan merujuk kepada Domain Penglibatan (Indikator Keterlibatan dan Indikator Keaktifan); Kecintaan Sukan (Indikator Attachment dan Indikator Dedikasi); Domain Kesukarelaan (Indikator Penajaan dan Indikator Khidmat Sukarela); Domain Perbelanjaan (Indikator Barangan dan Perkhidmatan); dan Domain Fasiliti (Indikator Ketersediaan, Kebolehcapaian, Keselamatan, Kesesuaian & Kefungsian). Kesemua domain dan indikator yang dibangunkan ini berkait rapat dengan pelaksanaan tiga aktiviti utama iaitu aktiviti sukan, senaman dan rekreasi aktif.

Faktor pendorong dan penghalang merupakan elemen tambahan yang menggerakkan usaha budaya sukan di Malaysia. Bagi impak kesejahteraan pula, ia merupakan kesan langsung atau tidak langsung melalui aktiviti budaya sukan yang dilaksanakan. Manakala bagi menyokong usaha budaya sukan rakyat Malaysia, ia memerlukan sokongan daripada 10 kumpulan pelaksana sepertimana yang dinyatakan di dalam Dasar Belia Malaysia 2015. Sokongan 10 kumpulan pelaksana seperti masyarakat, kepimpinan politik; media; kerajaan negeri; institusi pendidikan dan penyelidikan; syarikat berkaitan kerajaan dan swasta; Badan Bukan Kerajaan (NGO) sukan; Badan Bukan Kerajaan (NGO); Kementerian Belia dan Sukan serta agensi pelaksana; dan keluarga amat diperlukan bagi memastikan aktiviti budaya sukan terus dijadikan amalan dan rutin dalam kehidupan.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia

2018

Domain dan Indikator Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018

Pemilihan dan penggunaan domain serta indikator ini dibuat berdasarkan rujukan ke atas lain-lain kajian dan indeks yang berkaitan serta beberapa siri bengkel yang melibatkan golongan pakar dalam bidang pembangunan sukan. Antaranya melalui kajian *Sport England (2015)*, *Singapore Sports Index Participation Trends (2015)* dan berdasarkan dokumen-dokumen utama budaya sukan di Malaysia seperti Dasar Sukan Negara 2009, Rancangan Malaysia Ke-Sebelas 2016-2020 (RMKe-11) dan Pelan Strategik Kementerian Belia dan Sukan 2016-2020. Ia juga turut diselaraskan dengan data-data semasa berkaitan sukan di Malaysia dan luar negara. Domain dan indikator ini dibangun berdasarkan gaya hidup, amalan dan budaya rakyat Malaysia.

Bagi membangunkan domain dan indikator yang menyeluruh untuk mengukur budaya sukan di Malaysia, pilot test telah dilaksanakan ke atas 280 orang responden yang mewakili pelbagai etnik, jantina, kategori umur dan lokaliti. Hasil faktor analisis (CFA) pilot test ke atas lima domain dan 16 indikator yang dibangunkan, didapati hanya lima domain dan lapan indikator sahaja yang telah dikelompokkan merujuk 'Budaya Sukan' dalam konteks negara ini. Lima domain dan lapan indikator yang dikenalpasti adalah:

i. Domain Penglibatan:

Merujuk kepada skor penyertaan atau kesanggupan mengambil bahagian dalam aktiviti sukan, senaman atau rekreasi aktif. Terdapat dua (2) indikator dalam Domain Penglibatan iaitu keterlibatan dan keaktifan.

a) Keterlibatan

Merujuk kepada skor keterlibatan dalam melaksanakan aktiviti sukan, senaman atau rekreasi aktif sekurang-kurangnya satu kali sebulan dalam tempoh tiga (3) bulan secara berturut-turut.

b) Keaktifan

Merujuk kepada skor kekerapan melakukan aktiviti sukan, senaman dan rekreasi aktif

ii. Domain Kecintaan Sukan:

Merujuk kepada skor rasa cinta dan kesanggupan dalam melakukan perkara-perkara berkaitan sukan, senaman dan rekreasi aktif dalam tempoh tiga (3) bulan. Terdapat dua (2) indikator yang terdapat dalam Domain Kecintaan Sukan iaitu:

a) Attachment

Merujuk kepada skor rasa ikatan yang mendalam terhadap sukan dengan terlibat secara langsung dalam membaca, menulis serta mengemaskini status berkaitan sukan.

b) Dedikasi

Merujuk kepada skor kesanggupan yang mendalam dalam sukan seperti memperuntukan masa untuk mengikuti perkembangan sukan dan sanggup mengorbankan keselesaan bagi menonton acara sukan.

iii. Domain Kesukarelawanan:

Merujuk kepada skor kesukarelaan dalam aktiviti sukan, senaman, rekreasi aktif atau sukan dalam tempoh tiga (3) bulan. Terdapat dua (2) indikator yang terdapat dalam Domain Kesukarelaan iaitu:

a) Penajaan

Merujuk kepada skor keterlibatan bagi menaja aktiviti sukan, senaman dan rekreasi aktif

b) Khidmat Sukarela

Merujuk kepada skor keterlibatan dalam khidmat sukarela bagi aktiviti sukan, senaman dan rekreasi aktif

iv. Domain Perbelanjaan:

Merujuk kepada skor perbelanjaan untuk memperolehi barangan atau perkhidmatan berkaitan aktiviti sukan, senaman dan rekreasi aktif dalam tempoh setahun. Perbelanjaan bagi tujuan gaya hidup tidak diambil kira dalam pengiraan skor ini.

v. Domain Fasiliti:

Merujuk kepada skor ketersediaan, kebolehcapaian, keselamatan, kesesuaian dan kefungisian fasiliti sukan yang disediakan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan satu tools atau kayu pengukur bagi memantau dan menilai tahap budaya sukan rakyat Malaysia. Ia juga merupakan salah satu mekanisme atau benchmark yang dapat mengenalpasti sejauhmana perubahan pencapaian ke atas usaha pembudayaan sukan di negara ini. Peningkatan atau pengurangan skor indeks semasa berbanding tahun asas (Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018) menggambarkan perubahan kepada cara hidup dan amalan rakyat Malaysia dalam budaya sukan.

SOROTAN LITERATUR

Menerusi Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11), kerajaan telah mensasarkan 50% rakyatnya membudayakan sukan menjelang tahun 2020 dengan menjadikan aktiviti fizikal dan sukan sebagai sebahagian daripada gaya hidup. Sasaran ini ditetapkan untuk memastikan kesejahteraan hidup rakyat di samping mensasarkan Malaysia sebagai sebuah Negara Bersukan (Sporting Nation). Strategi yang digariskan ialah dengan menggalakkan penyertaan masyarakat dalam sukan massa di semua peringkat untuk membudayakan sukan. Di bawah Pelan Strategik Kementerian Belia dan Sukan 2016 hingga 2020, ada digariskan empat tindakan strategik bagi membudayakan sukan untuk kesejahteraan dan kesepaduan rakyat Malaysia. Antara bidang fokus yang menjadi keutamaan ialah untuk meningkatkan kesedaran, penyertaan dan aktiviti sukan massa bagi tujuan perpaduan dan gaya hidup. Selain itu, antara yang menjadi fokus ialah mengoptimumkan pengurusan dan penggunaan kemudahan/fasiliti sukan dan mempermudah akses untuk semua.

Selaras dengan itu, penglibatan merupakan antara perkara utama yang menjadi tunjang amalan budaya sukan dalam kalangan rakyat. Kajian Budaya Bersukan Rakyat Malaysia 2017 (IYRES,2017) mendapati seramai 59.8% rakyat Malaysia terlibat dalam melakukan aktiviti sukan, senaman dan rekreasi dan daripada jumlah tersebut hanya seramai 35.7% rakyat Malaysia melakukan aktiviti bersukan melebihi tiga kali seminggu (antara tiga hingga tujuh kali seminggu) dengan tempoh minimum sekurang-kurangnya 30 minit setiap sesi. Singapore Sports Index Participation Trends 2015, juga melihat kepada penglibatan dan keaktifan rakyatnya melakukan aktiviti sukan atau aktiviti fizikal rekreasi (recreational physical activity). Dapatan kajian tersebut mendapati, seramai 62% terlibat atau mengambil bahagian dalam tempoh empat minggu bagi melakukan aktiviti sukan atau aktiviti fizikal rekreasi.

Menurut Riebe. D *et. al* (2015) yang mengeluarkan laporan di bawah American College of Sports Medicine dan World Health Organisation (2018), aktiviti fizikal dan senaman berstruktur yang dilakukan secara kerap dan mencukupi daripada segi tempoh dan intensity, akan memberi pelbagai manfaat kesihatan termasuk merendahkan risiko penyakit kardiovaskular dan meningkatkan jangka hayat seseorang individu.

Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh *UN Inter-Agency Task Force On Sport for Development and Peace* (2005), dinyatakan bahawa sukan mempunyai kesan ke atas kesihatan; mengurangkan kebarangkalian mendapat banyak penyakit; sebagai tools yang berkesan untuk mobilisasi sosial; dan menyokong aktiviti kesihatan seperti pendidikan HIV / AIDS. Laporan tersebut turut menyatakan sukan boleh menjadi kuasa ekonomi yang penting, menyediakan peluang pekerjaan, menyumbang kepada pembangunan setempat serta menarik penglibatan sukarela.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif (survei) melalui borang soal selidik. Tempoh masa kajian adalah selama 11 bulan bermula Januari hingga November 2018.

Sampel Kajian

Pemilihan responden adalah melalui Kaedah Proportionate Random Sampling mengikut negeri. Berdasarkan adaptasi daripada formula Conchran Sample Size, minimum sampel kajian adalah seramai 6,400 orang untuk mewakili secara signifikan 25.95 juta rakyat Malaysia yang berumur 13 tahun ke atas pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, bagi memastikan jumlah sampel ini mencukupi maka borang soal selidik telah diedarkan dengan mengambil kira return rate $\pm 20\%$. Seramai 8,007 responden telah menjawab soal selidik yang diberikan dengan lengkap. Memandangkan sampel yang disasarkan bermula seawal umur 13 tahun, maka penglibatan yang diukur dalam budaya sukan adalah di luar waktu persekolahan/pembelajaran. Ini turut merujuk kepada pelajar di institusi pengajian tinggi. Pemilihan responden terdiri daripada pelbagai latar belakang iaitu terdiri daripada mereka yang berada dalam alam persekolahan, di institusi pengajian tinggi, mereka yang bekerja dan tidak bekerja serta masyarakat massa umumnya.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini diadaptasi dan disesuaikan berdasarkan kajian-kajian terdahulu yang menjadi rujukan. Antaranya dirujuk daripada Kajian Budaya Bersukan Rakyat Malaysia 2017 dan Singapore Sports Index Participation Trends 2015. Selain itu, kajian rintis telah dilaksanakan untuk memastikan instrumen yang digunakan mudah difahami dan relevan kepada responden. Terdapat 12 bahagian utama dalam borang soal selidik ini iaitu Bahagian A: Profil Demografi; Bahagian B: Penglibatan Dalam Aktiviti Sukan; Bahagian C: Penglibatan Dalam Aktiviti Senaman; Bahagian D: Penglibatan Dalam Aktiviti Rekreasi Aktif; Bahagian E: Penglibatan Dalam Aktiviti Sukan Minda; Bahagian F: Faktor Keterlibatan; Bahagian G: Faktor Ketidaklibatan; Bahagian H: Domain Perbelanjaan; Bahagian I: Domain Kecintaan Sukan; Bahagian J: Domain Kesukarelawan; Bahagian K: Domain Fasiliti; dan Bahagian L: Impak – Kesejahteraan. Instrumen yang dibangunkan mewakili setiap domain dan indikator.

Pengumpulan Data Kajian

Kajian ini menggunakan khidmat seramai 260 orang *IYRES Community Enumerator (ICE)* yang dilantik sebagai enumerator atau penemuduga dalam kalangan belia tempatan. Sesi taklimat *Training of Trainer (TOT)* telah diberikan oleh penyelidik IYRES dan pemantauan berkala telah

dilaksanakan oleh Pegawai Belia dan Sukan Negeri yang dilantik sebagai Pegawai Penyelaras Negeri. Setiap enumerator dibekalkan dengan Manual Pengumpulan Data bagi membantu proses pengumpulan maklumat. Soal selidik telah diedarkan dari rumah ke rumah di lokasi yang ditentukan mewakili pecahan sampel mengikut etnik; lokaliti bandar dan luar bandar; lokasi perumahan seperti perumahan setinggan, flat, berkembar, teres, rumah mewah, rumah kampung; jantina; dan kategori umur. Proses pengumpulan data telah mengambil masa selama 2 hingga 4 minggu bagi setiap negeri bermula pada Julai hingga Ogos 2018.

Pembentukan Skor Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018

Proses analisa data telah dilaksanakan dengan cara pembentukan skor. Skor Indeks diperolehi dengan menjumlahkan skor bagi setiap domain beserta dengan pemberatnya (weightage). Manakala skor bagi setiap domain diperolehi dengan menjumlahkan skor indikator di dalam domain tersebut beserta pemberatnya. Pemberat ini adalah berbeza mengikut kepentingannya dan telah ditetapkan melalui pelbagai platform bersama pakar rujuk pembangunan sukan dan pakar statistik. Skor Indeks Budaya Sukan Malaysia menggunakan julat skor 0 hingga 100 yang mana skor 100 merupakan skor maksimum. Berikut merupakan formula yang digunakan untuk mengira skor tersebut:

KIRAAN INDEKS MENGIKUT DOMAIN

$$\text{Indeks} = \frac{M - 1}{S_T - S_R} \times 100$$

Yang merujuk kepada:

- M Skor min
- S_T Nilai skala tertinggi
- S_R Nilai skala terendah

Pengiraan indeks bagi setiap domain dibuat dengan mengambil kira skor min domain dan nilai skala yang digunakan.

KIRAAN INDEKS KESELURUHAN

$$\text{Indeks Budaya Sukan} = \frac{\sum (In * Pb)}{\sum Pb}$$

Yang merujuk kepada:

- In Indeks Domain
- Pb Pemberat

Contoh Kiraan:

$$\begin{aligned} \text{Indeks Budaya Sukan} &= \frac{(53.0 * 0.6 + 50.0 * 0.1 + 50.4 * 0.1 + 51.0 * 0.1 + 59.0 * 0.1)}{(1)} \\ &= \frac{52.84}{1} \\ &= 52.8 \end{aligned}$$


Skala pada Rajah 2 menunjukkan kategori tahap nilai skor bagi indeks yang dibangunkan ini.



Rajah 2: Skala Indeks Budaya Sukan Malaysia

DAPATAN

Secara keseluruhannya, skor Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018 berada pada tahap sederhana dengan nilai skor 53.1. Nilai skor indeks yang mewakili lima domain dan lapan indikator ini menunjukkan budaya sukan telah wujud dalam kalangan masyarakat. Walau bagaimanapun, budaya sukan ini perlu dipertingkatkan selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Sukan menjelang tahun 2020.



Rajah 3: Skor Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018

Daripada lima domain yang mengukur budaya sukan rakyat Malaysia, hanya satu sahaja domain yang berada di tahap sederhana iaitu Domain Penglibatan. Domain ini memperoleh skor 62.5 yang menggambarkan rakyat Malaysia terlibat melakukan aktiviti sukan, senaman dan rekreasi aktif sekurang-kurangnya sekali sebulan dengan mengambil kira kekerapan mereka melakukan aktiviti tersebut secara purata. Terdapat dua indikator di bawah domain ini iaitu Indikator Keterlibatan memperoleh skor 69.6 dan skor Indikator Keaktifan memperoleh skor 51.7.

Manakala domain-domain lain berada pada tahap rendah. Domain Kecintaan Sukan memperoleh skor 42.0. Ini menggambarkan rasa cinta dan kesanggupan dalam melakukan perkara-perkara yang berkaitan sukan, senaman dan rekreasi aktif masih belum sebatik dalam diri rakyat Malaysia. Terdapat dua indikator di bawah domain ini iaitu Indikator Attachment dengan nilai skor 36.6 dan Indikator Dedikasi dengan nilai skor 47.3. Domain Kesukarelaan pula memperoleh skor 34.2. Daripada ke semua domain, domain ini yang berada pada tahap yang paling bawah. Dua indikator yang berada di bawah domain ini ialah Indikator Penajaan dengan nilai skor 32.4 dan Indikator Khidmat Sukarela dengan nilai skor 35.9. Bagi Domain Perbelanjaan, nilai skor yang diperolehi ialah 42.3. Skor perbelanjaan ini adalah melibatkan pembelian barangan dan perkhidmatan sukan dalam tempoh satu tahun. Manakala Domain Fasiliti memperoleh skor 38.2. Domain fasiliti diukur berdasarkan ketersediaan, kebolehcapaian, keselamatan, kesesuaian dan kefungsiannya fasiliti sukan yang disediakan untuk masyarakat terlibat dalam aktiviti sukan, senaman

dan rekreasi aktif.

PERBINCANGAN

Tiada perbandingan khusus berhubung dapatan skor indeks dapat dilaksanakan memandangkan Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018 merupakan indeks pertama yang dibangunkan diperingkat nasional mahupun antarabangsa. Di peringkat antarabangsa, pengukuran yang dilaksanakan adalah merujuk kepada penglibatan dan keaktifan dalam melakukan aktiviti fizikal yang juga merangkumi aktiviti sukan serta senaman. Misalnya yang dilaksanakan oleh Singapura melalui Sports Index Participation Trends 2015. Manakala Sport England tidak melaksanakan indeks khusus, namun melaksanakan kajian Active Lives Survey secara berkala iaitu ke atas penglibatan dan keaktifan berhubung aktiviti fizikal.

Dapatan kajian yang menunjukkan skor indeks berada pada tahap sederhana memerlukan lebih banyak komitmen dan usaha bersepadu dilaksanakan bagi meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan kesanggupan rakyat untuk sama-sama dalam menjadikan amalan sukan, senaman dan rekreasi aktif sebagai gaya hidup. Usaha ini adalah selaras dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Sukan dimana masyarakat secara keseluruhannya telah mengamalkan budaya sukan seiring dengan ketersediaan ekosistemnya seperti fasiliti dan sebagainya.

Bagi skor mengikut domain, Domain Penglibatan yang berada di tahap sederhana menunjukkan domain ini lebih baik berbanding domain yang lain. Penglibatan yang melibatkan dua indikator iaitu Indikator Keterlibatan dan Indikator Keaktifan. Dapatan kajian mendapati rakyat Malaysia sederhana terlibat (skor 69.6) dalam melakukan aktiviti sukan, senaman dan rekreasi aktif iaitu sekurang-kurangnya satu kali sebulan dalam tempoh tiga bulan berturut-turut. Jika dilihat daripada dapatan skor indeks Singapore berhubung penglibatan, didapati bahawa 62% responden terlibat dalam aktiviti sukan atau aktiviti fizikal rekreasi. Ini menggambarkan, walau pun menggunakan pengukuran yang berbeza (skor dan peratus) namun nilai yang diperolehi tidak jauh berbeza.

Bagi Indikator Keaktifan didapati secara purata rakyat Malaysia berada di tahap sederhana (skor 51.7) dengan mengambil kira kekerapan bermula daripada kategori tidak aktif (kurang 30 minit setiap sesi), sederhana aktif (1 hingga 2 kali seminggu, minima 30 minit setiap sesi), aktif (3 hingga 4 kali seminggu, minima 30 minit setiap sesi) dan sangat aktif (sekurang-kurangnya 5 kali seminggu, minima 30 minit setiap sesi). Bagi memastikan budaya sukan dijadikan amalan hidup rakyat Malaysia, melalui kajian ini adalah disarankan agar aktiviti sukan, senaman dan rekreasi aktif dilakukan sekurang-kurangnya lima kali seminggu dengan

30 minit setiap sesi. Saranan ini juga adalah selaras dengan saranan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi pelaksanaan aktiviti fizikal.

Domain Kecintaan Sukan yang berada pada tahap rendah (skor 42.0) menunjukkan kepada rasa cinta dan kesanggupan rakyat Malaysia dalam melakukan perkara-perkara berkaitan sukan, senaman dan rekreasi aktif masih rendah. Domain ini yang menggambarkan rasa ikatan terhadap sukan seperti membaca, menulis, mengemaskini status dalam media sosial, sanggup beratur panjang untuk membeli tiket, menyimpan cenderemata sukan, sanggup mengambil cuti untuk menonton acara sukan, sanggup berjaga malam menonton acara sukan, ketidakselesaan tidak menghalang untuk menonton acara sukan dan sebagainya.

Domain Kesukarelaan turut menggambarkan keterlibatan rakyat dalam melakukan aktiviti sukarela seperti terlibat dalam menaja aktiviti sukan serta terlibat dalam khidmat sukarela masih rendah. Keterlibatan yang rendah dalam kerja sukarela sukan mungkin disebabkan kurangnya pengetahuan dan masa untuk melakukan aktiviti tersebut. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh oleh Sport and Recreation New Zealand (2008) menyatakan bahawa walaupun tahap kepuasan tinggi dalam aktiviti sukarela, namun lebih satu pertiga daripada sukarelawan sukan menganggap mereka telah meninggalkan peranan utama mereka dalam tempoh 12 bulan yang lalu. Laporan itu turut menyatakan, kebiasaannya alasan yang diberikan termasuk komitmen masa dan kerja, keluarga dan sebagainya.

Domain Perbelanjaan yang berada pada tahap rendah menunjukkan bahawa masih kurang perbelanjaan yang dilaksanakan ke atas barangan dan perkhidmatan sukan. Bagi menggalakkan penyertaan dalam melakukan aktiviti sukan bagi kalangan rakyat Malaysia, sudah semestinya perbelanjaan merupakan antara faktor penting yang diperlukan. Nilai perbelanjaan tersebut tidak penting, namun berbelanja untuk tujuan tersebut secara tidak langsung dapat memupuk budaya sukan dalam kalangan rakyat.

Domain Fasiliti yang juga memperolehi skor di tahap rendah menunjukkan pandangan masyarakat terhadap kemudahan dari aspek ketersediaan, kebolehcapaian, keselamatan, kesesuaian dan kefungisian fasiliti sukan yang disediakan masih kurang memuaskan. Dapatan kajian kes yang dilaksanakan oleh Maassoumeh Barghchi, Dasimah dan Mohd Salleh Aman (2010) untuk melihat keberkesanan dan manfaat kemudahan sukan di Kuala Lumpur melalui persepsi penduduk menunjukkan bahawa, sebanyak 31.2 peratus daripada responden menyatakan berpuashati terhadap kemudahan sukan sedia ada.

IMPLIKASI

Usaha membudayakan sukan dalam kalangan rakyat telah lama dilaksanakan. Dasar Sukan Negara dan Pelan Strategik Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menjadi panduan kepada KBS untuk meningkatkan budaya sukan di Malaysia. Walau bagaimanapun, usaha yang dilaksanakan ini sukar untuk diukur pencapaiannya memandangkan tiada kajian komprehensif sebelum ini dilaksanakan berkaitan budaya sukan. Kajian yang dilaksanakan pada tahun-tahun terdahulu lebih memfokuskan kepada penglibatan dan keaktifan rakyat dalam melakukan aktiviti sukan, senaman dan rekreasi aktif.

Melalui pembangunan indeks ini pemantauan ke atas budaya sukan dapat dilaksanakan. Oleh itu, Indeks Budaya Sukan Malaysia wajar dilaksanakan secara berkala sebagai mekanisma bagi mengukur dan melaporkan trend amalan Budaya Sukan dalam kalangan rakyat Malaysia. Ianya secara tidak langsung akan menjadi panduan kepada semua pemegang taruh dalam merancang dan merencanakan program pembudayaan sukan khususnya yang bermula diperingkat setempat dan berasaskan komuniti.

Selain itu, kerjasama bersepadu perlu dimantapkan bagi memastikan budaya sukan diamalkan secara konsisten dalam kehidupan rakyat. Melalui pelaksanaan Technical Working Group (TWG) yang menggunakan pendekatan Wide Government Approach akan membantu semua pihak terlibat mencari ruang untuk menambahbaik program-program serta mempergiatkan aktiviti untuk meningkatkan penyertaan rakyat dalam sukan.

RUMUSAN

Pelaksanaan Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018 sebagai indeks tahun asas dapat memberikan gambaran menyeluruh status budaya sukan dinegara ini atau dengan kata lain sebagai penanda aras (benchmark) dalam mengukur pencapaian budaya sukan. Indeks ini akan dibandingkan dengan indeks-indeks tahun semasa sepertimana yang sedang dilaksanakan oleh IYRES pada tahun ini. Kewujudan indeks ini sendirinya akan memberi panduan kepada semua pemegang taruh pembangunan sukan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan kualiti budaya sukan dengan cara meningkatkan prestasi pencapaian skor indikator dan domain indeks ini.

Semoga sebarang perubahan yang ditunjukkan melalui dapatan kajian akan membantu semua pihak memfokuskan kepada usaha untuk meningkatkan nilai indikator dan seterusnya nilai indeks itu sendiri. Indeks Budaya Sukan Malaysia 2019 yang sedang dilaksanakan oleh pihak IYRES merupakan indeks tahun semasa untuk dibandingkan dengan indeks tahun

asas. Semoga skor indeks ini terus meningkat setiap tahun agar budaya sukan menjadi amalan rutin rakyat Malaysia.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi; pakar rujuk kajian; ex-officio daripada Jabatan Belia dan Sukan Negara; Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik KBS; Institut Sukan Negara (ISN); pegawai penyelaras; enumerator; responden kajian dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Kementerian Belia dan Sukan Malaysia . (2009). Dasar Sukan Negara. Putrajaya
- Geoff Nichols, Caroline Knight, Helen Mirfin-Boukouris, Cumali Uri, Eddy Hogg & Ryan Storr. (2016). Motivations of Sport Volunteers in England: A review for Sport England. Sport England
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (2018). Facts & Figures Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Putrajaya.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (2017). Kajian Budaya Bersukan dalam Kalangan Rakyat Malaysia. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Putrajaya.
- Maassoumeh Barghchi, Dasimah bt Omar & Mohd Salleh Aman. (2010). Sports Facilities Development Towards Sustainable Community: A Case Study Of Kuala Lumpur http://eprints.um.edu.my/11288/1/SPORTS_FACILITIES_DEVELOPMENT_TOWARDS.pdf
- Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. (2016). Pelan Strategik Kementerian Belia dan Sukan 2016-2020. Putrajaya
- Rancangan Malaysia Ke Sebelas 2016-2020 (RMKe-11). (2015). Unit Perancang Ekonomi. Jabatan Perdana Menteri. Percetakan Nasional Berhad.
- Riebe.D et.al. (2015). Updating ACSM's Recommendations for Exercise Preparticipation Health Screening. Official Journal of the American College of Sports Medicine.

Sport England. (2015). Active Lives Survey 2015-2016 Year 1 Report. United Kingdom.

Sport Singapore. (2015). Sports Index Participation Trends 2015. Market Insights & Consumer Analytics. Singapore.

Sport & Recreation New Zealand (Sparc). (2008). Volunteers: the heart of sport: The experiences and motivations of sports volunteers (2008). https://www.sportbop.co.nz/downloads/6.2.Volunteers_Heart_of_sport_experiences_motivations.pdf.

UN Inter-Agency Task Force On Sport for Development and Peace. (2005). Sport as a Tool for Development and Peace: Towards Achieving the United Nations Millennium Development Goals. https://www.un.org/sport2005/resources/task_force.pdf

World Health Organisation (2018). Global Action Plan On Physical Activity 2018-2030: More Active People For Healthier World.

Profil Penulis:

Zainah Shariff, Ph.D

Ketua Pegawai Eksekutif

Institusi Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

drzainah@iyres.gov.my

Mastura Mohamad

Eksekutif Penyelidik Kanan

Institusi Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

mastura@iyres.gov.my

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI BELIA UNTUK TERLIBAT
DALAM MASALAH SOSIAL: KAJIAN KES DALAM KALANGAN
PELAJAR INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN BELIA DAN SUKAN
(ILKBS)**

FARHAN MAT ARISAH

ABSTRAK

Penglibatan pelajar dalam masalah sosial bukanlah merupakan isu yang baru di Malaysia. Sekiranya penglibatan pelajar ini tidak dibendung, maka terdapat kecenderungan untuk terlibat dengan tingkah laku berisiko sehingga membawa kepada perlakuan jenayah. Salah satu objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti penglibatan pelajar Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) dalam masalah sosial dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Selain itu, kajian juga bertujuan meneliti perbezaan lima masalah sosial utama dengan tempat pengajian. Kajian ini telah dijalankan di 21 buah ILKBS di seluruh Malaysia dengan jumlah sampel yang disasarkan adalah seramai 3,093 orang pelajar yang mengikuti pengajian di ILKBS bagi pengambilan tahun 2017 dan 2018. Dari segi penglibatan dalam masalah sosial pula, didapati bahawa merokok (28.7%), lumba haram (9.4%) dan melayari laman web lucah (8.4%) merupakan aktiviti utama yang dilakukan oleh pelajar. Hasil analisis cross tabulation menunjukkan responden dari Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Seri Iskandar mencatatkan peratusan tertinggi bagi aktiviti merokok dan clubbing manakala responden dari Institut Kemahiran Belia Tinggi Negara (IKTBN) Dusun Tua mencatatkan peratusan tinggi bagi aktiviti melayari laman web lucah. Seterusnya responden dari Akademi Kemahiran Belia Golf merekodkan peratusan tinggi bagi aktiviti lumba haram dan ponteng kelas. Dapatan kajian turut menunjukkan lima faktor yang mendorong pelajar terlibat dalam masalah sosial tersebut adalah disebabkan oleh faktor ingin mencuba (47.4%), pengaruh rakan (42.3%) dan melepaskan geram (28.0%). Justeru, pendekatan bersepadu melibatkan pihak pengurusan dan pelajar pastinya dapat membantu mengawal masalah sosial tersebut dari terus meningkat.

Kata Kunci: *Penglibatan dalam masalah sosial, faktor mempengaruhi*

ABSTRACT

Student engagement in social issues is not new in Malaysia. If the involvement of students is not contained, then there is a tendency for them to engage in risky behaviors resulting in criminal acts. One of the objectives of this study was to identify the involvement of Youth and Sports Skills Training (ILKBS) students in social issues and their influencing factors. In addition, the study also seeks to examine the differences in the five major social problems with the place of study. This study was conducted in 21 ILKBS across Malaysia with the sample size of 3,093 students pursuing ILKBS for the 2017 and 2018 intake. In terms of involvement

in social problems, it was found that smoking (28.7%), racing illegal (9.4%) and browsing porn websites (8.4%) are the main activities performed by students. The cross tabulation analysis showed that respondents from the National Youth Skills Institute (IKBN) Seri Iskandar recorded the highest percentage of smoking and clubbing activities while respondents from the National Higher Youth Skills Institute (IKTBN) Dusun Tua recorded a high percentage of pornographic browsing activities. Then respondents from the Golf Belt Academy recorded a high percentage of illegal racing and truancy activities. The findings also show that five factors that motivate students to get involved in social problems are caused by the willingness to try (47.4%), the influence of partners (42.3%) and the discharge of anger (28.0%). Hence, an integrated approach involving management and students will certainly help to control the social problems from rising.

Keywords: *Engagement in social issues, influencing factors*

PENGENALAN

Pembangunan kemahiran belia di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) terutamanya melalui Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) adalah penting dalam menyokong agenda nasional seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Di bawah RMKe-11 dianggarkan sebanyak 60.0 peratus daripada 1.5 juta pekerjaan yang bakal diwujudkan dijangka memerlukan kelayakan berkaitan pendidikan serta latihan teknikal dan vokasional (TVET). Berdasarkan Teras Strategik: Pembangunan Kemahiran Berlandaskan Transformasi Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), KBS terus komited dalam menyumbang kepada usaha memenuhi keperluan tenaga kerja tersebut, dengan membekalkan graduan TVET yang bukan sahaja berkualiti tinggi, tetapi juga sesuai dengan kehendak industri serta pasaran semasa (Pelan Strategik Kementerian Belia dan Sukan, 2016-2020).

Selaras dengan penekanan kerajaan terhadap pendidikan teknikal dan vokasional (TVET), pelaksanaan Transformasi ILKBS 2017-2020 dilihat signifikan dalam menggerakkan hala tuju bidang pembangunan kemahiran belia di Malaysia. Bidang-bidang kemahiran yang ditawarkan melalui ILKBS pada hari ini adalah bagi memenuhi keperluan industri negara bagi melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi, berpengetahuan, berinovasi dan mampu menghadapi saingan pada peringkat global dan serantau serta sentiasa relevan dengan keperluan semasa.

Justeru, penyerlahan potensi belia terutama dalam kalangan pelajar ILKBS dilihat penting ke arah masa depan pembangunan belia yang lebih positif. Berdasarkan cabaran yang sedang dan akan dihadapi oleh para belia pada masa kini, terdapat keperluan untuk mengenal pasti penglibatan pelajar ILKBS dalam masalah sosial. Ini kerana penglibatan golongan ini

akan memberi banyak kesan negatif kepada institusi keluarga, tempat pengajian, masyarakat dan negara. Oleh itu, berdasarkan perkembangan semasa, kajian ini bertujuan mengenal pasti penglibatan pelajar ILKBS dalam masalah sosial dan faktor-faktor yang mempengaruhinya

SOROTAN LITERATUR

Penglibatan pelajar dalam masalah sosial merupakan suatu isu yang tidak boleh dipandang remeh. Hal ini kerana apabila pelajar terlibat dalam masalah sosial, maka akan memberi kesan kepada pelbagai pihak. Menurut Zainudin dan Norazmah (2011), masalah sosial adalah sesuatu yang merangkumi pelbagai tingkah laku negatif di dalam anggota masyarakat yang tidak memberikan faedah kepada kekuatan sistem dan struktur ekonomi yang diamalkan oleh masyarakat, komuniti mahupun negara.

Tingkah laku devian pula membawa maksud tingkah laku yang berlawanan dengan norma-norma masyarakat dan tidak bermoral (Azizi & Badruzaman, 2006) serta tidak memberi faedah kepada kekuatan sistem dan struktur ekonomi yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat mahupun negara (Zainudin dan Norazmah, 2011). Menurut Siti Sarawati, Fauziah, Shamsaad, Zahrul, Shahidah, Harliana, Md Akbal dan Ku Hasnan (2017), antara contoh tingkah laku devian adalah seperti ponteng sekolah, melawan guru, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, ketagihan arak, ketagihan dadah dan pelbagai gejala sosial.

Menurut Abd. Rahim (2006), penglibatan remaja dalam pelbagai masalah sosial berpunca daripada beberapa faktor, antaranya faktor dalaman diri remaja itu sendiri dari aspek perkembangan personaliti, kegagalan fungsi institusi keluarga dan pengaruh rakan sebaya serta pengaruh persekitaran di sekolah (Zainal dan Sharani, 2004).

Teori Pembelajaran Sosial oleh Albert Bandura (1977) telah dirujuk bagi menghuraikan fenomena ini. Teori Pembelajaran Sosial didefinisikan sebagai pembelajaran yang berlaku dengan memerhati orang lain melakukan sesuatu atau menjadikan seseorang sebagai model tingkah laku. Melalui pergaulan di institusi, pelajar cenderung untuk meniru sesuatu tingkah laku seterusnya menjadikannya sebagai tingkah laku yang perlu diamalkan. Terdapat kajian yang membuktikan hubungan dengan rakan sebaya memberikan lebih banyak pengaruh negatif, devian dan juga tindakan yang agresif berbanding pengaruh positif (Zahrt dan Lange, 2011).

Masalah sosial dalam kalangan pelajar tidak pernah selesai sejak dahulu lagi, malah semakin meningkat sejak kebelakangan ini. Oleh itu,

segala masalah sosial yang dihadapi oleh para remaja harus dibendung dan diatasi supaya tidak terus mewujudkan ancaman besar terhadap pembangunan sahsiah dan potensi diri individu. Masalah ini bukan merupakan perkara kecil dan jika tidak ditangani akan memberi impak yang besar kepada negara pada masa depan.

METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini menggariskan metodologi penyelidikan yang digunakan. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan kaji selidik. Bahagian ini akan membincangkan instrumen penyelidikan, tatacara persampelan dan pengumpulan data.

Instrumen Penyelidikan

Instrumen penyelidikan bagi kajian ini merupakan soal selidik terdiri daripada dua bahagian, iaitu: Bahagian 1 mengukur ciri-ciri sosio demografi responden. Antara ciri-ciri yang diukur ialah umur, jantina, etnik, agama, tempat pengajian, bidang dan tahap pengajian. Dalam Bahagian 2, soalan berbentuk tertutup (*closed-ended*) diberikan. Responden telah ditanya mengenai 10 aktiviti sosial yang pernah dilakukan dan diukur menggunakan 5 tahap, iaitu (0 = tidak pernah, 1 = sangat tidak kerap, 2 = tidak kerap, 3 = kerap dan 4 = sangat kerap). Jawapan responden kemudiannya telah disusun mengikut turutan dengan mencampurkan skala kerap dan sangat kerap bagi mengenal pasti aktiviti sosial utama yang dilakukan oleh responden. Seterusnya, responden turut ditanya mengenai faktor-faktor yang mendorong mereka melakukan aktiviti tersebut. Sebanyak 13 faktor telah dikemukakan dan responden boleh menanda lebih daripada satu faktor.

Seterusnya pra-ujian telah dijalankan dalam kalangan 32 orang pelajar di Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Sepang yang bertujuan untuk melihat kefahaman responden terhadap soalan-soalan yang ditanya dan menguji kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik yang telah dibangunkan. Kebolehpercayaan dalam sesuatu penyelidikan merujuk kepada keupayaan suatu kajian untuk memperoleh nilai yang serupa apabila pengukuran yang sama diulang. Hasil analisis mendapati bahawa nilai Cronbach's Alpha (α) yang diperolehi adalah 0.880. Berdasarkan ujian kebolehpercayaan yang telah dijalankan, didapati bahawa instrumen yang digunakan telah memenuhi piawaian dan kesahan serta dapat digunakan untuk mengukur angkubah kajian. Ini bertepatan dengan Pallant (2005) yang menyatakan nilai kebolehpercayaan item yang baik mestilah melebihi nilai alpha 0.60

Tatacara Persampelan dan Pengumpulan Data

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan dana yang diperuntukkan oleh

Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia, Kementerian Belia dan Sukan. Kajian telah melibatkan sebanyak 21 buah ILKBS di seluruh Malaysia dengan bilangan sampel terdiri daripada 3,093 pelajar. Pemilihan sampel adalah secara bertujuan melibatkan pelajar yang mengikuti pengajian di ILKBS bagi pengambilan tahun 2017 dan 2018. Walau bagaimanapun, bilangan responden bagi setiap ILKBS adalah berbeza bergantung kepada bilangan pelajar semasa di ILKBS berkenaan. Oleh yang demikian, sejumlah 3150 borang soal selidik telah diedarkan ke 21 buah ILKBS melalui kunjungan sendiri penyelidik. Borang yang telah lengkap diisi, disemak terlebih dahulu dan sekiranya terdapat item yang tidak lengkap, responden diminta untuk melengkapkan item tersebut. Seterusnya data yang diperolehi, dianalisis secara deskriptif bagi mendapatkan frekuensi dan peratus. Analisis cross tabulation juga digunakan untuk membuat perbandingan di antara aktiviti sosial dengan tempat pengajian

HASIL KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan majoriti responden berumur 19-24 tahun, iaitu seramai 2842 orang (91.9%), diikuti 225 orang (7.3%) berada dalam lingkungan umur ≤ 18 tahun dan hanya 25 orang (0.8%) berumur melebihi 25 tahun. Seramai 2473 orang (80.0%) terdiri daripada responden lelaki dan selebihnya adalah responden perempuan (20.0%). Manakala bagi kumpulan etnik, responden Melayu adalah paling tinggi, iaitu dengan 2572 orang (83.52%), 143 orang (4.6%) mewakili etnik India, 173 orang (5.6%) adalah daripada etnik Bumiputera Sabah, 134 orang (4.3%) daripada Bumiputera Sarawak dan hanya 35 orang (1.1%) responden mewakili etnik Cina. Dapatan juga menunjukkan majoriti responden adalah beragama Islam, iaitu seramai 2737 orang (88.5%), 196 orang (6.3%) beragama Kristian, 136 orang (4.4%) beragama Hindu, 18 orang (0.6%) beragama Buddha dan sebilangan kecil, iaitu seramai 6 orang (0.2%) mewakili lain-lain agama.

Bilangan responden paling ramai adalah dari IKTBN Bachok dengan 239 orang (7.7%), 223 orang (7.2%) dari IKTBN Bukit Mertajam, 221 orang (7.1%) dari IKBN Jitra dan 215 orang (7.0%) dari IKBN Kinarut. Bagi bidang pengajian pula, seramai 678 orang (21.9%) mengikuti pengajian dalam bidang teknologi mekanikal, 590 orang (19.1%) dalam bidang teknologi automotif, 546 orang (17.7%) dalam bidang teknologi hospitaliti dan 501 orang (16.2%) dalam bidang teknologi elektrik. Seterusnya, seramai 1102 orang (35.6%) merupakan pelajar bagi Sijil Kemahiran Tahap 3 (SKM 3), 765 orang (24.7%) adalah pelajar bagi Sijil Kemahiran Tahap 2 (SKM 2), 564 orang (18.2%) merupakan pelajar bagi Sijil Kemahiran Tahap 1 (SKM 1), 480 orang (15.5%) adalah pelajar bagi Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), 147 orang (4.8%) adalah lain-lain tahap pengajian manakala hanya 35 orang (1.1%) adalah pelajar bagi

Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM).

Jadual 1: Latar Belakang Responden dalam Kalangan Pelajar

Angkubah	Bilangan	Peratus
Kategori umur		
≤ 18 tahun	225	7.3
19-24 tahun	2842	91.9
≥ 25 tahun	25	0.8
Jantina		
Lelaki	2473	80.0
Perempuan	620	20.0
Etnik		
Melayu	2572	83.2
Cina	35	1.1
India	143	4.6
Bumiputera Sarawak	134	4.3
Bumiputera Sabah	173	5.6
Agama		
Islam	2737	88.5
Kristian	196	6.3
Hindu	136	4.4
Buddha	18	.6
Lain-Lain	6	.2
Tempat pengajian		
IKTBN Dusun Tua	213	6.9
IKTBN Sepang	119	3.8
IKTBN Alor Gajah	100	3.2
IKTBN Chembong	134	4.3
IKTBN Bachok	239	7.7
IKTBN Temerloh	63	2.0
IKTBN Pagoh	188	6.1
IKTBN Bukit Mertajam	223	7.2
IKBN Wakaf Tapai	135	4.4
IKBN Jitra	221	7.1
IKBN Seri Iskandar	99	3.2
IKBN Miri	171	5.5
IKBN Peretak	204	6.6
IKBN Kuala Perlis	160	5.2
IKBN Kinarut	215	7.0
IKBN Bandar Penawar	116	3.8
IKBN Kemasik	101	3.3

IKBN Naka	114	3.7
IKBN Kuala Langat	132	4.3
IKBN Pekan	123	4.0
AKBG	22	.7
Bidang Pengajian		
Teknologi Mekanikal	678	21.9
Teknologi Awam	204	6.6
Teknologi Elektrik	501	16.2
Teknologi Tekstil	194	6.3
Teknologi Elektronik	173	5.6
Teknologi Automotif	590	19.1
Teknologi Hospitaliti	546	17.7
Teknologi Maklumat	67	2.2
Teknologi Personal	60	1.9
Teknologi Marin	20	.6
Teknologi Sukan	50	1.6
Teknologi Fotografi	7	.2
Minyak Dan Gas	3	.1
Tahap pengajian		
Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 (SKM 1)	564	18.2
Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 (SKM 2)	765	24.7
Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 (SKM 3)	1102	35.6
Diploma Kemahiran Malaysia (DKM)	480	15.5
Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM)	35	1.1
Lain-lain	147	4.8

Penglibatan dalam Aktiviti Sosial

Jadual 2 menunjukkan penglibatan responden dalam aktiviti sosial. Hasil kajian menunjukkan lima aktiviti sosial utama dalam kalangan responden adalah merokok (28.7%), lumba haram (9.4%), melayari laman web lucah (8.4%), ponteng kelas (7.4%) dan clubbing (6.5%). Penglibatan pelajar dalam pelbagai masalah sosial kian berleluasa bermula daripada kes-kes disiplin di sekolah, seterusnya boleh membawa kepada perlakuan jenayah. Satu Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2017 merekodkan 1 daripada 10 rakyat Malaysia berumur 13 hingga 17 tahun adalah perokok yang menunjukkan pelajar mula berjinak dengan tabiat ini sejak awal remaja lagi. Menurut Ahmad Redzuan (2003), tabiat merokok secara tidak langsung boleh menyebabkan perokok terlibat dengan dadah. Justeru, tabiat merokok dalam kalangan pelajar perlu dibendung bagi mengelakkan mereka terjebak dalam masalah sosial yang lebih kritikal.

Jadual 2: Penglibatan dalam Gejala Sosial

Bil	Pernyataan	n (%)
1	Merokok	846 (28.7%)
2	Lumba haram	277 (9.4%)
3	Melayari laman web lucah	246 (8.4%)
4	Ponteng kelas	219 (7.4%)
5	Clubbing	191 (6.5%)
6	Judi	121 (4.1%)
7	Mengambil bahan terlarang (contoh: pil kuda, air ketum)	93 (3.1%)
8	Buli	87 (3.0%)
9	Vandalisme (merosakkan harta benda awam)	67 (2.3%)
10	Peras ugut	54 (1.8%)

Seterusnya perbezaan lima aktiviti sosial utama mengikut tempat pengajian dijalankan. Perbincangan akan dimulai dengan aktiviti merokok, lumba haram, melayari laman web lucah, ponteng kelas dan *clubbing*. Jadual 3 menunjukkan responden dari IKBN Seri Iskandar mencatatkan peratusan tertinggi bagi aktiviti merokok, iaitu 47.1 peratus, diikuti responden dari IKTBN Dusun Tua (44.8%) dan responden dari Akademi Kemahiran Belia Golf dengan 43.5 peratus.

Jadual 3: Aktiviti Merokok mengikut Tempat Pengajian

	Merokok			Total
	TP	TK	K	
IKBN Seri Iskandar	17 24.3%	20 28.6%	33 47.1%	70 100.0%
IKTBN Dusun Tua	69 32.5%	48 22.6%	95 44.8%	212 100.0%
AKBG	9 39.1%	4 17.4%	10 43.5%	23 100.0%
IKBN Kuala Perlis	50 31.3%	46 28.8%	64 40.0%	160 100.0%
IKBN Pekan	46 38.0%	27 22.3%	48 39.7%	121 100.0%
IKBN Kinarut	74 35.2%	57 27.1%	79 37.6%	210 100.0%
IKTBN Temerloh	31 49.2%	10 15.9%	22 34.9%	63 100.0%

IKBN Miri	70 40.9%	42 24.6%	59 34.5%	171 100.0%
IKTBN Chembong	55 43.0%	31 24.2%	42 32.8%	128 100.0%
IKTBN Pagoh	71 37.8%	59 31.4%	58 30.9%	188 100.0%
IKTBN Sepang	39 39.0%	31 31.0%	30 30.0%	100 100.0%
IKBN Naka	31 34.1%	33 36.3%	27 29.7%	91 100.0%
IKTBN Bukit Mertajam	102 45.7%	57 25.6%	64 28.7%	223 100.0%
IKBN Jitra	120 55.0%	36 16.5%	62 28.4%	218 100.0%
IKBN Wakaf Tapai	88 65.2%	19 14.1%	28 20.7%	135 100.0%
IKTBN Alor Gajah	50 56.8%	20 22.7%	18 20.5%	88 100.0%
IKBN Kuala Langat	78 59.1%	27 20.5%	27 20.5%	132 100.0%
IKBN Bandar Penawar	41 54.7%	20 26.7%	14 18.7%	75 100.0%
IKTBN Bachok	163 68.2%	36 15.1%	40 16.7%	239 100.0%
IKBN Peretak	154 76.6%	25 12.4%	22 10.9%	201 100.0%
IKBN Kemasik	86 85.1%	11 10.9%	4 4.0%	101 100.0%
Total	1444 49.0%	659 22.3%	846 28.7%	2949 100.0%

*Petunjuk: TP : Tidak pernah TK: Tidak kerap K: Kerap

Jadual 4 pula menunjukkan aktiviti lumba haram mengikut tempat pengajian. Hasil kajian menunjukkan responden dari Akademi Kemahiran Belia Golf mencatatkan peratusan kekerapan yang tinggi (21.7%) bagi aktiviti lumba haram, 21.2 peratus adalah responden dari IKTBN Dusun Tua dan 15.9 peratus responden dari IKBN Seri Iskandar.

Jadual 4: Aktiviti Lumba Haram mengikut Tempat Pengajian

	Lumba haram			Total
	TP	TK	K	

AKBG	14 60.9%	4 17.4%	5 21.7%	23 100.0%
IKTBN Dusun Tua	108 50.9%	59 27.8%	45 21.2%	212 100.0%
IKBN Seri Iskandar	36 52.2%	22 31.9%	11 15.9%	69 100.0%
IKTBN Chembong	75 59.1%	33 26.0%	19 15.0%	127 100.0%
IKTBN Temerloh	39 61.9%	15 23.8%	9 14.3%	63 100.0%
IKTBN Alor Gajah	62 69.7%	16 18.0%	11 12.4%	89 100.0%
IKBN Naka	54 59.3%	25 27.5%	12 13.2%	91 100.0%
IKBN Kuala Perlis	87 54.4%	53 33.1%	20 12.5%	160 100.0%
IKBN Jitra	145 66.5%	47 21.6%	26 11.9%	218 100.0%
IKTBN Bukit Mertajam	140 62.8%	57 25.6%	26 11.7%	223 100.0%
IKBN Pekan	74 61.2%	36 29.8%	11 9.1%	121 100.0%
IKTBN Pagoh	107 56.9%	66 35.1%	15 8.0%	188 100.0%
IKTBN Sepang	57 56.4%	37 36.6%	7 6.9%	101 100.0%
IKBN Miri	116 67.8%	44 25.7%	11 6.4%	171 100.0%
IKBN Wakaf Tapai	100 74.1%	27 20.0%	8 5.9%	135 100.0%
IKBN Kinarut	150 72.1%	46 22.1%	12 5.8%	208 100.0%
IKBN Peretak	178 89.0%	13 6.5%	9 4.5%	200 100.0%
IKBN Kemasik	87 86.1%	10 9.9%	4 4.0%	101 100.0%
IKBN Bandar Penawar	50 66.7%	22 29.3%	3 4.0%	75 100.0%
IKBN Kuala Langat	106 80.9%	20 15.3%	5 3.8%	131 100.0%

IKTBN Bachok	192 80.3%	39 16.3%	8 3.3%	239 100.0%
Total	1977 67.1%	691 23.5%	277 9.4%	2945 100.0%

*Petunjuk: TP : Tidak pernah
K: Kerap

TK: Tidak kerap

Jadual 5 di bawah menunjukkan taburan kekerapan responden melakukan aktiviti melayari laman web lucah mengikut tempat pengajian. Hasil kajian menunjukkan responden dari IKTBN Dusun Tua mencatatkan peratusan kekerapan yang tinggi (22.1%) bagi aktiviti melayari laman web lucah, diikuti responden dari IKBN Seri Iskandar (16.2%) dan 15.9 peratus adalah responden dari IKTBN Temerloh.

Jadual 5: Aktiviti Melayari Laman Web Lucah mengikut Tempat Pengajian

	Laman web lucah			Total
	TP	TK	K	
IKTBN Dusun Tua	80 38.5%	82 39.4%	46 22.1%	208 100.0%
IKBN Seri Iskandar	29 42.6%	28 41.2%	11 16.2%	68 100.0%
IKTBN Temerloh	35 55.6%	18 28.6%	10 15.9%	63 100.0%
IKBN Miri	102 59.6%	48 28.1%	21 12.3%	171 100.0%
IKBN Kinarut	84 39.6%	102 48.1%	26 12.3%	212 100.0%
IKBN Bandar Penawar	42 56.0%	24 32.0%	9 12.0%	75 100.0%
IKTBN Chembong	69 54.8%	44 34.9%	13 10.3%	126 100.0%
IKTBN Sepang	49 49.0%	41 41.0%	10 10.0%	100 100.0%
IKTBN Alor Gajah	52 59.8%	28 32.2%	7 8.0%	87 100.0%
IKBN Naka	53 60.2%	28 31.8%	7 8.0%	88 100.0%
IKBN Kuala Perlis	68 43.0%	78 49.4%	12 7.6%	158 100.0%
IKBN Pekan	79 65.8%	32 26.7%	9 7.5%	120 100.0%

IKTBN Pagoh	106 56.4%	70 37.2%	12 6.4%	188 100.0%
IKBN Kuala Langat	84 64.1%	39 29.8%	8 6.1%	131 100.0%
IKTBN Bukit Mertajam	122 55.0%	87 39.2%	13 5.9%	222 100.0%
IKBN Jitra	143 66.5%	62 28.8%	10 4.7%	215 100.0%
AKBG	14 60.9%	8 34.8%	1 4.3%	23 100.0%
IKBN Peretak	147 73.1%	46 22.9%	8 4.0%	201 100.0%
IKTBN Bachok	176 74.6%	52 22.0%	8 3.4%	236 100.0%
IKBN Wakaf Tapai	95 70.4%	37 27.4%	3 2.2%	135 100.0%
IKBN Kemasik	87 86.1%	12 11.9%	2 2.0%	101 100.0%
Total	1716 58.6%	966 33.0%	246 8.4%	2928 100.0%

*Petunjuk: TP : Tidak pernah
K: Kerap

TK: Tidak kerap

Seterusnya aktiviti ponteng kelas mengikut tempat pengajian dibentangkan dalam Jadual 6. Hasil kajian menunjukkan responden dari Akademi Kemahiran Belia Golf mencatatkan peratusan kekerapan yang tinggi (17.4%) bagi aktiviti ponteng kelas, diikuti responden dari IKBN Bandar Penawar (16.0%) dan responden dari IKTBN Dusun Tua pula adalah 13.7 peratus.

Jadual 6: Aktiviti Ponteng Kelas mengikut Tempat Pengajian

	Ponteng kelas			Total
	TP	TK	K	
AKBG	10 43.5%	9 39.1%	4 17.4%	23 100.0%
IKBN Bandar Penawar	30 40.0%	33 44.0%	12 16.0%	75 100.0%
IKTBN Dusun Tua	91 42.9%	92 43.4%	29 13.7%	212 100.0%
IKBN Seri Iskandar	27 39.7%	33 48.5%	8 11.8%	68 100.0%

IKBN Naka	50 54.9%	31 34.1%	10 11.0%	91 100.0%
IKBN Miri	88 51.5%	65 38.0%	18 10.5%	171 100.0%
IKBN Kuala Perlis	84 52.5%	62 38.8%	14 8.8%	160 100.0%
IKTBN Chembong	56 44.1%	60 47.2%	11 8.7%	127 100.0%
IKBN Kinarut	89 42.2%	104 49.3%	18 8.5%	211 100.0%
IKBN Peretak	116 57.7%	68 33.8%	17 8.5%	201 100.0%
IKTBN Sepang	48 47.5%	45 44.6%	8 7.9%	101 100.0%
IKBN Kuala Langat	79 60.8%	42 32.3%	9 6.9%	130 100.0%
IKBN Wakaf Tapai	90 66.7%	36 26.7%	9 6.7%	135 100.0%
IKBN Jitra	127 58.5%	76 35.0%	14 6.5%	217 100.0%
IKTBN Bachok	148 61.9%	79 33.1%	12 5.0%	239 100.0%
IKTBN Temerloh	40 63.5%	20 31.7%	3 4.8%	63 100.0%
IKBN Pekan	69 57.0%	47 38.8%	5 4.1%	121 100.0%
IKBN Kemasik	74 73.3%	23 22.8%	4 4.0%	101 100.0%
IKTBN Bukit Mertajam	140 62.8%	75 33.6%	8 3.6%	223 100.0%
IKTBN Alor Gajah	59 66.3%	28 31.5%	2 2.2%	89 100.0%
IKTBN Pagoh	98 52.1%	86 45.7%	4 2.1%	188 100.0%
Total	1613 54.8%	1114 37.8%	219 7.4%	2946 100.0%

*Petunjuk: TP : Tidak pernah

TK: Tidak kerap

K: Kerap

Taburan kekerapan responden melakukan aktiviti clubbing mengikut tempat pengajian dibentangkan seperti dalam Jadual 7. Hasil kajian

menunjukkan responden dari IKBN Seri Iskandar mencatatkan peratusan kekerapan yang tinggi (14.7%), diikuti responden dari IKBN Miri (14.0%), 11.9 peratus adalah responden dari IKTBN Chembong.

Jadual 7: Aktiviti Clubbing mengikut Tempat Pengajian

	<i>Clubbing</i>			Total
	TP	TK	K	
IKBN Seri Iskandar	36 52.9%	22 32.4%	10 14.7%	68 100.0%
IKBN Miri	99 57.9%	48 28.1%	24 14.0%	171 100.0%
IKTBN Chembong	77 61.1%	34 27.0%	15 11.9%	126 100.0%
IKTBN Dusun Tua	137 64.9%	51 24.2%	23 10.9%	211 100.0%
IKBN Kinarut	121 58.2%	66 31.7%	21 10.1%	208 100.0%
IKTBN Temerloh	44 69.8%	13 20.6%	6 9.5%	63 100.0%
AKBG	15 65.2%	6 26.1%	2 8.7%	23 100.0%
IKTBN Bukit Mertajam	174 78.4%	33 14.9%	15 6.8%	222 100.0%
IKTBN Pagoh	118 62.8%	58 30.9%	12 6.4%	188 100.0%
IKTBN Sepang	63 63.6%	30 30.3%	6 6.1%	99 100.0%
IKBN Pekan	88 72.7%	26 21.5%	7 5.8%	121 100.0%
IKBN Kuala Perlis	106 66.3%	45 28.1%	9 5.6%	160 100.0%
IKBN Jitra	161 73.9%	45 20.6%	12 5.5%	218 100.0%
IKBN Naka	68 74.7%	19 20.9%	4 4.4%	91 100.0%
IKBN Bandar Penawar	52 69.3%	20 26.7%	3 4.0%	75 100.0%
IKBN Peretak	172 85.6%	22 10.9%	7 3.5%	201 100.0%
IKTBN Alor Gajah	71 79.8%	15 16.9%	3 3.4%	89 100.0%

IKBN Kuala Langat	101 77.1%	26 19.8%	4 3.1%	131 100.0%
IKBN Kemasik	91 90.1%	8 7.9%	2 2.0%	101 100.0%
IKTBN Bachok	196 82.0%	39 16.3%	4 1.7%	239 100.0%
IKBN WakafTapai	105 77.8%	28 20.7%	2 1.5%	135 100.0%
Total	2095 71.3%	654 22.2%	191 6.5%	2940 100.0%

*Petunjuk: TP : Tidak pernah
K: Kerap

TK: Tidak kerap

Seterusnya responden ditanya mengenai faktor yang mendorong mereka terlibat dalam aktiviti sosial tersebut (Jadual 8). Sebanyak 13 faktor telah dikemukakan dan responden boleh memilih lebih daripada satu faktor. Hasil kajian mendapati faktor utama yang mendorong responden terjebak dalam aktiviti sosial adalah didorong oleh faktor ingin mencuba (47.4%), diikuti pengaruh rakan (42.3%), melepaskan geram (28.0%) dan pengaruh internet (25.3%). Manakala faktor yang kurang mempengaruhi adalah pengaruh akhbar (9.5%) manakala pengaruh VCD lucu dan pengaruh kelab malam masing-masing menyumbang 9.6 peratus.

Hasil kajian juga mendapati, faktor yang mendorong pelajar terlibat dalam aktiviti sosial tersebut adalah disebabkan oleh faktor ingin mencuba (47.4%), pengaruh rakan (42.3%) dan melepaskan geram (28.0%). Hasil kajian ini konsisten dengan kajian yang telah dilakukan oleh Zainudin dan Norazmah (2011) yang mendapati bahawa pelajar yang terlibat dengan masalah sosial adalah pelajar-pelajar yang mempunyai keinginan yang tinggi untuk mencuba sesuatu yang baru yang tidak pernah mereka lakukan. Oleh itu, perasaan ingin tahu yang wujud dalam diri akan mendorong mereka melakukan apa sahaja tanpa memikirkan kesan sampingan apabila melakukan perkara-perkara tersebut. Dapatan kajian ini juga disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Hasan (2004) yang mendapati pengaruh rakan-rakan sebaya berperanan penting dalam menentukan perilaku remaja. Tambahan pula, pelajar lebih banyak meluangkan masa bersama rakan-rakan memandangkan mereka tinggal di asrama dan bukan bersama keluarga sepanjang tempoh pengajian.

Jadual 8: Faktor Mendorong Penglibatan Responden dalam Gejala Sosial

Bil	Faktor	n (%)
1	Ingin mencuba	1466 (47.4%)

2	Pengaruh rakan	1308 (42.3%)
3	Melepaskan geram	867 (28.0%)
4	Pengaruh internet	784 (25.3%)
5	Kurang perhatian	639 (20.7%)
6	Mendapatkan wang	635 (20.5%)
7	Pengaruh masyarakat	608 (19.7%)
8	Menjadi juara	575 (18.6%)
9	Pengaruh televisyen	501 (16.2%)
10	Kurang didikan agama	480 (15.5%)
11	Pengaruh vcd lucu	298 (9.6%)
12	Pengaruh kelab malam	298 (9.6%)
13	Pengaruh akhbar	293 (9.5%)

KESIMPULAN

Hasil kajian menunjukkan aktiviti utama yang dilakukan oleh pelajar adalah merokok diikuti lumba haram, melayari laman web lucu, ponteng kelas dan clubbing. Jika diperhatikan, merokok merupakan isu utama di ILKBS apabila aktiviti tersebut dilakukan oleh kebanyakan pelajar namun aktiviti sosial lain juga wajar diberikan perhatian. Melalui kajian ini, aktiviti sosial berdasarkan ILKBS dan faktor yang mendorong penglibatan pelajar juga dapat dikenal pasti.

Justeru kajian ini memberi implikasi kepada pihak pengurusan ILKBS supaya dapat memfokuskan penyelesaian bagi menangani aktiviti sosial di institusi masing-masing. Selain itu pihak pengurusan ILKBS juga dicadangkan supaya memantau aktiviti pelajar memandangkan pelajar lebih banyak meluangkan masa bersama rakan-rakan semasa tinggal di asrama.

RUJUKAN

- Abd. Rahim, A. R. (2006). Menangani Perkembangan dan Masalah Tingkah Laku Remaja Dalam Keluarga. Universiti Malaya: Pusat Pembangunan Keluarga.
- Azizi, Y. dan Badruzaman, B. (2006). Persekitaran keluarga dan kesannya terhadap tingkah laku devian remaja di daerah Pontian, Johor. Tesis Sarjana: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hasan, B. (2004). Remaja, kemiskinan dan juvana satu realiti? Kertas kerja

yang dibentangkan di Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modenisme (Sivic 2004), Hotel City Bayview Langkawi, Kedah. 4 - 6 September 2004.

Siti S. J., Fauziah, A., Shamsaadal, S. S., Zahrul, A. D., Shahidah, H., Harliana, H., Md Akbal, A., dan Ku Hasnan, K. H. (2017). Tingkah laku devian dan perlakuan jenayah: Cabaran kecenderungan negatif di sebalik kehidupan masa lalu dan masa kini. Kertas kerja dibentangkan pada Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan Kali ke-2.

Zainal, M. dan Mohd. Sharani, A. (2004). Panduan Mengurus Remaja Moden. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Zainudin, S. dan Norazmah, M. R. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 1, 115-140.

Profil Penulis :

Farhan Mat Arisah

Eksekutif Penyelidik

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia



PANDUAN KEPADA PENYUMBANG

Malaysian Journal of Youth Studies ialah sebuah jurnal berwasit yang komited kepada perkembangan ilmu pengajian belia. Jurnal ini menerbitkan artikel yang pastinya boleh menjadi input berguna kepada para pembuat keputusan, sarjana serta individu perseorangan dalam aspek pembangunan belia. Jurnal ini diterbitkan oleh IYRES secara berkala dua (2) kali setahun.

PROSEDUR PENYERAHAN MANUSKRIP

Malaysian Journal of Youth Studies menerbitkan manuskrip yang ditulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Manuskrip yang diserahkan untuk diterbitkan dalam jurnal ini hendaklah merupakan karya asli yang belum pernah diterbitkan atau tidak dihantar untuk pertimbangan oleh mana-mana penerbitan lain. Manuskrip, ditaip selang sebaris di atas kertas bersaiz A4, hendaklah diserahkan kepada Urusetia, *Malaysian Journal of Youth Studies* (MJYS), Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Biodata ringkas penulis juga perlu disertakan bersama.

Para penulis yang manuskripnya telah diterima untuk penerbitan dikehendaki menghantar sesalinan manuskrip akhir yang telah disunting dalam bentuk *soft copy*. Satu nota ringkas biografi penulis perlu disertakan bersama-sama dengan manuskrip. Semasa manuskrip masih dalam pertimbangan Lembaga Editorial, para penulis bertanggungjawab menghubungi editor untuk memaklumkan tentang sebarang perubahan alamat. Setiap artikel yang diterbitkan akan diberikan dua (2) naskah salinan *Malaysian Journal of Youth Studies*.

FORMAT DAN GAYA

Tajuk sesuatu manuskrip perlulah ringkas, deskriptif dan seharusnya tidak melebihi 15 perkataan. Setiap manuskrip harus mempunyai abstrak (150 hingga 250 patah perkataan) dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang berkisarkan isi-isi utamanya termasuk kata kunci sekurang-kurangnya lima (5) perkataan, tujuan, objektif, metodologi, dapatan dan rumusan. Penulisan artikel diantara 15 hingga 20 muka surat sahaja.

Semua ilustrasi termasuk rajah, carta dan graf, mesti dilabel dan disediakan dalam halaman bersama dengan teks. Kedudukan ilustrasi seperti yang dikehendaki dalam teks hendaklah ditanda dengan jelas.

Rujukan dalam teks hendaklah menggunakan sistem nama penulis dan diikuti oleh tahun penerbitan. Satu senarai rujukan yang disusun mengikut abjad hendaklah dimasukkan di bahagian akhir sesebuah manuskrip. Kesemua rujukan yang dipetik dalam teks haruslah muncul dalam kesempurnaan maklumat dan senarai rujukan. Semua manuskrip mesti mengikut garis panduan rujukan A.P.A (*The American Psychological Association*).

HAK CIPTA

Parapenulis bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan manuskrip mereka tidak melanggar mana-mana hak cipta sedia ada. Penulis bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi kepada para editor dan penerbit ke atas sebarang pelanggaran terhadap hak cipta. Parapenulis seharusnya mendapatkan keizinan untuk menerbitkan semula atau mengubahsuai bahan-bahan yang mempunyai hak cipta dan menunjukkan bukti keizinan tersebut semasa menyerahkan naskhah akhir manuskrip.

PROSES PEWASITAN

Sesebuah manuskrip akan dinilai oleh Lembaga Editorial dan diwasitkan. Keputusan tentang penerbitan sesebuah manuskrip berdasarkan kepada saranan ahli-ahli Lembaga Editorial. Sesebuah manuskrip akan dinilai berasaskan kesesuaiannya dengan *Malaysian Journal of Youth Studies* sumbangan kepada disiplin ilmu, kejituan analisis, keluasan konseptual, persembahan yang jelas dan kesempurnaan teknikal. Bagi memastikan sesebuah manuskrip dinilai semata-mata berdasarkan meritnya, identiti penulis semasa proses perwasitan tidak didedahkan kepada wasit. Manuskrip yang diserahkan oleh mana-mana anggota Lembaga Editorial juga tertakluk kepada prosedur perwasitan yang sama.

GUIDE TO CONTRIBUTORS

Malaysian Journal of Youth Studies is a refereed journal committed to youth developmental studies. The articles published in this journal is beneficial to decision makers, scholars or individuals related to youth development. This journal is published by IYRES twice a year.

MANUSCRIPT SUBMISSION PROCESS

Malaysian Journal of Youth Studies is published in both Malay and English languages. The manuscript submitted for publication must be authentic and has never been published in any journal or never been sent to any other publication. The manuscript must be single spacing and typed in an A4 paper, to be submitted to the Secretariat, Malaysian Journal of Youth Studies (MJYS), Institute for Youth Research Malaysia. The biodata of the author is to be appended.

The authors whose manuscript have been accepted for publication are required to submit a duly edited soft copy version together with a biography of the authors. In the course of the Editorial Board consideration, the authors are responsible to inform of any changes in address. 2 copies of Malaysian Journal of Youth Studies will be given to the authors of the published manuscripts.

FORMAT AND STYLE

The title of the manuscript must be concise, descriptive and should not be more than 15 words. Each manuscript must contain an abstract (150-250 words) in Malay and English languages describing its main points including five (5) key words, the aim, objectives, methodology, findings and conclusions. The article should only be between 15-20 pages.

All illustration including diagrams, charts and graphs are to be labelled and placed in the same page as the texts. The placement of the illustration must be labelled clearly.

References in the text should be indicated by giving the names(s) of the author(s) followed by the year of publications. A list of references in alphabetical order should be appended at the end of the manuscript. All cited information must be accurate and listed in the reference. The manuscripts must adhere to the guidelines format in A.P.A (American Psychological Association).

COPYRIGHT

The authors are fully responsible to ensure their manuscripts do not infringe any copyrights, should such infringement occur; the authors shall be made accountable to indemnify the editor and publisher. The authors are expected to obtain consent for any reproduction or modification of any copyrighted materials and to exhibit the consent during the final submission.

REVIEW PROCESS

Manuscripts will be reviewed by the Editorial Board. The decision for publication will be based on the recommendation by the Editorial Board. The manuscripts will be evaluated based on its suitability to Malaysian Journal of Youth Studies, contribution to knowledge, accuracy of analysis, conceptual breath, clarity of presentation and technical strength. In order to ensure the manuscripts are evaluated based on merits, the identities of the authors are not disclosed during the review process. Manuscripts submitted by the Editorial Board are subjected to the same procedure.

Malaysian Journal of Youth Studies Malaysia diterbitkan dua kali setahun oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Segala pandangan yang tersiar dalam *Malaysian Journal of Youth Studies*, kecuali dinyatakan sebaliknya, adalah pandangan masing-masing penulis, dan tidak semestinya mencerminkan pandangan Sidang Editor. Semua surat-menyerat mengenai makalah dan sehubungan dengannya hendaklah dialamatkan kepada:

Malaysian Journal of Youth Studies is published biannually by the Institute for Youth Research Malaysia, Ministry of Youth and Sports Malaysia. All views expressed in Malaysian Journal of Youth Studies, unless otherwise stated, are those of the contributors, and do not necessarily reflect the views of the Editorial Board. All correspondence pertaining to articles and related matters should be addressed to:

Executive Editor/ Editor Kerja

Malaysian Journal of Youth Studies

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

Aras 10, Menara KBS

No. 27 Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62570 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8871 3705/3790

Faks: 03-8871 3342

Email: malaysianyouth@iyres.gov.my

<http://www.iyres.gov.my>

Ledakan Data Raya dan Revolusi Industri 4.0 Siti Nurhidayah Ismail	111-119
Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018 Mengukur Tahap Budaya Sukan Rakyat Malaysia Mastura Mohamad	120-135
Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Belia untuk Terlibat dalam Masalah Sosial: Kajian Kes dalam Kalangan Pelajar Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) Farhan Mat Arisah	136-152

Published by/diterbitkan oleh

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)

Aras 10, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8871 3705/3790

Faks: 03-8871 3342

Website: <http://www.iyres.gov.my>

